



# L A P O R A N TAHUNAN 2020

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



# L A P O R A N TAHUNAN 2020

---

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Cetakan Pertama 2023

© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) 2020

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Laporan Tahunan LHDNM 2020

Reka Bentuk Kulit : Maziza Sdn. Bhd.

Diatur huruf oleh : Harjinder Singh / Dr. Abdul Razak Mohamad Dewa

Rupa taip teks : Myriad Pro

Saiz taip teks : 9/11

Dicetak oleh :

Maziza Sdn Bhd

9 & 11, Jalan Helang Sewah

Kepong Baru, 52100 Kuala Lumpur

Tel : 603-6274 5331 / 603-6274 4193 / 603-6272 6345

Fax : 603-6274 8246

Emel : maziza.sdn.bhd@gmail.com

# Kandungan

|                                     |     |
|-------------------------------------|-----|
| Perutusan Pengerusi Anggota Lembaga | 4   |
| Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif   | 8   |
| Profil LHDNM                        | 14  |
| Fungsi LHDNM                        | 15  |
| Kuasa LHDNM                         | 16  |
| Budaya Korporat                     | 17  |
| Piagam Pelanggan                    | 18  |
| Nilai Teras                         | 22  |
| Anggota Lembaga                     | 24  |
| Pengurusan Eksekutif                | 26  |
| Carta Organisasi                    | 28  |
| Penyataan Tadbir Urus Korporat      | 30  |
| Pencapaian LHDNM 2020               | 43  |
| Teras Strategik                     | 48  |
| Anugerah Dan Pengiktirafan          | 69  |
| Yayasan LHDNM                       | 70  |
| Bantuan Khas Kerajaan               | 71  |
| Direktori LHDNM                     | 84  |
| Penyata Kewangan                    | 86  |
| Laporan Prestasi Kewangan           | 156 |

# PERUTUSAN Pengerusi

## Anggota Lembaga



*Jelas dilihat digitalisasi menjadi kunci kepada kesinambungan operasi perniagaan, bahkan mampu membuka ruang baharu meluaskan pasaran dengan cara dan kos yang lebih efektif dan berkesan.*

### Tahun 2020 – Landskap Ekonomi Yang Mencabar


Tahun 2020 membawa cabaran getir yang sukar dibayangkan.

Ketidaktentuan ekonomi, ketidakstabilan geopolitik global, konflik kemanusiaan, serta krisis kesihatan yang belum berpenghujung menambahkan lagi tekanan kepada negara di seluruh dunia.

Krisis kesihatan yang melanda bukan sahaja menuntut tindak balas untuk bertahan, mitigasi risiko dan kesan, tetapi juga menuntut pemikiran luar sempadan mencari jalan penyelesaian dan mengemudi negara keluar dari tempoh sukar ini. Kita bersyukur kerana kerajaan sentiasa proaktif memastikan usaha-usaha melindungi rakyat dan ekonomi negara terus dilaksanakan dan diseimbangkan tanpa mengenyahkan mana-mana pihak. Pelbagai inisiatif dan bantuan seperti Bantuan Prihatin Nasional (BPN), Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) dan Geran Khas Prihatin (GKP) terus disalurkan demi memastikan kelangsungan rakyat dan ekonomi peniaga khususnya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mikro dapat dipertahankan.

Landskap ekonomi negara turut melalui pertumbuhan yang perlahan, dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun 2020 terus mengalami penguncupan (4.5 peratus) kesan daripada tekanan faktor global dan domestik.

Di sebalik kelembapan ini, perkembangan ekonomi digital dan e-dagang pula merekodkan pertumbuhan yang memberangsangkan kesan adaptasi dan peralihan perniagaan konvensional kepada platform digital. Perintah Kawalan



Pergerakan (PKP), arahan dan prosedur operasi standard (SOP) ketat pengoperasian perniagaan telah menjejaskan norma dan rutin biasa perniagaan, akhirnya menuntut kepada peralihan ke arah perniagaan digital. Perubahan ini bukan lagi pilihan, malah dilihat sebagai keperluan untuk terus berdaya tahan memastikan kelangsungan perniagaan.

Jelas dilihat digitalisasi menjadi kunci kepada kesinambungan operasi perniagaan, bahkan mampu membuka ruang baharu meluaskan pasaran dengan cara dan kos yang lebih efektif dan berkesan. Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) menjangkakan perkembangan ekonomi digital ini mampu menyumbang 20 peratus kepada KDNK negara pada tahun 2020.

Dari perspektif Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), perubahan ini turut memberi gambaran dan haluan kepada penjajaran strategi dan corak pengoperasiannya sebagai agensi pemungut cukai langsung negara.

Sejak PKP dikuatkuasakan, kutipan cukai bagi perniagaan dalam talian pada suku pertama 2020 mencatatkan lonjakan ketara sehingga 28.9 peratus. Justeru, LHDNM akan sentiasa mengubah suai dan mengadaptasi model perniagaannya seiring dengan tuntutan persekitaran semasa agar kelangsungan cukai dari sumber ini dapat dikutip sewajarnya.

Kolaborasi strategik dengan agensi berkepentingan seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) diperluaskan bagi memastikan setiap perniagaan dalam talian telah berdaftar dengan pihak SSM berada dalam jaringan cukai LHDNM.

## Prestasi Tahun 2020

Penjajaran semula strategi pengoperasian, penguatkuasaan, aktiviti kesedaran serta pendidikan cukai dan pemantapan pengurusan organisasi yang berterusan turut memberi kesan kepada prestasi LHDNM pada tahun 2020. Di sebalik kelembapan ekonomi semasa, LHDNM terus komited mendepani cabaran, merungkai ketidaktentuan dan merealisasikan ekspektasi serta tanggungjawab yang diberikan. Kecemerlangan ini dibuktikan dengan prestasi kutipan cukai langsung tahun 2020 direkodkan pada RM123.11 bilion, peningkatan 1.15% atau melebihi RM1.40 bilion berbanding tahun 2019.



**Prestasi Kutipan Cukai  
Langsung Tahun 2020**  
**RM123.11 bilion**

Secara keseluruhannya kecemerlangan prestasi dan pencapaian KPI LHDNM menggambarkan organisasi ini terus berada pada tahap tertinggi.

| Strategi LHDNM                                                                                                                      | Proses Utama                  | Prestasi 2020                                                               |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------|
| Penyumbang utama kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat dengan bidang keberhasilan (KRA) fokus kepada <b>pematuhan sukarela</b> | Kutipan Cukai                 | RM123.10 bilion @ 101.06%                                                   |
|                                                                                                                                     | Fail Syarikat                 | Kes selesai 233,566 kes @ 145.20%                                           |
|                                                                                                                                     | Fail Perniagaan               | Kes selesai 492,149 kes @ 120.45%                                           |
|                                                                                                                                     | Fail Individu Penggajian      | Kes selesai 1,346,364 kes @ 124.79%                                         |
|                                                                                                                                     | Fail Majikan                  | Kes selesai 68,083 kes @ 129.02%                                            |
|                                                                                                                                     | Siasatan                      | Kes selesai 7,414 kes @ 315.36%                                             |
|                                                                                                                                     | Tunggakan Debit Tahun Sebelum | Pengurangan terkumpul RM8.179 bilion @ 152.82%                              |
|                                                                                                                                     | Tunggakan Debit Tahun Semasa  | Baki tunggakan 4.50% tidak melebihi peratus sasaran sebanyak 100% @ 106.12% |
| Pentadbir sistem percukaian yang diyakini rakyat dengan bidang keberhasilan (KRA) fokus kepada <b>pelanggan</b>                     | Bayaran Balik                 | Kes selesai 99.98% daripada permohonan diterima @ 111.09%                   |
|                                                                                                                                     | Indeks Kepuasan Pelanggan     | Sejumlah 99.77% responden mencapai tahap kepuasan @ 110.86%                 |
| Sistem dan prosedur kerja yang cekap dan berkesan dengan bidang keberhasilan (KRA) fokus kepada <b>kecemerlangan organisasi</b>     | Kecekapan Kos Pungutan        | Pencapaian kos pungutan pada RM1.90 @ 107.37%                               |
|                                                                                                                                     | Perkhidmatan ezHasil          | Mencapai 100% tahap kesediaan sistem @ 106.00%                              |
| LHDNM sebagai majikan pilihan dengan bidang keberhasilan (KRA) fokus kepada <b>institusi mampan</b>                                 | Indeks Kepuasan Bekerja       | Mencapai 97.47% tahap kepuasan bekerja @ 114.67%                            |

## Belanjawan 2021

Belanjawan 2021 yang bertemakan 'Teguh Kita Menang Bersama' dirangka berdasarkan tiga matlamat induk yang merupakan kesinambungan kepada Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), PRIHATIN PKS Tambahan, Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan Kita Prihatin. Tiga matlamat induk berkenaan ialah:

1. Kesejahteraan rakyat;
2. Kelangsungan perniagaan; dan
3. Ketahanan ekonomi.

Melalui Belanjawan 2021, Strategi 6R (*Resolve, Resilience, Restart, Recovery, Revitalise dan Reform*) dirangka khusus untuk memastikan kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan dan ketahanan

ekonomi terus dipelihara. Kerajaan komited untuk membawa Malaysia keluar daripada kemelut pandemik yang mengancam kesejahteraan negara. Ini dizahirkan dengan pelaksanaan pelan pemulihan ekonomi negara melalui langkah pembukaan semula semua sektor ekonomi secara berperingkat, diimbangi dengan strategi pembendungan COVID-19 yang lebih bersasar dan pelaksanaan pelan vaksinasi COVID-19 yang kemas dan tersusun.

Strategi jangka pendek dan sederhana terus digubal bagi menyokong dasar dan konsolidasi fiskal negara antaranya mewujudkan 500,000 peluang pekerjaan dan memastikan sektor-sektor tertentu mengekalkan kapasiti sedia ada. Manakala bagi jangka panjang pula, kerajaan berusaha meningkatkan kesalinghubungan digital

dan fizikal, melabur dalam pendidikan dan prinsip kelestarian sebagai batu asas untuk daya tahan dan pertumbuhan masa depan.

Dengan perancangan strategi pemulihan yang jelas ini, ekonomi Malaysia dijangka pulih pada kadar 6.5 peratus hingga 7.5 peratus pada 2021, hampir selaras dengan ramalan oleh Bank Dunia pada kadar 6.3 peratus, *Standard and Poor's Ratings Services* (S&P) pada 7.5 peratus dan *Moody's Investors Services* (Moody's) lebih 7.0 peratus.

Ramalan positif oleh pelbagai agensi terkemuka ini seharusnya memberi keyakinan semula kepada pelabur dalam dan luar negara untuk terus menjadikan Malaysia antara destinasi pelaburan yang menguntungkan di rantau Asia.

### Cabaran Masa Mendatang

Tidak dinafikan COVID-19 mencetus pandemik global yang memberi tekanan dan kesan mendalam kepada kesejahteraan dan pertumbuhan sosio-ekonomi sesebuah negara. Ia menuntut organisasi, pemimpin dan komuniti di seluruh dunia melaksanakan transformasi dalam mengadaptasi cabaran dan peluang yang boleh dimanipulasi demi kepentingan bersama.

Kebijaksanaan dan kecekapan pemimpin dalam mengemudi organisasi di saat sukar inilah yang menjadi elemen penting dalam memastikan hala tuju dan kesinambungan organisasi terus dipertahankan. Barisan kepimpinan yang cemerlang seharusnya mampu menjajar semula strategi mengikut tuntutan persekitaran semasa, mengoptimumkan peluang-peluang baharu serta mengukuhkan kesepaduan dan keyakinan seluruh warga kerjanya untuk terus bersolidariti menyokong setiap usaha dan strategi yang diijarkan.

### Teruskan Kecemerlangan Hasilian


Tahniah dan syabas kepada semua barisan Anggota Lembaga, Pengurusan Tertinggi LHDNM dan Hasilian yang terus komited berganding bahu memantapkan kualiti penyampaian perkhidmatan agensi kepada rakyat. Walau dalam suasana sukar, kepentingan perkhidmatan terus didahulukan melebihi keperluan dan kepentingan peribadi. Komitmen, integriti, dedikasi dan profesionalisme

yang berterusan dalam melaksanakan tanggungjawab membuktikan organisasi ini berada pada kelasnya yang tersendiri.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan Tertinggi LHDNM serta seluruh Ahli Lembaga LHDNM atas kebijaksanaan dan kredibiliti kepimpinan mereka dalam memastikan tadbir urus organisasi ini terus berada di puncaknya. Saya yakin LHDNM akan terus gemilang sebagai organisasi berprestasi tinggi seterusnya menjadi penanda aras terbaik kepada agensi dalam dan luar negara.

Semoga kecemerlangan LHDNM dan seluruh warga kerjanya terus dimartabatkan agar kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat terus terbela di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.



**Dato' Asri Bin Hamidon**

Pengerusi Anggota Lembaga  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

# PERUTUSAN

## Ketua Pegawai Eksekutif



“


*Hakikat yang perlu diketahui umum adalah bukan mudah untuk mencapai kejayaan membuat kutipan cukai seperti yang disasarkan kerana terdapat beberapa kekangan yang mencabar keupayaan LHDNM sepanjang tahun 2020.*

### **Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Prihatin**

Alhamdulillah, lafaz syukur saya ucapkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah perkenan dan izin-Nya, Laporan Tahunan LHDNM 2020 ini berjaya diterbitkan. Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada kerajaan khususnya Kementerian Kewangan atas kepercayaan yang diberikan kepada LHDNM dalam mentadbir cukai langsung negara. Sesungguhnya Hasil amat menghargai kepercayaan yang diberikan dan bertekad untuk menterjemahkan kepercayaan ini dengan menjadikan LHDNM sebagai sebuah agensi yang berprestasi tinggi agar sentiasa dapat memenuhi ekspektasi rakyat dan kerajaan.

### **Pencapaian LHDNM**

Tahun 2020 merupakan tahun yang sangat mencabar kepada LHDNM disebabkan oleh ketidakpastian ekonomi global berikutan pandemik COVID-19. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 Mac 2020 dan disusuli pula dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan selepas itu menyaksikan banyak sektor ekonomi dan sosial ditutup sekali gus telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan potensi kutipan hasil negara. Selain itu, rakyat dan agensi-agensi kerajaan terpaksa mengatur semula kehidupan dan operasi kepada norma baharu berdasarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara. Lantaran itu seperti juga pentadbir-pentadbir cukai di seluruh dunia, LHDNM turut menghadapi dugaan yang luar biasa dan persekitaran yang amat sukar dalam menunaikan tanggungjawab kepada negara.



Dengan mengambil kira semua faktor ini, Kementerian Kewangan telah menetapkan sasaran kutipan cukai langsung yang perlu dibuat oleh LHDNM sebanyak RM 121.7 bilion bagi tahun 2020. LHDNM tidak mempunyai pilihan selain daripada berusaha semampunya menurut lunas undang-undang bagi merealisasikan sasaran ini. Hal ini kerana, seandainya LHDNM gagal membuat kutipan cukai seperti yang disasarkan oleh kerajaan, sudah tentu perbelanjaan operasi dan pembangunan negara akan terjejas. Tambahan pula dalam “medan perang” melawan COVID-19 ini sudah pasti dana yang mencukupi adalah penting dan amat diperlukan. Oleh itu, sasaran kutipan ini merupakan satu cabaran sekali gus menjadi tanggungjawab yang perlu dilaksanakan.

Yang bulat tidak datang bergolek dan yang pipih tidak datang melayang. Hakikat yang perlu diketahui umum adalah bukan mudah untuk mencapai kejayaan membuat kutipan cukai seperti yang disasarkan kerana terdapat beberapa kekangan yang mencabar keupayaan LHDNM sepanjang tahun 2020. Antara kekangan dan cabaran tersebut ialah:

- i. Ketidaktentuan pertumbuhan ekonomi global disebabkan oleh impak dan konflik perang dagangan kuasa besar dunia;
- ii. Harga minyak mentah antarabangsa terus mengalami kejatuhan, mengakibatkan tekanan fiskal terutamanya kepada negara pengeluar seperti Malaysia. Ini memberi impak negatif kepada kutipan cukai petroleum LHDNM;
- iii. Bank Dunia menganggarkan 90 peratus ekonomi dunia akan mengalami penguncupan yang mengakibatkan kemerosotan teruk ekonomi dengan rakyat kehilangan pekerjaan dan peningkatan kadar pengangguran;
- iv. Bank Negara Malaysia (BNM) dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menganggarkan unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

Malaysia terus menguncup. Pada suku tahun keempat 2020, KDNK menguncup sebanyak 4.5 peratus dan jelas keadaan ekonomi negara sangat tertekan.

Namun menyedari semua cabaran ini, LHDNM telah mempersiapkan diri dengan melaksanakan pelbagai inisiatif dan strategi khusus untuk memenuhi sasaran kutipan cukai langsung yang ditetapkan oleh kerajaan bagi tahun 2020. Antara inisiatif dan strategi yang telah dilaksanakan termasuklah:

- i. Mengekalkan KPI bagi setiap pegawai walaupun dalam keadaan pandemik COVID-19 dan suasana kerja norma baharu supaya fokus mencapai kutipan tidak terjejas;
- ii. Mengekalkan momentum pelaksanaan fungsi kerja berdasarkan perancangan strategik yang telah dibangunkan dari awal dengan rombakan yang paling minimum sekiranya perlu agar tidak mengganggu proses kerja dan operasi yang boleh menjejaskan *outcome* yang disasarkan;
- iii. Mengekalkan kedudukan kewangan LHDNM terus berada dalam keadaan *surplus* bagi menjamin kelancaran dan keupayaan melaksanakan fungsi serta operasinya terutamanya dalam tempoh pemulihan ekonomi yang tidak menentu;
- iv. Meningkatkan kerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melalui pelaksanaan operasi bersama, sesi dialog dan program kesedaran kepada badan profesional dengan memberi penekanan kepada peranan mereka dalam mengesan serta mencegah jenayah kewangan terancang; dan
- v. Memperkasakan aktiviti siasatan dan operasi tindakan khas dengan memberikan fokus kepada kes berprofil tinggi dan perancangan cukai agresif dalam kalangan pembayar cukai yang tidak menerima kesan negatif pandemik COVID-19.

Alhamdulillah, berkat usaha serta semangat juang yang sentiasa membara dalam kalangan Hasilian, akhirnya pada 31 Disember 2020 LHDNM telah berjaya merekodkan kutipan hasil cukai langsung sebanyak RM123.1 bilion iaitu lebih RM1.40 bilion atau peningkatan sekitar 1.15% berbanding sasaran yang disemak oleh kerajaan bagi tahun 2020 berjumlah RM121.7 bilion. Amaun kutipan ini juga mewakili sekitar 55.12% daripada hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2020.

Kutipan cukai langsung mengikut komponen berbanding tahun 2019 seperti di jadual 1:

**Jadual 1: Perbandingan Kutipan Cukai Langsung Mengikut Komponen**

| Komponen Cukai Langsung | 2020<br>(RM Juta) | 2019<br>(RM Juta) | Peratus<br>(%) |
|-------------------------|-------------------|-------------------|----------------|
| Syarikat                | 56,165.45         | 70,980.64         | (18.52)        |
| Petroleum               | 12,771.54         | 20,782.89         | (38.55)        |
| Individu                | 43,453.12         | 41,852.22         | 3.83           |
| Koperasi                | 58.65             | 189.04            | (68.97)        |
| Duti Setem              | 5,505.76          | 6,212.83          | (11.38)        |
| Cukai Pegangan          | 2,992.94          | 3,060.90          | (2.2)          |
| CKHT                    | 1,687.49          | 1,799.81          | (6.24)         |
| IOFC                    | 421.49            | 181.86            | 131.77         |
| Lain - lain*            | 47.48             | 51.99             | (8.67)         |
| <b>JUMLAH</b>           | <b>123,103.92</b> | <b>145,110.17</b> |                |

\* Lain-lain merangkumi bayaran Seksyen 124 ACP 1967, bayaran mahkamah, faedah bank, hasil guaman, pendaftaran perniagaan dan bayaran perkhidmatan Seksyen 138B ACP 1967.

Sumber: Jabatan Pungutan Hasil

### LHDNM Sentiasa Mengamalkan Sikap Profesional, Telus dan Berintegriti

LHDNM mengamalkan dan memberi penekanan kepada strategi penguatkuasaan berkonsepkan *payment thinking* untuk mendapatkan potensi bayaran. Bagi merealisasikan budaya *payment thinking* ini, kerjasama antara Unit Audit, Unit Pungutan dan Unit Profiling disinergikan untuk mendapatkan hasil yang optimum. Unit Profiling diperlukan dalam mengesan pembayar cukai manakala Unit Audit akan memastikan taksiran cukai yang dibangkitkan adalah benar, bertepatan dan telus tanpa menimbulkan keraguan kepada pembayar cukai. Saluran maklumat telah diperluaskan antara unit supaya segala tindakan yang diambil lebih efektif dan berkesan meliputi lantikan ejen, *garnishment* dan lain-lain lagi.

Ketegasan dan keprihatinan dalam menimbang tara kes rayuan semakan kehakiman yang dibawa sehingga ke peringkat Mahkamah Persekutuan juga dititikberatkan dengan membuat kajian terperinci

terhadap peruntukan undang-undang percukaian dalam penyediaan dan pengendalian kes di mahkamah. Proses ini walaupun agak rumit tetapi ia bertujuan untuk memastikan setiap kes rayuan mempunyai merit dan berasas supaya pembayar cukai dilayan secara adil dan saksama.

Sebagai jaminan dan usaha meningkatkan kepercayaan pembayar cukai terhadap ketelusan, profesionalisme serta integriti dalam setiap tindakan yang diambil oleh LHDNM, satu panduan umum berkenaan pentadbiran cukai pendapatan yang dikenali sebagai *Taxpayer Roadmap* LHDNM telah diperkenalkan dan boleh diakses melalui portal rasmi LHDNM.

### Tindak Balas Dasar Percukaian Terhadap Krisis COVID-19

Dalam mendepani krisis COVID-19 yang masih berlarutan, LHDNM telah menggariskan Tindak Balas Dasar Percukaian Terhadap COVID-19 yang mengandungi tiga fasa iaitu Sokongan, Rangsangan



*Selain itu, strategi tadbir urus LHDNM turut membuahkan hasil menerusi pencapaian membanggakan menerusi penganugerahan Sijil Audit Bersih tanpa sebarang teguran bagi Penyata Kewangan LHDNM dan Kumpulan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 oleh Jabatan Audit Negara.*

dan Konsolidasi. Ketiga-tiga fasa tindak balas ini merangkumi usaha bersama pihak kerajaan dalam menyokong pembayar cukai dan memastikan kesinambungan sektor perniagaan. Dalam konteks ini, LHDNM telah terlibat secara langsung menjayakan pelaksanaan pakej-pakej rangsangan ekonomi, pengenalan pelbagai insentif cukai dan inisiatif mengurangkan bebanan pembayar cukai ketika pandemik seperti pelanjutan tempoh pengemukaan borang nyata cukai, pelan bayaran tunggakan secara ansuran dan perubahan dalam polisi audit. Selain itu LHDNM turut memberikan sumbangan sosial kepada rakyat apabila diberikan tanggungjawab menyediakan sistem dan memproses permohonan bantuan tunai seperti Bantuan Prihatin Nasional, Bantuan Sara Hidup Rakyat dan Geran Khas Prihatin.

### **Strategi Tadbir Urus Organisasi 2020**

LHDNM terus memperkemas pelaporan transaksi antara syarikat-syarikat domestik dan merentas sempadan yang melibatkan isu pindahan harga dengan fokus kepada syarikat yang mengalami kerugian, menikmati insentif dan juga dengan entiti berkaitan di Labuan. Selain itu, LHDNM telah mengeluarkan PU(A) 237/2020 Peraturan-Peraturan Cukai Pendapatan (Layanan Khas Bagi Faedah Ke Atas Pinjaman) yang memberikan kepastian bagi menangani ketidakpastian dalam kalangan pemain industri lanjutan daripada moratorium semasa PKP yang turut menjejaskan kutipan LHDNM daripada industri kewangan. Satu manual teknikal mengenai perkara ini telah dibangunkan untuk memudahkan

pegawai LHDNM mengendalikan fail-fail industri ini dengan melibatkan lebih banyak sesi libat urus (*engagement*) dengan pemain industri bagi memastikan pelaporan cukai mereka berlandaskan undang-undang percukaian.

Selain itu, strategi tadbir urus LHDNM turut membuahkan hasil menerusi pencapaian membanggakan menerusi penganugerahan Sijil Audit Bersih tanpa sebarang teguran bagi Penyata Kewangan LHDNM dan Kumpulan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 oleh Jabatan Audit Negara. Pencapaian ini berjaya dikekalkan oleh LHDNM untuk 18 tahun berturut-turut.

### **Melangkah ke Tahun 2021**

Isu percukaian ekonomi digital merupakan cabaran sejagat yang perlu diberikan perhatian segera. Antara cabaran menangani ekonomi digital ini; pertama memahami modus operendi syarikat gergasi yang menjalankan perniagaan alam maya. Kedua, kekangan undang-undang menentukan hak mencukai atas pendapatan yang dijana oleh syarikat ini mengakibatkan negara kehilangan hasil. Ketiga, memantau kes auditan luar negara yang melibatkan pemain utama industri termasuk isu yang terbit daripada *financial technology* dan *cryptocurrency*. Keempat, mengukuhkan kerjasama melalui perbincangan berterusan dengan pemain industri, ejen cukai, pihak berkuasa cukai luar negara dan semua pihak berkepentingan perlu diberikan penekanan. Selain itu, isu teknikal yang timbul semasa PKP juga perlu ditangani dengan berhati-hati khususnya yang melibatkan *cross border employment* dan penentuan status mastautin dan penempatan kekal.

Malaysia menerusi Kementerian Kewangan dan LHDNM mengikuti secara rapat perkembangan berkaitan isu percukaian antarabangsa yang melibatkan ekonomi digital ini. Penglibatan aktif dalam mesyuarat dan forum anjuran *Organisation for Economic Cooperation and Development* (OECD) mencerminkan komitmen LHDNM untuk melindungi hak percukaian Malaysia dan memastikan tidak berlaku sebarang ketirisan hasil kepada negara.

LHDNM juga mempertimbangkan langkah terbaik dalam menangani cabaran kutipan cukai pasca pandemik COVID-19 yang diyakini turut akan

dihadapi oleh pentadbir cukai di seluruh dunia. Cabaran-cabaran seperti penyusutan kutipan hasil dan kenaikan tunggakan cukai yang signifikan akibat daripada lanjutan tempoh pengemukaan e-Filing, ansuran melunaskan amaun cukai yang perlu dibayar dan perubahan prinsip percukaian antarabangsa dijangka akan berlaku. Pembayar cukai yang menerima kesan negatif pandemik COVID-19 akan turut mengalami kemerosotan kemampuan membuat bayaran cukai.

Oleh itu, LHDNM perlu berhati-hati dalam menyesuaikan strategi aktiviti pengurusan dan pematuhan tunggakan cukai melalui segmentasi analitik yang menumpukan kepada kemampuan pembayar cukai, lebih empati dan profesional ketika berurusan dengan pembayar cukai yang terjejas akibat pandemik ini. Pendekatan segmentasi ini mempunyai pelbagai tujuan iaitu meningkatkan kadar pematuhan, mengelakkan tekanan tambahan kepada ekonomi pembayar cukai dan memastikan pulangan pelaburan (ROI) tertinggi dalam konteks kecekapan kos pungutan cukai.

### Pelan Kesenambungan Organisasi

Pandemik COVID-19 benar-benar menjadi pengajaran dan memberikan hikmah kepada LHDNM apabila agensi ini dituntut supaya lebih bersedia dengan pelan tindakan dalam memastikan kesinambungan operasi organisasi walau pun ketika krisis berlaku. Bertitik-tolak daripada tuntutan tersebut LHDNM telah mewujudkan Pelan Kesenambungan Organisasi yang mengandungi empat teras iaitu:

- i. Mempercepatkan peralihan dan pembangunan model platform yang menggunakan ekosistem teknologi dan perkhidmatan untuk menghubungkan agensi kerajaan, pengguna dan masyarakat;
- ii. Memperkasakan peralihan tugas secara digital atau maya di mana proses kerja sebelum ini tidak dapat dilaksanakan secara sistem kerja jauh dikonfigurasi semula agar LHDNM dapat terus mengadaptasi kepada budaya kerja norma baharu;

- iii. Menilai semula dan meningkatkan kemahiran pegawai dan staf mengikut keperluan semasa. Kemahiran berkaitan teknologi terus diperkasakan dan pada masa yang sama pegawai dan staf bijak mengatur serta mengurus waktu bekerja di rumah; dan
- iv. Merancang strategi untuk masa depan bagi menangani sebarang kemungkinan, dan tidak hanya terbatas kepada pandemik COVID-19 pada masa ini.

### Pengiktirafan

Peranan LHDNM sebagai agensi barisan hadapan negara menuntut agensi ini terus memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan agar eksepektasi dan harapan rakyat dapat dipenuhi berlandaskan prinsip profesionalisme.

LHDNM telah diberi pengiktirafan oleh pihak luar menerusi penerimaan anugerah *Top FPX Merchant (Government Sector)* bagi *Malaysian e-Payment Excellence Awards 2020* anjuran Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet) pada 5 Januari 2021. Penganugerahan ini pastinya telah menyuntik semangat seluruh warga kerja untuk mengekalkan momentum pencapaian yang positif.

### Penghargaan dan Harapan


Sesuatu kejayaan itu tidak akan dapat dicapai tanpa pengorbanan dan semangat kerja berpasukan ke arah satu matlamat yang sama demi kelestarian sebagai pentadbir cukai terunggul. Kejayaan yang dikecapi oleh LHDNM pada hari ini adalah hasil daripada komitmen semua pihak dari pelbagai peringkat. Ini bertepatan dengan tema *Strive Beyond Boundries*, berganding bahu dan komited dalam mencipta kecemerlangan berterusan, agar usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara akan dapat dilaksanakan dengan lancar dan sempurna.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Menteri Kewangan, Kementerian Kewangan, Pengerusi Anggota Lembaga, Barisan Anggota Lembaga, Pengurusan Tertinggi dan Hasilian yang terdahulu dan kini yang penuh dedikasi, berintegriti serta profesional.

Saya yakin LHDNM akan terus meningkatkan keupayaannya dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan kerajaan walau pun terpaksa memungut cukai dalam keadaan ketidaktentuan ekonomi global dan pandemik COVID-19 yang masih belum berakhir.

Semoga kita terus teguh, kental dan diberi kekuatan menggalas amanah demi merealisasikan harapan semua pihak kepada kita sekali gus mengharumkan nama organisasi sebagai pentadbir cukai terunggul yang menyumbang kepada pembangunan negara.

Sekian, terima kasih.



**Dato' Sri Dr. Sabin Samitah**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**  
**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**



# PROFIL LHDNM

**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)** adalah salah satu agensi utama di bawah Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab memungut dan mentadbir cukai langsung negara.



LHDNM ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 untuk memperolehi lebih kuasa terutamanya dalam bidang kewangan dan pengurusan kakitangan bagi meningkatkan kualiti pentadbiran percukaian.

Dahulu dikenali sebagai Jabatan Hasil Dalam Negeri Malaysia (JHDNM), ia diperbadankan pada 1hb Mac 1996 dan dikenali sebagai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

Agensi ini bertanggungjawab bagi keseluruhan pentadbiran cukai langsung di bawah akta berikut :

- Akta Cukai Pendapatan 1967,
- Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967,
- Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976,
- Akta Penggalakan Pelaburan 1986,
- Akta Setem 1949,
- Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990

# FUNGSI LEMBAGA

- Untuk bertindak sebagai ejen Kerajaan dan memberi perkhidmatan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti harta pusaka, duti setem dan apa-apa cukai lain sebagaimana yang dipersetujui antara Kerajaan dengan Lembaga
- Untuk menasihati Kerajaan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan percukaian dan menghubungi Kementerian dan badan berkanun yang sewajarnya mengenai perkara-perkara tersebut
- Untuk turut serta di dalam atau di luar Malaysia berkenaan dengan perkara-perkara yang berhubungan dengan percukaian
- Untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain yang diberi kepada Lembaga oleh mana-mana undang-undang bertulis lain dan
- Boleh bertindak sebagai ejen pemungutan untuk dan bagi pihak mana-mana badan untuk mendapatkan pinjaman yang kena dibayar balik kepada badan itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis.



# KUASA LEMBAGA



- Membuat Kontrak
- Mempergunakan segala harta Lembaga, alih dan tak alih, dengan cara yang difikirkan suaimanfaat oleh Lembaga termasuklah mendapatkan pinjaman dengan menggadai harta tersebut



- Melibatkan diri dalam apa-apa kegiatan, sama ada bersendiria atau bersama-sama dengan organisasi lain, atau agensi antarabangsa, bagi menggalakkan pemahaman percukaian yang lebih baik



- Memberi nasihat atau bantuan teknikal, termasuk kemudahan latihan kepada pihak-pihak berkuasa percukaian negara-negara lain
- Mengenakan fi atau caj bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Lembaga



- Memberi pinjaman kepada pekerja-pekerja Lembaga bagi apa-apa maksud yang diluluskan secara khusus oleh Lembaga
- Menyediakan kemudahan rekreasi dan menggalakkan kegiatan rekreasi bagi, dan kegiatan yang berfaedah untuk, kebajikan pekerja Lembaga



- Menyediakan latihan untuk pekerja Lembaga dan memberi biasiswa atau selainnya membiayai latihan tersebut
- Melakukan apa juga yang bersampingan dengan mana-mana kuasanya



## VISI

Pentadbir Cukai Terunggul yang Menyumbang Kepada Pembangunan Negara

## MISI

Memberikan perkhidmatan percukaian yang cemerlang dengan :

- i. Mempertingkatkan pematuhan sukarela
- ii. Melaksanakan sistem percukaian berintegrasi dan telus
- iii. Meningkatkan keberkesanan operasi melalui inovasi proses dan teknologi maklumat
- iv. Memantapkan tenaga kerja kompeten

## OBJEKTIF

Melaksanakan Sistem Percukaian Yang Berkesan, Adil Dan Saksama

## SLOGAN

Bersama Membangun Negara

## DASAR KUALITI

Berteraskan integriti, kami komited memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk pelanggan

## MOTO PERKHIDMATAN

Perkhidmatan Terbaik Untuk Anda

# PIAGAM PELANGGAN

Kami komited untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan secara berterusan serta memberikan layanan yang adil dan saksama dalam segala urusan berdasarkan piawaian berikut:

## KOMITMEN LHDNM

Memberi Perkhidmatan Yang Cekap Dan Profesional

| PERKHIDMATAN |                                                                           |                                                                                                    | STANDARD                                                                                              |
|--------------|---------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.           | <b>Penyediaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) untuk Tahun Semasa</b> | Menyediakan prasarana yang efisien untuk pembayar cukai mengemukakan borang nyata cukai pendapatan | Ketersediaan sistem tidak kurang daripada 98%                                                         |
| 2.           | <b>Bayaran Balik</b>                                                      | <b>Penghantaran BNCP melalui:</b>                                                                  | <b>Tempoh Bayaran Balik:</b>                                                                          |
|              |                                                                           | a) e-Filing/m-Filing                                                                               | 30 hari bekerja dari tarikh penerimaan borang                                                         |
|              |                                                                           | b) Melalui Pos atau Serahan Tangan                                                                 | 90 hari bekerja dari tarikh penerimaan borang                                                         |
| 3.           | <b>Maklum Balas Tindakan</b>                                              | <b>Kaunter Setempat</b>                                                                            | Pelanggan dilayan dalam tempoh 15 minit                                                               |
|              |                                                                           | <b>Hasil Care Line</b>                                                                             | Menjawab panggilan semasa :<br>a) Bukan waktu puncak dalam 1.5 minit<br>b) Waktu puncak dalam 2 minit |
|              |                                                                           | <b>Borang Maklum Balas Portal Hasil</b>                                                            |                                                                                                       |
|              |                                                                           | a) Pertanyaan Am                                                                                   | Respon dalam tempoh 7 hari bekerja                                                                    |
|              |                                                                           | b) Pertanyaan yang memerlukan semakan lanjut                                                       | Respon dalam tempoh 21 hari bekerja                                                                   |
|              |                                                                           | <b>Surat, Faks dan Emel</b>                                                                        | Akuan Penerimaan dikeluarkan dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh penerimaan                       |

| PERKHIDMATAN |                                       | STANDARD                                                                                                                                                                   |
|--------------|---------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 4.           | <b>Surat Penyelesaian Cukai (SPC)</b> | <b>Pengeluaran SPC</b>                                                                                                                                                     |
|              |                                       | a) Individu<br>14 hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen lengkap dan status taksiran yang telah dikemaskini dan tiada tunggakan cukai                                 |
|              |                                       | b) Syarikat<br>14 hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen lengkap dan status taksiran yang telah dikemaskini dan tiada tunggakan cukai                                 |
| 5.           | <b>Perkhidmatan Duti Setem</b>        | <b>Surat Cara Pindah Milik Harta Tanah</b>                                                                                                                                 |
|              |                                       | a) Penghantaran Borang PDS 15 untuk penilaian<br>5 hari bekerja                                                                                                            |
|              |                                       | b) Pengeluaran Notis Taksiran dari tarikh penilaian diterima dari Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH)<br>7 hari bekerja dari tarikh laporan penilaian diterima |
|              |                                       | c) Pengindorsan ke atas Surat Cara oleh Timbalan Pemungut Duti Setem<br>3 hari bekerja                                                                                     |
|              |                                       | <b>Selain Surat Cara Pindah Milik Harta Tanah</b><br>7 hari bekerja                                                                                                        |
| 6.           | <b>Audit</b>                          | <b>Penyelesaian Kes</b><br>4 bulan dari tarikh permulaan lawatan audit dan mendapat kerjasama sepenuhnya daripada pembayar cukai                                           |

#### KOMITMEN LHDNM

Memberi Perkhidmatan Yang Cepak Dan Profesional

|                                        | PERKHIDMATAN KAUNTER BAYARAN                        | STANDARD                                                                                     | SASARAN |
|----------------------------------------|-----------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| <b>Perkhidmatan Penerimaan Bayaran</b> | <b>Layanan Kaunter</b>                              | Pelanggan dilayan dalam tempoh 20 minit                                                      | 75%     |
|                                        | <b>Pengeluaran Resit Bayaran Cukai</b>              |                                                                                              |         |
|                                        | a) Diterima di kaunter bayaran                      | Pada hari yang sama                                                                          | 100%    |
|                                        | b) Diserah tinggal                                  | 4 hari bekerja                                                                               | 75%     |
|                                        | c) Salinan Resit Rasmi / Surat Aduan Terima Bayaran | Diproses dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh permohonan diterima                         | 75%     |
|                                        | d) Aduan Masalah resit                              | Tindakan diambil dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh permohonan diterima                 | 75%     |
|                                        | <b>ByrHasil</b>                                     | Pembukuan bayaran ke lejar pembayar cukai dalam tempoh 2 hari bekerja selepas hari transaksi | 75%     |

## HAK PEMBAYAR CUKAI

Hak Pembayar Cukai Adalah Sentiasa Terpelihara

| HAK-HAK PEMBAYAR CUKAI |                                                                       | KETERANGAN                                                                                                          |
|------------------------|-----------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.                     | Menerima layanan sewajarnya                                           | Semua pembayar cukai diberi layanan yang sama.                                                                      |
| 2.                     | Membuat rayuan atas taksiran yang dibangkitkan oleh LHDNM             | Pembayar cukai berhak membuat rayuan kepada LHDNM melalui Borang Q dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis diterima. |
| 3.                     | Melantik wakil yang berkeelayakan untuk menguruskan fail percukaian   | Pembayar cukai berhak melantik wakil yang berdaftar untuk berurusan dengan LHDNM.                                   |
| 4.                     | Mendapat perlindungan privasi dan kerahsiaan informasi pembayar cukai | Sebarang keraguan mengenai pendedahan maklumat pembayar cukai perlu dirujuk kepada LHDNM terlebih dahulu.           |


## TANGGUNGJAWAB PEMBAYAR CUKAI

Bagi Membolehkan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Memberikan Perkhidmatan Yang Berkesan, Anda Bertanggungjawab :

| TANGGUNGJAWAB PEMBAYAR CUKAI |                                                                                                                              | KETERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.                           | Melaporkan pendapatan cukai yang betul dan tepat                                                                             | <ul style="list-style-type: none"><li>• Mendaftar sebagai pembayar cukai</li><li>• Melaporkan pendapatan sebenar dan menuntut pelepasan/perbelanjaan atau potongan yang layak pada Borang Nyata Cukai Pendapatan</li></ul>                                                                                                       |
| 2.                           | Mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan, dokumen dan maklumat yang lengkap, tepat dan betul dalam tempoh yang ditetapkan. | Kegagalan pengemukakan tanpa alasan yang munasabah boleh menyebabkan denda atau penalti dikenakan.                                                                                                                                                                                                                               |
| 3.                           | Menyimpan rekod dan dokumen dengan baik.                                                                                     | Rekod dan dokumen perlu disimpan dalam tempoh minimum 7 tahun bagi tujuan semakan.                                                                                                                                                                                                                                               |
| 4.                           | Memaklumkan LHDNM dengan segera sebarang perubahan alamat.                                                                   | Pembayar cukai perlu memaklumkan LHDNM sekiranya terdapat sebarang perubahan alamat dalam tempoh 3 bulan dengan mengemukakan notis bertulis kepada Ketua Pengarah LHDNM.                                                                                                                                                         |
| 5.                           | Membayar cukai dan duti setem dalam tempoh yang ditetapkan.                                                                  | Kegagalan membuat bayaran boleh menyebabkan kenaikan atau penalti dikenakan. Tindakan undang-undang juga boleh diambil termasuk kebangkrapan, penggulungan syarikat, sekatan perjalanan ke luar negara atau kaveat harta.                                                                                                        |
| 6.                           | Memberi kerjasama dan bersikap telus apabila berurusan dengan LHDNM.                                                         | <ul style="list-style-type: none"><li>• Pembayar cukai perlu mematuhi semua peraturan ditetapkan dan mengikuti arahan yang diberi apabila berurusan dengan LHDNM.</li><li>• Pembayar cukai hendaklah memastikan maklumat yang diberi adalah sah, benar dan tepat.</li></ul> Bersopan santun sewaktu berurusan dengan kakitangan. |
| 7.                           | Mengemas kini maklumat                                                                                                       | Pembayar cukai wajib mengemaskini maklumat melalui saluran yang disediakan seperti e-Kemaskini.                                                                                                                                                                                                                                  |



## PIAGAM PELANGGAN LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDNM)



\*Tertakluk kepada penerimaan dokumen dan maklumat yang lengkap

| HAK PEMBAYAR CUKAI                                                                                                             |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Hak Pembayar Cukai adalah sentiasa terpelihara                                                                                 |
| Hak-hak pembayar cukai                                                                                                         |
| 1. Menerima layanan sewajarnya                                                                                                 |
| 2. Membuat rayuan atas taksiran yang dibangkitkan oleh LHDNM                                                                   |
| 3. Melantik wakil yang berkecuali untuk menguruskan fail percukaian                                                            |
| 4. Mendapat perlindungan privasi dan kerahsiaan informasi pembayar cukai                                                       |
| TANGGUNGJAWAB PEMBAYAR CUKAI                                                                                                   |
| Bagi membolehkan LHDNM memberikan perkhidmatan yang berkesan, anda bertanggungjawab :                                          |
| 1. Melaporkan pendapatan cukai yang betul dan tepat                                                                            |
| 2. Mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan, dokumen dan maklumat yang lengkap, tepat dan betul dalam tempoh yang ditetapkan |
| 3. Menyimpan rekod dan dokumen dengan baik                                                                                     |
| 4. Memaklumkan LHDNM dengan segera sebarang perubahan alamat                                                                   |
| 5. Membayar cukai dan duti setem dalam tempoh yang ditetapkan                                                                  |
| 6. Memberi kerjasama dan bersikap telus apabila berurusan dengan LHDNM                                                         |
| 7. Mengemaskini maklumat                                                                                                       |

**DATO' SRI DR SABIN BIN SAMITAH**  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

DILANCARKAN PADA 24 JANUARI 2018

# NILAI TERAS

Hasilian berpegang kepada prinsip-prinsip moral yang ditetapkan oleh organisasi berdasarkan nilai-nilai yang sesuai dengan lunas undang-undang negara, sistem masyarakat setempat dan peraturan-peraturan tertentu yang ditetapkan untuk mencapai aspirasi organisasi

## **HAPPY : Hasil sentiasa ceria dan seronok**

Budaya Happy At Work dapat menaikkan semangat Hasilian dalam meningkatkan produktiviti organisasi. Menerapkan dan mengamalkan budaya mesra serta saling hormat menghormati ke arah mewujudkan organisasi penyayang dan harmoni.

*Managing People* dengan etika dan tata susila yang baik dan sewajarnya

Mewujudkan komitmen secara sukarela untuk bersama-sama mencapai matlamat / KPI Korporat yang telah diterapkan

## **TEAMWORK : Bekerja Dalam Satu Pasukan**

Kerjasama yang utuh diterapkan dalam diri setiap Hasilian menjadikan setiap perancangan keputusan yang dilaksanakan lebih teratur, menjimatkan masa dan cekap seterusnya menghasilkan produktiviti yang tinggi. Hasilian akan lebih gemilang jika setiap sesuatu perkara dilaksanakan secara berpasukan

## **PROFESSIONALISM : Dengan Profesional**

Hasilian mempunyai semangat yang tinggi untuk menghasilkan yang terbaik dalam setiap urusan pentadbiran percukaian ke arah menjana pendapatan negara. Selain itu, setiap urusan ditadbir dan diuruskan secara profesional dan cekap

## **INTEGRITY : Berteraskan Integriti**

Integriti dibudayakan di setiap peringkat pegawai LHDNM selari dengan matlamat untuk melahirkan modal insan yang kompeten, berintegriti dan komited

## **EXCELLENCE : Untuk Mencapai Kecemerlangan**

Hasilian berusaha untuk menjalankan tanggungjawab dengan cemerlang bagi menghasilkan mutu kerja yang berkualiti dan berprestasi tinggi ke arah pentadbir cukai terunggul yang menyumbang kepada pembangunan negara

**HAPPY**  
**TEAMWORK**  
**PROFESSIONALISM**  
**INTEGRITY**  
**EXCELLENCE**



## KEANGGOTAAN LEMBAGA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA SEHINGGA 31 DISEMBER 2020



### PENGERUSI ANGGOTA LEMBAGA

**YBHG. DATO' ASRI BIN HAMIDON**  
KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN  
PERBENDAHARAAN MALAYSIA  
KEMENTERIAN KEWANGAN

### ANGGOTA LEMBAGA



A

**YBHG. TAN SRI MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN**  
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA



B

**YBHG. DATO' SRI DR. SABIN BIN SAMITAH**  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF / KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI  
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA



C

**YBHG. TO' PUAN AZIAN BINTI MOHD AZIZ**  
PENGUBAL UNDANG-UNDANG PARLIMEN  
BAHAGIAN GUBALAN  
JABATAN PEGUAM NEGARA



D

**YBHG. DATUK DR. YACOB MUSTAFA**  
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA



**E** **YBRS. ENCIK MA. SIVANESAN A/L MARIMUTHU**  
SETIAUSAHA BAHAGIAN, BAHAGIAN CUKAI,  
KEMENTERIAN KEWANGAN



**F** **YBHG. TAN SRI DATUK RASHPAL SINGH RANDHAY**  
KONSULTAN SWASTA



**G** **YBHG. DATUK HJ. MD AFENDI BIN DATUK HJ. HAMDAN**  
KONSULTAN SWASTA



**H** **YBHG. DATO' SERI PADDY BIN ABD HALIM**  
KONSULTAN SWASTA

**PENGURUSAN EKSEKUTIF  
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA  
BAGI TAHUN 2020**

**YBHG. DATO' SRI DR. SABIN BIN SAMITAH**

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF / KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI  
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA



**YBHG. DATUK NOOR AZIAN  
BINTI ABDUL HAMID**  
TIMBALAN KETUA PEGAWAI  
EKSEKUTIF (DASAR)



**YBHG. DATUK MOHD NIZOM BIN SAIRI**  
TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
(OPERASI PERCUKAIAN)



**YBHG. DATUK DR. SOTIMIN BIN MUHALIP**  
TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
(PENGURUSAN)



**YBHG. DATUK MOHD JAAFAR BIN EMBONG**  
TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
(PEMATUHAN)

# CARTA ORGANISASI

**ANGGOTA LEMBAGA**

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF /  
KETUA PENGARAH HDN**

**TIMBALAN KETUA  
PEGAWAI EKSEKUTIF /  
TIMBALAN KETUA  
PENGARAH (DASAR)**

**JABATAN DASAR PERCUKAIAN**

**JABATAN PERCUKAIAN ANTARABANGSA**

**JABATAN UNDANG-UNDANG**

**JABATAN PENYELIDIKAN PERCUKAIAN**

**PEJABAT PENGARAH NEGERI PERAK**

**PEJABAT PENGARAH NEGERI KEDAH / PERLIS**

**PEJABAT PENGARAH NEGERI WILAYAH  
PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

## JABATAN AUDIT DALAM

**TIMBALAN KETUA  
PEGAWAI EKSEKUTIF /  
TIMBALAN KETUA  
PENGARAH (OPERASI  
PERCUKAIAN)**

**TIMBALAN KETUA  
PEGAWAI EKSEKUTIF /  
TIMBALAN KETUA  
PENGARAH  
(PEMATUHAN)**

**TIMBALAN KETUA  
PEGAWAI EKSEKUTIF /  
TIMBALAN KETUA  
PENGARAH  
(PENGURUSAN)**

**JABATAN OPERASI CUKAI**  
**JABATAN PUNGUTAN HASIL**  
**JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT**  
**JABATAN KHIDMAT KORPORAT**  
**JABATAN OPERASI SETEM & CKHT**

**JABATAN PEMATUHAN CUKAI**  
**JABATAN SIASATAN**  
**JABATAN PERISIKAN & PROFILING**  
**JABATAN TINDAKAN KHAS**  
**JABATAN OPERASI KHAS**  
**CAWANGAN PEMBAYAR CUKAI  
BESAR**  
**CAWANGAN CUKAI  
MULTINASIONAL**  
**CAWANGAN INDUSTRI KHAS**

**JABATAN PENGURUSAN INSAN**  
**JABATAN KEWANGAN**  
**JABATAN INTEGRITI &  
PENGURUSAN RISIKO**  
**JABATAN LOGISTIK KORPORAT**  
**AKADEMI PERCUKAIAN MALAYSIA**


**PEJABAT PENGARAH NEGERI  
SELANGOR**  
**PEJABAT PENGARAH NEGERI  
SABAH**  
**PEJABAT PENGARAH NEGERI  
JOHOR**

**PEJABAT PENGARAH NEGERI  
TERENGGANU / KELANTAN**  
**PEJABAT PENGARAH NEGERI  
PULAU PINANG**  
**PEJABAT PENGARAH NEGERI  
NEGERI SEMBILAN / MELAKA**

**PEJABAT PENGARAH NEGERI  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA  
LUMPUR**  
**PEJABAT PENGARAH NEGERI  
PAHANG**  
**PEJABAT PENGARAH NEGERI  
SARAWAK**

# PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

Strategi Korporat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) menetapkan program-program utama dalam Program Operasi Percukaian yang menjadi tonggak kepada pencapaian KPI LHDNM dan Pelan Korporat LHDNM 2016 – 2020 demi merealisasikan Visi LHDNM sebagai pentadbir cukai terunggul yang menyumbang kepada pembangunan negara. Dalam memastikan pelaksanaan program dengan telus dan berakauntabiliti, maka tadbir urus korporat adalah penting untuk memberi jaminan kepada pemegang taruh bahawa LHDNM merupakan sebuah pentadbir cukai yang mengamalkan governans yang baik dan berintegriti tinggi.



## 1.0 KEANGGOTAAN LEMBAGA

Anggota Lembaga LHDNM beriltizam mengekalkan serta memastikan pemakaian piawaian yang tertinggi dalam tadbir urus korporat di LHDNM. Lembaga Pengarah membentangkan penyata mengenai tadbir urus korporat bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. Penyata ini menjelaskan pematuhan amalan terbaik dan proses-proses yang telah dilaksanakan oleh LHDNM.

### 1.1 KOMPOSISI KEANGGOTAAN

Subseksyen 6 (1) Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533) menetapkan Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota seperti berikut:

- Ketua Setiausaha Perbendaharaan yang hendaklah menjadi Pengerusi
- Ketua Peguam Negara atau wakilnya
- Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau wakilnya
- Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM
- Tidak melebihi dua orang wakil kerajaan yang dilantik oleh Menteri Kewangan.

- Tidak melebihi daripada tiga orang wakil swasta yang berkedudukan atau berpengalaman dalam perkara kewangan, komersial, percukaian atau perundangan yang dilantik oleh Menteri Kewangan.

Komposisi keanggotaan ini selaras dengan amalan tadbir urus korporat yang baik dan memastikan keseimbangan kuasa dalam meningkatkan akauntabiliti dan kebertanggungjawaban untuk membuat keputusan yang bebas. Anggota Lembaga LHDNM terdiri daripada individu yang mempunyai pencapaian hebat, kemahiran yang pelbagai, kompeten, berpengalaman dan kebolehpercayaan untuk memastikan mereka melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan.

### 1.2 PERANAN PENERUSI LEMBAGA DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Pengerusi Lembaga berperanan dalam mengurus dan memberi kepimpinan kepada Anggota Lembaga untuk memutuskan perkara-perkara yang dibawa ke perhatian Lembaga dan memantau setiap keputusan Lembaga.

Peranan utama Ketua Pegawai Eksekutif adalah sebagai Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri seperti ditetapkan di bawah Seksyen 134(1A) Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53) iaitu menjaga dan mengurus cukai. Pada masa yang sama di bawah Seksyen 6A (1) Akta 533, Ketua Pegawai Eksekutif juga adalah bertanggungjawab terhadap pentadbiran operasi harian. Kedua-dua peranan dilaksanakan dengan berkesan sejajar dengan strategi dan dasar serta menyediakan pengawasan, bimbingan, nasihat serta kepimpinan kepada pengurusan kanan.

### 1.3 MESYUARAT LEMBAGA - MLHDNM

Sepanjang tahun 2020, dua Mesyuarat Lembaga telah diadakan seperti berikut:

| Mesyuarat       | Tarikh          |
|-----------------|-----------------|
| MBL Bil. 1/2020 | 23 JUN 2020     |
| MBL Bil. 2/2020 | 07 OKTOBER 2020 |

### 1.4 JAWATANKUASA LEMBAGA

Bagi tujuan melaksanakan fungsi-fungsi Lembaga, beberapa jawatankuasa utama ditubuhkan berdasarkan peruntukan statutori seksyen 12 Akta 533 yang mana keahlian setiap jawatankuasa dilantik oleh Pengerusi Lembaga daripada kalangan

barisan Anggota Lembaga. Jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

- Jawatankuasa Audit Lembaga
- Jawatankuasa Kewangan
- Jawatankuasa Pelaburan
- Jawatankuasa Pengurusan Insan Saraan 1
- Jawatankuasa Perolehan A dan B
- Jawatankuasa Tatatertib 1
- Jawatankuasa Rayuan Tatatertib

Setiap jawatankuasa tersebut berfungsi untuk bertindak ke atas isu-isu yang kompleks, spesifik dan khusus. Syor dan cadangan tindakan yang dibuat oleh Jawatankuasa Lembaga, diangkat terus ke Mesyuarat Lembaga untuk membuat keputusan. Pertanggungjawaban secara kolektif ini merupakan amalan efektif dalam memartabatkan tadbir urus korporat.

Tiga elemen penting yang memastikan tadbir urus cemerlang di LHDNM adalah melalui strategi berikut:

- **PENGURUSAN INTEGRITI**
- **PENGURUSAN RISIKO**
- **KAWALAN DALAMAN**



## 2.0 PENGURUSAN INTEGRITI


### 2.1 INISIATIF INTEGRITI LHDNM

Bagi memperkasakan pengurusan integriti di LHDNM, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan sejak tahun 2005. Antara inisiatif integriti LHDNM adalah seperti berikut.



#### 2.1.1 Keberkesanan Inisiatif Integriti LHDNM

Keberkesanan inisiatif integriti yang telah dilaksanakan dapat diukur melalui prestasi berikut:



## 2.2 PELAN ANTIRASUAH LHDNM

Pelan Antirasuah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (PeARL) adalah satu dokumen utama LHDNM yang menggariskan tindakan bersepadu dalam memerangi rasuah di samping bertindak sebagai satu pelan antirasuah menyeluruh yang merangka strategi untuk mengurus risiko berkaitan rasuah di LHDNM. PeARL telah dilancarkan pada 1 November 2019 sempena sambutan Hari Inovasi dan Integriti LHDNM tahun 2019. Pelancaran PeARL telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Haji Abu Kassim Bin Mohamed, Ketua Pengarah, Pusat Govern Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC). Komposisi utama PeARL adalah Kerangka, Bidang Keutamaan, Strategi dan Objektif yang mengandungi sejumlah 76 inisiatif bagi membanteras gejala rasuah di LHDNM.

### KERANGKA PeARL

|                 |                                                                                                                                                      |
|-----------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Visi</b>     | Hasilian Bebas Rasuah dan Salah Laku                                                                                                                 |
| <b>Misi</b>     | Memperkukuhkan integriti dan jati diri Hasilian melalui pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa.                    |
| <b>Matlamat</b> | Tahap tinggi akauntabiliti dan kredibiliti serta kecekapan dan responsif dalam melaksanakan prosedur kerja dan system penyampaian perkhidmatan LHDNM |

### BIDANG KEUTAMAAN PeARL



### STRATEGI PeARL



## OBJEKTIF STRATEGIK PeARL

- 1 Merekayasa Perkhidmatan LHDNM Ke Arah Tadbir Urus Baik
- 2 Menggalakkan Ketelusan Dan Integriti Dalam Proses Pengambilan, Pemilihan Dan Pelantikan Ke Mana-Mana Jawatan
- 3 Menambahbaik Keberkesanan Pendidikan Dan Pembangunan Profesional Berterusan Dalam Kalangan Pegawai LHDNM Melalui Program Berdasarkan *Human Governance*
- 4 Memperkukuhkan Kerangka Perolehan LHDNM
- 5 Meningkatkan Ketelusan Perolehan LHDNM, Pengurangan Risiko Rasuah, Penyelewengan Pasaran Dan Antipersaingan
- 6 Meningkatkan Kecekapan Dan Pengamalan Profesionalisme Dalam Penguatkuasaan Undang-undang Di LHDNM
- 7 Keperluan Penggunaan Teknologi Tinggi Dalam Penguatkuasaan Undang-undang
- 8 Memperkukuhkan Penguatkuasaan Undang-Undang
- 9 Memastikan Pentadbiran Dan Pengurusan LHDNM Yang Lebih Cepak Dan Komprehensif
- 10 Memastikan Daya Tahan Terhadap Ancaman Rasuah Dalam Pentadbiran Dan Pengurusan LHDNM
- 11 Menangani Campur Tangan Pihak Berpengaruh Dalam Pentadbiran Dan Pengurusan LHDNM

### 2.3 RUMUSAN

Pelaksanaan inisiatif PeARL bermula pada 1 Januari 2020 melibatkan Jabatan/ Negeri/ Cawangan/ Cawangan Siasatan. Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko dipertanggungjawabkan untuk memantau libat urus dari Jabatan/ Negeri/ Cawangan/ Cawangan Siasatan.

PeARL dibangunkan menerusi perekayasaan 4 strategik, 11 objektif strategi dan pelaksanaan 76 inisiatif bagi mentransformasikan LHDNM ke arah organisasi yang berintegriti, bersih, dihormati dan bebas rasuah.

Keberkesanan pelaksanaan inisiatif PeARL dipantau dan dikaji secara berkala. Maklum balas, nasihat dan panduan diberi secara berterusan supaya selari dengan cabaran, perubahan serta keperluan Strategik Korporat LHDNM. PeARL diperkukuhkan oleh prinsip tadbir urus menerusi Jawatankuasa Antirasuah LHDNM bagi membentuk budaya dan sistem yang berteraskan governans dan integriti sebagai suatu mekanisme untuk mengesan, mengenal pasti dan menilai tahap kecenderungan risiko rasuah di Jabatan/ Negeri/ Cawangan/ Cawangan Siasatan.


### 3.0 PELAKSANAAN PENGURUSAN RISIKO KORPORAT

LHDNM sebagai sebuah pentadbir cukai terdedah kepada risiko strategik, risiko kewangan, risiko operasi dan risiko pematuhan yang boleh menyebabkan objektif organisasi gagal dicapai. Struktur tadbir urus Pengurusan Risiko memastikan keberkesanan amalan pengurusan risiko melalui pengawasan, pemantauan dan pelaksanaan pengurusan risiko selaras dengan prinsip ISO 31000:2018.

#### 3.1 STRUKTUR TADBIR URUS PENGURUSAN RISIKO LHDNM

Pengurusan risiko korporat di LHDNM mematuhi struktur tadbir urus pengurusan risiko di mana penyelarasan dan pemantauan dilaksanakan oleh Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko dalam aspek Konsultasi dan Komunikasi dengan pemilik risiko dan pemilik proses dalam proses pendaftaran risiko dan mitigasi risiko. Proses pelaporan kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko untuk membentangkan risiko utama yang memerlukan tindakan kawalan segera. Laporan kepada Pengurusan Atasan sebagai pemakluman dan penetapan dasar dalam pengurusan risiko manakala laporan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga memberi jaminan bahawa risiko tahap kritikal telah dikenal pasti dan tindakan kawalan risiko dalam tindakan pemilik proses atau pemilik risiko.

#### STRUKTUR TADBIR URUS PENGURUSAN RISIKO LHDNM



## 3.2 FUNGSI UTAMA PENGURUSAN RISIKO

Pengurusan risiko dilaksanakan secara berterusan melalui pemantauan, kawalan risiko dan tindakan pemulihan risiko. Pengurusan risiko LHDNM berada dalam tindakan kawalan yang teratur dan pelaksanaan pengurusan risiko adalah selaras dengan prinsip ISO 31000:2018. Pengurusan risiko di LHDNM dilaksanakan melalui tiga fungsi utama seperti berikut:

| PENGURUSAN RISIKO KORPORAT (ERM)                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN (BCM)                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | KESELAMATAN, KESIHATAN DAN PERSEKITARAN PEKERJAAN (OSHE)                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|  <ul style="list-style-type: none"> <li>■ Melaksanakan pengurusan risiko organisasi selaras dengan prinsip ISO 31000:2018.</li> <li>■ Mengenal pasti risiko yang boleh menjejaskan pencapaian objektif LHDNM serta memastikan tindakan kawalan risiko diambil untuk mengurangkan kebarangkalian dan impak risiko.</li> </ul> |  <ul style="list-style-type: none"> <li>■ Memastikan kesinambungan dalam sistem penyampaian perkhidmatan LHDNM yang merupakan barisan utama Kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan.</li> <li>■ Melaksanakan PKP seperti yang termaktub di dalam ISO22301:2019 Business Continuity Management Systems (BCMS) dan Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU Tahun 2010.</li> </ul> |  <ul style="list-style-type: none"> <li>■ Melaksanakan Pengurusan Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan di LHDNM selaras dengan pematuan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.</li> <li>■ Menjamin keselamatan dan kesihatan pekerja dan pelawat daripada kemalangan dan penyakit pekerjaan yang berbangkit daripada aktiviti yang dijalankan.</li> </ul> |

### 3.2.1 PENGURUSAN RISIKO KORPORAT

Membantu organisasi menguruskan risiko yang berkaitan dengan kawalan/ ketidakpastian dan risiko peluang/ prestasi yang wujud dalam aktiviti utama LHDNM.

#### AKTIVITI UTAMA PENGURUSAN RISIKO KORPORAT



### 3.2.2 PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN

Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan / *Business Continuity Management* (BCM) membantu LHDNM menguruskan secara holistik berkaitan risiko dalam fungsi kritikal LHDNM dan impak ancaman risiko untuk memastikan perkhidmatan organisasi dapat diteruskan walaupun berlaku gangguan, bencana atau pandemik.

#### AKTIVITI UTAMA PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN

##### 1. PENGURUSAN PROJEK BCM


- Kajian dan semakan semula dijalankan ke atas Polisi BCM, Manual BCM, Pelan Tindakan Kecemasan, Pelan Komunikasi Krisis, Pelan Pemulihan Bencana IT dan lain-lain adalah dikemas kini selaras dengan keperluan surat arahan MAMPU 2010, ISO22301:2019 BCMS dan amalan terbaik antarabangsa, dan
- Projek Pensijilan ISO22301:2019 BCMS LHDNM.

##### 2. ANALISIS IMPAK PERKHIDMATAN (BIA) DAN PENILAIAN RISIKO (RA)

- Kajian BIA ke atas Jabatan/ Negeri/ Cawangan/ Cawangan Siasatan bagi fungsi kritikal perkhidmatan, dan
- Kenal pasti impak ancaman ke atas perkhidmatan, premis, kakitangan dan sistem. Membuat penganalisan dan pengkelasan risiko utama dan kenal pasti kawalan risiko.

##### 6. PELAPORAN BCM

- Pemantauan insiden serta memberi panduan berkaitan kesinambungan perkhidmatan dan pemulihan semasa kejadian, dan
- Pelaporan dan pemakluman BCM kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko.



##### 3. PROGRAM BCM

- Pemerkasaan kompetensi RCO tentang BCM,
- Kesedaran BCM melalui poster/ artikel infografik dan kuiz digital secara dalam talian, dan
- Latihan dan bengkel BCM kepada Jabatan/Cawangan.

##### 5. STRATEGI DAN PELAN BCM

- Memastikan sistem dan perkhidmatan kritikal semasa bencana dapat dipulihkan dan diteruskan dengan efisien,
- Membangunkan pelan berkaitan BCM sebagai panduan dalam pemulihan bencana/krisis, dan
- Program kerjasama dengan agensi luar seperti MetMalaysia, CyberSecurity Malaysia, MKN, NADMA dan lain-lain.

##### 4. SIMULASI BCM

- Pemantauan pengujian pelan untuk mengukur keupayaan mencapai Recovery Time Objective (RTO) yang ditetapkan :
- Pelan Pemulihan Bencana ICT atau Disaster Recovery ICT (DR ICT),
- Pelan Pemulihan Bencana Hasil Care Line (DR HCL), dan
- Pelan Pemulihan Bencana Document Management System (DR DMS); dan
- Memantau Latihan Pelan Tindakan Kecemasan/ Kebakaran organisasi.

### 3.2.3 PENGURUSAN KESELAMATAN, KESIHATAN DAN PERSEKITARAN PEKERJAAN

Pengurusan Keselamatan, Kesihatan Dan Persekitaran Pekerjaan (OSHE) dilaksanakan selaras dengan pemantauan dan pengurusan risiko di LHDNM. Pelaksanaan aktiviti OSHE adalah seperti berikut:

#### AKTIVITI PENGURUSAN KESELAMATAN, KESIHATAN DAN PERSEKITARAN PEKERJAAN



### 3.4 RUMUSAN

Objektif pengurusan risiko di LHDNM adalah:

- Memudahkan Pengurusan Atasan di dalam membuat keputusan strategik.
- Mengenal pasti risiko dalam aktiviti teras yang boleh menggugat pencapaian objektif LHDNM.
- Meminimumkan impak gangguan / bencana ke atas penyampaian perkhidmatan LHDNM dan memastikan kesinambungan perkhidmatan LHDNM berterusan ketika dilanda krisis.
- Melindungi dan mempertingkatkan imej serta reputasi LHDNM sebagai pentadbir cukai terunggul.

Sebagai sebuah agensi yang diamanahkan oleh kerajaan untuk mentadbir dan mengurus hasil cukai negara, peranan dan fungsi pengurusan risiko di LHDNM adalah penting. LHDNM perlu sentiasa bersiap siaga dalam mengurus risiko kerana LHDNM juga merupakan saluran kewangan utama kerajaan dan negara. Pengurusan risiko yang cekap perlu sentiasa berterusan bagi LHDNM kerana segala urusan tadbir negara dan program bantuan kerajaan kepada rakyat amat bergantung dengan hasil kutipan dari LHDNM di mana pengurusan percukaian yang cekap dapat mengurangkan bebanan pembayar cukai.

## 4.0 KAWALAN DALAMAN

LHDNM bertanggung jawab secara keseluruhannya untuk memastikan pengurusan kawalan dalaman yang mencukupi dan berkesan dalam mengurus risiko yang wujud dan seterusnya memacu kecemerlangan tadbir urus korporat LHDNM. Ini bertepatan dengan visi LHDNM untuk terus relevan menjadi Pentadbir Cukai Terunggul.

### 4.1 RANGKA KERJA KAWALAN DALAMAN

Rangka Kerja kawalan dalaman LHDNM yang utama adalah berdasarkan *Committee of Sponsoring Organisations of the Treadway Commission* (COSO) iaitu penanda aras antarabangsa yang diiktiraf dalam pengurusan risiko dan kawalan dalaman. Lima (5) komponen utama COSO yang diadaptasikan di LHDNM adalah:-




Kawalan dalaman adalah polisi dan prosedur yang diwujudkan untuk mengurus lima (5) perkara utama seperti berikut:-



Tiga (3) jenis kaedah kawalan dalaman yang utama adalah: Pengesanan (*Detective*), Pencegahan (*Preventive*) dan Pembetulan (*Corrective*).

Barisan Pertahanan (*Lines of Defense*) dalam pengurusan kawalan dalaman yang berkesan dalam melaksanakan operasi harian LHDNM adalah seperti berikut:



Kelima-lima barisan pertahanan ini perlu berfungsi dengan sempurna dan saling melengkapi dalam memastikan keberkesanan kawalan dalaman LHDNM.

## 4.2 JAMINAN MENGENAI KAWALAN DALAMAN


Sistem kawalan dalaman diwujudkan untuk mengurus risiko dan bukannya untuk menghapus semua risiko. Justeru, sistem kawalan dalaman hanya dapat memberi jaminan keberkesanan yang munasabah dan bukannya secara mutlak.

Keberkesanan *Rings of Governance* LHDNM adalah suatu proses berintegrasi dan berterusan serta dikawal selia oleh:

- Lembaga Pengarah LHDNM
- Jawatankuasa Audit Lembaga (JKAL)
- Jabatan Audit Negara Malaysia/Juruaudit Luar
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia
- Jabatan Audit Dalam LHDNM dan Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko LHDNM

Jabatan Audit Dalam (JAD) menjalankan fungsi menilai semua polisi dan peraturan serta kawalan yang diwujudkan oleh pihak pengurusan bagi memastikan aktiviti-aktiviti yang dijalankan diuruskan dengan sempurna dan berkesan pada kos yang munasabah. Tugas dan tanggung jawab JAD dan Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko (JIPR) memberi laporan secara bebas kepada JKAL di dalam memberi jaminan bahawa pengurusan kawalan dalaman LHDNM adalah berkesan dan mencukupi. Laporan akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga sekurang-kurangnya 4 kali setahun.

Fungsi dan kuasa Jawatankuasa Audit Lembaga (JKAL) ke atas kawalan dalaman LHDNM telah dinyatakan dengan jelas di dalam Terma Rujukan JKAL seperti berikut:-



JKAL juga membantu Lembaga menilai keberkesanan kawalan dalaman melalui :

- Pembentangan Laporan JKAL oleh Pengerusi JKAL kepada Lembaga Pengarah dua kali setahun,
- Perakuan Profil Risiko Korporat LHDNM, dan
- Perakuan Penyata Kewangan LHDNM.

## 5.0 KESIMPULAN TADBIR URUS KORPORAT

Fungsi Pengurusan Integriti, Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman yang berkesan melalui tindakan yang bertanggungjawab, telus, berakauntabiliti dan berhemat telah memastikan tadbir urus yang cemerlang di LHDNM. Keberkesanan tadbir urus tersebut meningkatkan keyakinan pemegang taruh terhadap kecekapan LHDNM dalam melaksanakan dasar yang telah dimandatkan oleh kerajaan. LHDNM sentiasa berusaha gigih untuk mengekalkan akauntabiliti dalam sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan seterusnya menjadi agensi kerajaan yang utama dalam kutipan hasil untuk negara.

# PENCAPAIAN PRESTASI LHDNM 2020



### 1. KUTIPAN CUKAI LANGSUNG BERBANDING HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

| PETUNJUK                                           | 2020     | 2019     | 2018     |
|----------------------------------------------------|----------|----------|----------|
| Kutipan Kasar (RM Bilion)                          | 123.104  | 145.110  | 137.034  |
| Tabung Bayaran Balik Cukai (TBBC)                  | 10.600   | 10.400   | 7.000    |
| Hasil Persekutuan (RM Bilion)                      | *227.270 | *264.415 | *232.882 |
| Peratusan Kutipan Kasar Atas Hasil Persekutuan (%) | 54.17    | 54.88    | 58.85    |

\* Berdasarkan Tinjauan Fiskal Dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2021

### 2. KUTIPAN CUKAI LANGSUNG BERSIH BERBANDING UNJURAN DISEMAK KERAJAAN

| PETUNJUK                                          | 2020     | 2019     | 2018     |
|---------------------------------------------------|----------|----------|----------|
| Kutipan Bersih (RM Bilion)                        | 112.504  | 134.710  | 130.034  |
| Unjuran Disemak Kerajaan (RM Bilion)              | *115.105 | *134.723 | *130.035 |
| Peratusan Kutipan Bersih Atas Unjuran Disemak (%) | 97.74    | 99.99    | 100.00   |

\* Berdasarkan Tinjauan Fiskal Dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2021

### 3. PUNGUTAN CUKAI LANGSUNG MENGIKUT KOMPONEN

| KOMPONEN                   | 2020<br>(RM Juta) | 2019<br>(RM Juta) | 2018<br>(RM Juta) |
|----------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
| Syarikat                   | 56,165.45         | 70,980.64         | 70,088.85         |
| Petroleum                  | 12,771.54         | 20,782.89         | 20,081.66         |
| Individu                   | 43,453.12         | 41,850.22         | 35,990.18         |
| Koperasi                   | 58.65             | 189.04            | 170.91            |
| Duti Setem                 | 5,505.76          | 6,212.83          | 5,937.10          |
| Cukai Pegangan             | 2,992.93          | 3,060.90          | 3,117.10          |
| CKHT                       | 1,687.48          | 1,799.81          | 1,467.13          |
| Aktiviti Perniagaan Labuan | 421.49            | 181.86            | 140.07            |
| Lain - lain*               | 47.48             | 51.99             | 40.81             |
| <b>Jumlah</b>              | <b>123,103.92</b> | <b>145,110.17</b> | <b>137,033.81</b> |

\* Lain-lain merangkumi bayaran Seksyen 124 ACP 1967, bayaran mahkamah, faedah bank, hasil guaman, pendaftaran perniagaan dan bayaran perkhidmatan Seksyen 138B ACP 1967.

#### 4. PRESTASI PENGURUSAN TUNGGAKAN HASIL (ABT)

Sehingga 31 Disember 2020, sebanyak 654,457 kes yang mempunyai tunggakan cukai telah diambil tindakan oleh Unit Pungutan Cawangan LHDNM. Pencapaian ini adalah meliputi 95% daripada baki kes tahunan yang mempunyai tunggakan dan perlu diambil tindakan dengan jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM26.594 bilion. Antara tindakan yang dilakukan adalah rundingan jadual ansuran bayaran, mengutip bayaran, mengeluarkan taksiran kurangan bagi rayuan pembayar cukai yang berjaya, tindakan rekoveri seperti pengeluaran perintah penahanan keluar negara, lantikan ejen kutipan, kaveat hartanah dan tindakan sivil di Mahkamah. Tindakan lanjut yang akan dilakukan bagi kes tunggakan adalah tindakan kebangkrapan, penggulungan syarikat dan hapus kira cukai.

#### 5. PRESTASI PEMBAYARAN BALIK LEBIHAN BAYARAN

| JENIS BAYARAN    | 2020         |                 | 2019         |                 | 2018         |                 |
|------------------|--------------|-----------------|--------------|-----------------|--------------|-----------------|
|                  | Bilangan Kes | Amaun (RM Juta) | Bilangan Kes | Amaun (RM Juta) | Bilangan Kes | Amaun (RM Juta) |
| *Selain Syarikat | 2,190,370    | 4,562           | 2,203,462    | 6,434           | 1,951,232    | 3,845           |
| Syarikat         | 103,890      | 8,020           | 221,523      | 22,300          | 114,349      | 4,002           |

\* Selain Syarikat termasuk Bayaran Balik Duti Setem

#### 6. PUNGUTAN MELALUI PCB BERBANDING PUNGUTAN HASIL KESELURUHAN

| PETUNJUK                       | 2020       | 2019       | 2018       |
|--------------------------------|------------|------------|------------|
| Pungutan Melalui PCB (RM Juta) | 23,526.51  | 30,303.57  | 26,260.72  |
| Pungutan Hasil (RM Juta)       | 123,103.92 | 145,110.17 | 137,033.80 |
| Peratus Sumbangan (%)          | 19.11%     | 20.89%     | 19.16%     |

#### 7. PUNGUTAN PCB MENGIKUT KAEDAH PEMBAYARAN

|                              | 2020     | 2019      | 2018      |
|------------------------------|----------|-----------|-----------|
| <b>Kaunter Bayaran LHDNM</b> |          |           |           |
| Jumlah                       | 3,135.71 | 14,814.57 | 15,220.20 |
| CIMB Bank Berhad             | 0        | 0         | 16.10     |
| Public Bank Berhad           | 34.28    | 177.85    | 265.51    |
| Pos Malaysia                 | 0.37     | 0.66      | 0.95      |
| e-PCB, e-Data PCB & eCP39    | 3,635.39 | 1,292.51  | 0         |
| Jumlah                       | 3,670.04 | 1,471.02  | 282.56    |

|                           | 2020             | 2019             | 2018             |
|---------------------------|------------------|------------------|------------------|
| <b>Perbankan Internet</b> |                  |                  |                  |
| CIMB Bank Berhad          | 3,058.65         | 1,990.50         | 2,451.42         |
| Public Bank Berhad        | 596.40           | 596.04           | 561.70           |
| RHB Bank Berhad           | 1,133.92         | 1,065.00         | 959.38           |
| Alliance Bank Berhad      | 428.00           | 372.80           | 300.28           |
| Maybank Berhad            | 3,228.75         | 3,092.30         | 2,245.07         |
| Hong Leong Bank           | 402.89           | 398.86           | 332.25           |
| OCBC Bank Berhad          | 636.82           | 628.13           | 500.18           |
| Citibank                  | 1,524.32         | 1,430.59         | 1,179.04         |
| HSBC Bank                 | 581.67           | 574.79           | 486.24           |
| AmBank                    | 303.25           | 266.99           | 216.23           |
| Bank Islam                | 18.54            | 18.88            | 11.71            |
| Pos Malaysia              | 0                | 0                |                  |
| AFFIN Bank                | 18.49            | 18.04            | 16.79            |
| AgroBank                  | 0.01             | 0.21             | 0.18             |
| e-PCB, e-Data PCB & eCP39 | 6,393.99         | 3,570.71         | 1,497.47         |
| <b>Jumlah</b>             | <b>18,325.70</b> | <b>14,023.84</b> | <b>10,757.96</b> |
| <b>Jumlah Besar</b>       | <b>25,131.45</b> | <b>30,309.43</b> | <b>26,260.72</b> |

## 8. PUNGUTAN CUKAI PEGANGAN

| Tahun | Seksyen 107A | Seksyen 109 / 109B | Seksyen 109C | Seksyen 109D | Seksyen 109E | Seksyen 109F | Bayaran Royalti Cukai Pegangan | Bayaran Faedah |
|-------|--------------|--------------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------------------------|----------------|
|       | (RM Juta)    | (RM Juta)          | (RM Juta)    | (RM Juta)    | (RM Juta)    | (RM Juta)    | (RM Juta)                      | (RM Juta)      |
| 2020  | 160.69       | 2,776.78           | 0.02         | 37.25        | 0            | 1.64         | 14.75                          | 1.51           |
| 2019  | 173.28       | 2,828.05           | 0.02         | 40.55        | 0            | 2.76         | 13.54                          | 1.53           |
| 2018  | 177.38       | 2,898.63           | 0.05         | 35.98        | 0            | 1.51         | 1.37                           | 1.49           |

## 9. TINDAKAN LARANGAN MENINGGALKAN NEGARA SEHINGGA 31 DISEMBER 2020

| TEMPOH                                              | Seksyen 104    |                 | Seksyen 22   |                 |
|-----------------------------------------------------|----------------|-----------------|--------------|-----------------|
|                                                     | Bilangan Kes   | Amaun (RM Juta) | Bilangan Kes | Amaun (RM Juta) |
| <b>Pendaftaran</b>                                  |                |                 |              |                 |
| Kes sehingga 31.12.2019                             | 53,930         | 1,859.52        | 4,950        | 99.94           |
| Kes Daftar Tahun 2020                               | 73,498         | 4,108.22        | 4,048        | 87.20           |
| <b>Jumlah</b>                                       | <b>127,428</b> | <b>5,967.73</b> | <b>8,998</b> | <b>187.14</b>   |
| <b>Pembatalan</b>                                   |                |                 |              |                 |
| Kes sehingga 31.12.2019                             | 4,953          | 245.25          | 514          | 9.98            |
| Kes Batal Tahun 2020                                | 4,000          | 402.51          | 309          | 7.05            |
| <b>Jumlah</b>                                       | <b>8,953</b>   | <b>647.76</b>   | <b>823</b>   | <b>17.03</b>    |
| <b>Jumlah Kes Berkuat Kuasa sehingga 31.12.2020</b> | <b>118,475</b> | <b>5,319.98</b> | <b>8,175</b> | <b>170.11</b>   |

## 10. KEMUDAHAN PEMBAYARAN CUKAI

| Tahun | Kaunter Bayaran* dan Melalui Mel (RM Juta) | Kaunter Bank (RM Juta) | Perbankan Internet (RM Juta) | Lain-lain** (RM Juta) | Jumlah (RM Juta) |
|-------|--------------------------------------------|------------------------|------------------------------|-----------------------|------------------|
| 2020  | 27,870.39                                  | 20,951.99              | 74,281.53                    | -                     | 123,103.91       |
| 2019  | 46,816.29                                  | 22,468.90              | 75,824.98                    | -                     | 145,110.17       |
| 2018  | 47,791.14                                  | 24,280.70              | 64,961.96                    | -                     | 137,033.80       |

\* Kaunter bayaran di Pusat Bayaran Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu.

\*\* Meliputi duti setem, duti harta pesaka, IOFC, pendaftaran perniagaan dan lain-lain.

## 11. PERBANKAN INTERNET

| Tahun                    | 2020      | 2019      | 2018      |
|--------------------------|-----------|-----------|-----------|
| Bilangan Pembayar Cukai  | 7,045,632 | 5,761,840 | 4,079,638 |
| Amaun Dipungut (RM Juta) | 74,281.53 | 75,824.97 | 64,961.96 |

## 12. ANGGARAN CUKAI SYARIKAT (BORANG CP204) DAN BAYARAN ANSURAN INDIVIDU (BORANG CP500)

| Tahun                                    | 2020      | 2019      | 2018      |
|------------------------------------------|-----------|-----------|-----------|
| Bilangan Borang CP204 Diterima           | 219,906   | 206,595   | 200,428   |
| Anggaran Cukai Borang CP204* (RM Juta)   | 52,796.81 | 53,289.20 | 48,557.35 |
| Bilangan Borang CP500 Dikeluarkan        | 394,715   | 363,271   | 359,576   |
| Bayaran Ansuran Borang CP500** (RM Juta) | 4,254.82  | 4,066.80  | 3,540.01  |

\* Anggaran cukai yang dinyatakan dalam CP204 (bagi kategori syarikat, koperasi dan badan amanah) adalah sebelum apa-apa pindaan dan bayaran dibuat. Data diperolehi mengikut larian pada bulan Januari.

\*\* Bayaran ansuran CP500 (bagi kategori selain syarikat) adalah sebelum apa-apa pindaan dan bayaran dibuat.

# TERAS STRATEGIK





# TERAS STRATEGIK I

## PENTADBIR SISTEM PERCUKAIAN YANG DIYAKINI RAKYAT - FOKUS PELANGGAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) komited untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti, menepati kehendak semasa dan tulus. Sistem teknologi maklumat dimanfaatkan secara meluas dan inovatif sebagai pemangkin dalam penyampaian perkhidmatan. LHDNM menyasarkan peningkatan perkhidmatan dalam talian menjelang 2020 selaras dengan penggunaan internet sebagai saluran penyampaian perkhidmatan utama. Penambahan rangkaian perkhidmatan layan diri yang menyeluruh dan automatik dapat menjimatkan masa pembayar cukai berurusan dengan LHDNM seterusnya mengurangkan kos pematuan. Keselamatan sistem maklumat dan fasiliti adalah kritikal dalam memastikan kerahsiaan maklumat pembayar cukai. LHDNM mengambil langkah keselamatan sewajarnya untuk melindungi sistem maklumat dan fasiliti daripada sebarang ancaman pencerobohan dan kebocoran maklumat. LHDNM turut menekankan nilai integriti yang tinggi ke atas semua Hasil. Pelan Integriti LHDNM berteraskan nilai bijak, benar, amanah, telus, adil dan bersyukur bertujuan untuk memelihara reputasi dan imej korporat seterusnya dapat menambah keyakinan pembayar cukai terhadap LHDNM.

### 1.1 PEMANTAPAN DAN KEADILAN SISTEM PERCUKAIAN

Untuk memastikan keadilan dalam sistem percukaian, LHDNM sentiasa memantapkan dan mengemas kini undang-undang percukaian antarabangsa dan garis panduan yang berkaitan dengannya supaya selaras dengan perkembangan dan keperluan semasa. Antaranya ialah *Advance Pricing Arrangement Guidelines/Rules*, *Transfer Pricing Rules and Guidelines* dan *Earning Stripping Rules (ESR)* telah dilaksanakan pada 2020. Begitu


juga dengan *Country-by-Country Reporting (CbCR) Rules and Guidelines* telah dimuat naik ke laman sesawang LHDNM pada Januari 2019. Justeru, Cawangan Cukai Multinasional (CCM) mengambil inisiatif memberi pendedahan kepada pegawai mengenai Manual Prosedur Kerja Harga Pindahan, Garis Panduan Harga Pindahan, Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan, *OECD Transfer Pricing Guidelines* dan isu perkembangan semasa secara berkala. CCM bertanggungjawab memastikan semua pegawainya hadir pada sesi perbincangan kes, sesi perkongsian ilmu dan mesyuarat teknikal. Manakala pegawai dan staf Unit Pentadbiran pula sentiasa ditingkatkan kemahiran mengenai sistem pentadbiran dan pengurusan bagi mencapai kecekapan dan keberkesanan supaya organisasi mempunyai saiz perjawatan dan struktur yang optimum.

### 1.2 PERKHIDMATAN KEPADA PELANGGAN

#### Sistem Pengumpulan Maklumat (e-SMUP)

Ia merupakan program pengesanan dan pematuan yang dijalankan oleh LHDNM melalui pengumpulan maklumat tambahan seperti maklumat daripada pelbagai punca pendapatan, maklumat pembelian dan pemilihan aset, maklumat keahlian persatuan/kelab dan sebagainya. Objektif utamanya ialah untuk menyokong aktiviti penguatkuasaan dan pematuan yang dijalankan oleh LHDNM serta menyediakan maklumat bagi tujuan pembesaran asas cukai.

Justeru, Jabatan Perisikan dan Profiling telah mengambil inisiatif awal dengan mengadakan pendidikan dan taklimat penggunaan e-SMUP ini kepada agensi kerajaan/swasta. Sepanjang tahun 2020, sebanyak 714 Taklimat Penggunaan e-SMUP telah dilaksanakan iaitu semasa aktiviti kunjungan hormat oleh Unit Profiling Cawangan



(UPC) ke agensi kerajaan dan swasta. Ini juga untuk menjalinkan hubungan dua hala dan kerjasama antara agensi demi kepentingan negara.

### 1.3 REPUTASI DAN IMEJ KORPORAT

#### 1.3.1 Kolaborasi Penyelidikan LHDNM dengan Universiti Tempatan

Kolaborasi penyelidikan ini telah berjaya dilaksanakan apabila lima (5) dokumen kerjasama berjaya ditandatangani. Matlamat utama pelaksanaan kajian kolaborasi antara LHDNM dengan institusi penyelidikan ini ialah untuk menghasilkan sebuah kajian yang berkualiti dan bebas daripada sebarang pengaruh pihak yang berkepentingan. Gabungan sinergi antara pihak yang mempunyai kepakaran dalam bidang percukaian (LHDNM) dan penyelidikan (universiti) dapat memberi perspektif yang berbeza kepada pihak pengurusan LHDNM dalam mencorak sistem percukaian serta tadbir urus yang inklusif. Di samping itu, kolaborasi ini dapat membuka peluang perkongsian ilmu dan pengalaman kepada pegawai penyelidik di JPP selain pendedahan kepada kaedah kajian yang lebih dinamik.

Perjanjian kajian kolaborasi tersebut dimeterai dengan tiga universiti terkemuka secara berasingan dan tajuk kajian adalah seperti di bawah:

- 1) Universiti Teknologi Mara (UiTM) – *Best Governance Practice Model for Inland Revenue Board Malaysia* dimeterai pada 27 November 2020.
- 2) Universiti Putra Malaysia (UPM) dan INTI College – *Behavioural Insights of Voluntary Tax Compliance of Malaysian E-Commerce* dimeterai pada 6 Oktober 2020.
- 3) Universiti Utara Malaysia (UUM) – *Achieving Efficiency and Effectiveness of Tax Auditors of*

*LHDNM* dimeterai pada 13 September 2020.

- 4) Universiti Teknologi Mara (UiTM) – *Evaluation On the Effectiveness of Taxpayer Education Programs – Study On the Impact Towards Tax Knowledge, Perceptions and Taxpayers' Compliance Behaviour* dimeterai pada 25 Ogos 2020, dan
- 5) Universiti Putra Malaysia (UPM) – *Inland Revenue Board of Malaysia Advertisement Effectiveness Towards Tax Compliance* dimeterai pada 20 Ogos 2020.

Kajian yang dilaksanakan secara kolaborasi dengan badan bebas ini juga penting sebagai nilai tambah kepada reputasi dan imej LHDNM di persada dunia. LHDNM akan diaudit oleh *The International Monetary Fund* (IMF) melalui *Tax Administration Diagnostic Assessment Tool* (TADAT). Penglibatan TADAT bertujuan mengukur tahap kematangan sistem pentadbiran percukaian supaya mengikut piawaian amalan terbaik antarabangsa. Selain itu, ia juga akan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam sistem pentadbiran cukai, membuat reformasi percukaian, pemantauan dan menilai semula dalam suatu tempoh yang ditetapkan untuk menilai keberkesanan penambahbaikan yang telah dilaksanakan. Kajian yang dilakukan oleh penyelidik dari institusi penyelidikan yang diiktiraf sama ada dalam dan luar negara ini juga akan memberi merit kepada LHDNM apabila diaudit oleh *International Bureau of Fiscal Documentation* (IBFD) melalui Tax-Ray yang menyediakan penilaian yang komprehensif berkenaan kekuatan dan kelemahan pentadbiran cukai. Penilaian ini merangkumi bidang utama berikut:

- Persekitaran
- Sistem cukai
- Mandat/Misi dan visi
- Ciri-ciri organisasi pentadbiran cukai
- Operasi cukai (1): Pendaftaran, pemfailan, penaksiran
- Operasi cukai (2): Audit, penyiasatan penipuan

- Operasi cukai (3): Pungutan, rayuan, perkhidmatan

Laporan Tax-Ray ini akan digunakan sebagai penanda aras penilaian sendiri, penambahbaikan selama bertahun-tahun ke atas indikator terpilih atau sebagai perbandingan dengan pentadbir cukai yang lain.

### 1.3.2 Simposium Penyelidikan Percukaian

Jabatan Penyelidikan Percukaian (JPP) buat julung kalinya berjaya menganjurkan Simposium Penyelidikan Percukaian (SPP) pada 26 Februari 2020 di Akademi Percukaian Malaysia (APM), Bangi. Matlamat penganjuran SPP ialah untuk menggalakkan usahasama dan perkongsian pengetahuan antara LHDNM dengan universiti, institusi penyelidikan dan pengamal akademik untuk terus menghasilkan kajian bermutu dalam bidang percukaian. Selain itu, ia juga mendorong pegawai LHDNM untuk membudayakan ilmu dan memberi nilai tambah kepada pegawai supaya lebih *versatile*.

Program ini telah dirasmikan oleh YBhg Dato' Sri Dr. Sabin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) LHDNM dan dua Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (TKPE) iaitu Datuk Noor Azian Abdul Hamid (TKPE Dasar) dan Encik Mohammed Noor Ahmad (TKPE Pengurusan). Manakala barisan panel terdiri daripada tiga (3) individu berpengalaman dan mempunyai akauntabiliti dalam bidang percukaian iaitu YBhg. Datuk Dr. Sotimin Muhalip, Pengarah Jabatan Operasi Percukaian; YBhg. Dato' Dr Mustafa Mohd Hanefah, Profesor, Universiti Sains Islam Malaysia; dan Professor Emeritus Dr. Barjoyai Bardai, Profesor Adjung dan Pengarah Global MBA Program, Universiti Tun Abdul Razak. Penganjuran kali pertama ini menyaksikan sepuluh penyelidik dari pelbagai universiti dan pegawai LHDNM telah dipilih sebagai pembentang dengan pilihan topik yang relevan dengan isu semasa percukaian.

Penyertaan SPP ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pegawai LHDNM sendiri dan juga peserta luar. Sebagai permulaan, jumlah penyertaan dihadkan kepada 250 orang dan hanya dibuka kepada pegawai LHDNM di sekitar Lembah Klang yang memiliki Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran (PhD), para pensyarah dan pelajar universiti. Barisan pembentang kertas kajian pula

terdiri daripada penyelidik, pensyarah dan pegawai LHDNM yang sedang atau telah menghabiskan pengajian di peringkat Sarjana atau peringkat doktor falsafah. Perincian topik pembentangan adalah seperti berikut :

| BIL | TAJUK                                                                                                                                  |
|-----|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1   | <i>The Shadow Economy in Malaysia, 1961-2018</i>                                                                                       |
| 2   | <i>Effect of Corporate Social Responsibility on Corporate Lobbying Effectiveness: Evidence from Taxes Aggressiveness</i>               |
| 3   | <i>Factors Motivating Malaysian Taxpayer's Participation in Special Voluntary Disclosure Program: A Primary Survey</i>                 |
| 4   | <i>An Action Research Methodology Into The Interpretation on Withholding Tax: In The Case of the Inland Revenue Board of Malaysia.</i> |
| 5   | <i>A Study on Malaysian Taxpayers Behavior Towards Tax Evasion</i>                                                                     |
| 6   | <i>Tax Morale of Online Business Owners: A Proposed Framework</i>                                                                      |
| 7   | <i>Factors Influencing Tax Compliance Intention Among Sole Proprietors: A Proposed Model</i>                                           |
| 8   | <i>Tax Officers' Fraud Risk Judgment: A Behavioral Perspective</i>                                                                     |
| 9   | <i>Sole Proprietors Tax Reporting Behavior: An Analysis of Theory of Planned Behavior</i>                                              |
| 10  | <i>Determinants of Tax Agent's Readiness Towards the Acceptance of Tax Administration's Digitalization in Malaysia</i>                 |

### 1.3.3 Memperkukuhkan asas tadbir urus yang baik

Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko (JIPR) bertanggungjawab dengan mengambil pelbagai tindakan bagi memastikan aktiviti pematuhan, pengukuhan dan pembudayaan integriti sentiasa diamalkan. Antara tindakan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020 ialah:

- Penguatkuasaan Polisi Pemberian Maklumat (*Whistleblowing Policy*) LHDNM. Objektif polisi ini ialah:
  - Memudahkan pemberian maklumat.
  - Memastikan pemberian maklumat yang adil, saksama dan diambil tindakan sewajarnya.
  - Memastikan pemberi maklumat dirahsiakan identiti dan maklumat peribadi mereka.

ii. Pelaksanaan inisiatif Pelan Anti Rasuah LHDNM (PeARL) 2019 - 2023

Pelaksanaan Pelan Antirasuah LHDNM (PeARL) berkuatkuasa pada 1 Januari 2020 selaras dengan pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang dilancarkan pada 29 Januari 2019 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

Pencapaian pelaksanaan pelan ini dianalisis oleh Bahagian integriti, JIPR melalui Sistem Penilaian Sendiri (SPS) dan dimuatkan dalam Laporan Pelaksanaan Inisiatif PeARL setiap tahun. Skop analisis Laporan Pelaksanaan PeARL 2020 berdasarkan kepada pemerhatian Analisis Tahap Pelaksanaan Inisiatif di bawah Strategi 1 hingga Strategi 4 dan Analisis Prestasi Pencapaian Pelaksana. Laporan ini penting untuk menangani isu tadbir urus dan integriti serta membanteras rasuah di LHDNM ke akar umbi dalam merealisasikan visi, misi dan matlamat organisasi tercapai. Secara keseluruhannya, pembudayaan integriti melalui Pelaksanaan Inisiatif PeARL 2020 telah dapat dilaksanakan dengan jayanya di LHDNM.

iii. Analisis dan Laporan Pelaksanaan Soal Selidik Tahap Kesedaran Hasilian Berhubung Pengukuhan Integriti.

iv. Penubuhan dan pelaksanaan Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) LHDNM seperti yang diarahkan oleh YAB Perdana Menteri melalui Arahan No. 1 Tahun 2018 "Pemantapan Governans, Integriti Dan Anti-Rasuah Dalam Pengurusan Kerajaan Malaysia: Mekanisme Pengurusan Governans, Integriti Dan Anti-Rasuah Kebangsaan". LHDNM merupakan ahli Mesyuarat JAR Peringkat Kementerian Kewangan. Pelaksanaan JAR di LHDNM melibatkan dua (2) peringkat seperti berikut:

- a. Peringkat LHDNM – melibatkan semua Pengurusan Atasan LHDNM
- b. Peringkat Negeri – melibatkan pengarah negeri dan pengarah cawangan / cawangan siasatan di bawah seliaan.

Selain itu, penyediaan Pekeliling Berhubung Garis Panduan Pelaporan Aktiviti Rasuah di LHDNM juga dilaksanakan. Ini bertujuan untuk menggariskan Prosedur Operasi Standard yang betul bagi pelaporan sebarang tawaran atau aktiviti rasuah

sekiranya berlaku dan melibatkan jabatan / negeri / cawangan / cawangan siasatan di LHDNM.

1.3.4 Memperkasakan pengetahuan dan kemahiran pegawai

Jabatan Undang-Undang (JUJ) sentiasa memastikan pegawai meningkatkan pengetahuan dengan mengoptimumkan segala aplikasi yang terdapat dalam sistem yang dibangunkan dengan mengadakan latihan dan bengkel supaya sekurang-kurangnya 70% pegawai tahu menggunakannya. Taklimat pelaksanaan dan latihan penggunaan sistem *Case Management System* (CMS) dan skrin rayuan juga telah diadakan.

Selain itu, JUJ turut mengoptimumkan penggunaan skrin rayuan cukai di *Revenue Management System* (ReMS). Sistem ini mengemaskini status kes semasa rayuan cukai supaya memudahkan pencarian dan rujukan pegawai. JUJ juga sentiasa mengadakan sekurang-kurangnya 12 sesi perbincangan teknikal secara berkala untuk meningkatkan ilmu melalui platform *Court Case Analysis*, *DNA Enrichment* dan *mock trial* sebanyak empat kali setahun yang dilatih oleh pengamal undang-undang dari luar.

1.3.5 Pengurusan Aduan Pelanggan

Pengurusan aduan pelanggan adalah penting bagi memberi keyakinan pelanggan LHDNM khasnya pembayar cukai terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh LHDNM.

Sumber-sumber aduan yang diterima oleh LHDNM adalah seperti berikut:

- Portal Maklum Balas Pelanggan / *Customer Feedback Form* (CFF) yang merupakan sumber utama aduan. Maklumat ini seterusnya direkodkan dalam *Smart Management and Reliable Tax System* (SMART).
- Surat, sendiri, e-mel, telefon, faksimili, media sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter LHDNM serta media cetak seperti surat khabar perlu direkodkan secara manual ke dalam SMART.
- Selain daripada sumber di atas, aduan juga disalurkan oleh Kementerian Kewangan, Biro Pengaduan Awam (BPA) dan agensi lain yang berkenaan.

Tindakan proaktif LHDNM dalam mengurus aduan pelanggan melibatkan semua peringkat pengurusan di LHDNM iaitu jabatan / pejabat pengarah negeri (PPN) / bahagian / cawangan / cawangan siasatan yang bertanggungjawab bagi melaksanakan pengendalian pengurusan aduan yang seragam dan sistematik bagi memastikan setiap aduan yang diterima oleh LHDNM dikendalikan dalam tempoh yang ditetapkan dan dipantau sewajarnya.

Bagi memastikan aduan yang diterima diuruskan dengan teratur, LHDNM telah mewujudkan satu Jawatankuasa Tetap Pengurusan Aduan (JTPA) LHDNM yang terdiri daripada dua (2) peringkat iaitu:

- i. Peringkat ibu pejabat
- ii. Peringkat jabatan / cawangan

Jawatankuasa di peringkat ibu pejabat dianggotai oleh:

- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan)
- Pengarah Jabatan Khidmat Korporat
- Pengarah Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia
- Pengarah pemilik proses jabatan-jabatan

Jawatankuasa di peringkat jabatan / cawangan dianggotai oleh:

- Pengarah jabatan / cawangan selaku pengerusi jawatankuasa
- Pengurus Unit Khidmat Pelanggan jabatan / cawangan
- *Customer Care Officer*
- Lain-lain pegawai

Jawatankuasa ini perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun. Minit mesyuarat peringkat cawangan akan disalurkan ke ibu pejabat di mana semakan dibuat bagi memantau prestasi cawangan dan membantu cawangan sekiranya terdapat isu yang memerlukan pindaan dasar.

LHDNM sentiasa mengutamakan tahap kepuasan pelanggan. Justeru, penetapan satu penanda aras pengurusan aduan adalah penting agar perkhidmatan yang diberi mempunyai elemen keseragaman, mematuhi etika korporat dan mendokong misi, visi dan budaya korporat. Inisiatif sebegini juga penting bagi menjanjikan keselesaan dan kepuasan hati pembayar cukai sejajar dengan moto perkhidmatan iaitu "Perkhidmatan Terbaik Untuk Anda".

## Statistik Aduan Tahun 2020

| Jenis Maklum Balas Pelanggan | TAHUN 2020 |     |     |     |     |     |     |      |      |     |     |     | JUMLAH KUMULATIF |
|------------------------------|------------|-----|-----|-----|-----|-----|-----|------|------|-----|-----|-----|------------------|
|                              | Jan        | Feb | Mac | Apr | Mei | Jun | Jul | Ogos | Sept | Okt | Nov | Dis |                  |
| Aduan                        | 20         | 21  | 21  | 19  | 80  | 46  | 25  | 28   | 27   | 27  | 40  | 51  | 405              |

## 1.4 PENDIDIKAN DAN KESEDARAN CUKAI

### 1.4.1 Program Pendidikan Cukai

#### Taklimat Berfokus

Taklimat/Bengkel berfokus (Nasihat Sokongan Peniaga – NSP) termaktub dalam Arahan Operasi Bil 1/2019 yang mana setiap cawangan diberi sasaran sekurang-kurangnya satu (1) program taklimat setiap bulan

kepada kumpulan berfokus (SMEs, Majikan terpilih). Pelaksanaan adalah berdasarkan Garis Panduan Taklimat/Bengkel berfokus NSP. Walau bagaimanapun, taklimat ini hanya bermula pada bulan Mei 2020 berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 bagi menangani penularan pandemik COVID-19. Hampir keseluruhan taklimat ini dilaksanakan secara maya.

Program kolaborasi turut diadakan bersama-sama :

- agensi luar/persatuan/NGO
- ejen cukai dan firma perakaunan
- program bersama Institut Pengajian Tinggi

| Tahun | Peserta Hadir Taklimat | Peserta Hadir Taklimat Kolaborasi | Bilangan Agensi Kolaborasi | Program Bakal Pembayar Cukai | Kidzania | Edaran Bahan Pendidikan Cukai |
|-------|------------------------|-----------------------------------|----------------------------|------------------------------|----------|-------------------------------|
| 2018  | 163,645                | 25,657                            | 97                         | 4,676                        | 15,501   | 63,955                        |
| 2019  | 179,685                | 38,372                            | 108                        | 7,226                        | 14,865   | 61,100                        |
| 2020  | 426,812                | 26,516                            | 49                         | 7,635                        | -        | 14,787                        |

Nota: Program Kidzania pada tahun 2020 ditangguhkan untuk sementara waktu.

#### 1.4.2 Program Kesedaran Cukai

| Tahun | Pengunjung Kaunter HCG & UTC | Iklan TV & Radio (bil. kekerapan) | Wawancara TV & Radio | Program Klinik Cukai | Artikel | Iklan Akhbar (bil. kekerapan) | Jumlah Kaunter UTC | Kaunter Luar |
|-------|------------------------------|-----------------------------------|----------------------|----------------------|---------|-------------------------------|--------------------|--------------|
| 2018  | 3,413,906                    | 16                                | 5                    | 13                   | 6       | Tiada                         | 10                 | 4,553        |
| 2019  | 3,504,972                    | 20                                | 14                   | 15                   | 25      | Tiada                         | 12                 | 2,996        |
| 2020  | 2,529,214                    | 2,854                             | 15                   | 15                   | 8       | 49                            | 12                 | 591          |

Jom Klik Hasil juga merupakan sebahagian daripada program kesedaran cukai. Antara objektifnya adalah memberi khidmat nasihat berkenaan hal-hal percukaian kepada pembayar cukai melalui pembukaan kaunter perkhidmatan dan penyampaian taklimat percukaian di luar premis pejabat LHDNM.

Program Jom KLIK HASiL di peringkat LHDNM melibatkan aktiviti seperti berikut:

- Skop Perkhidmatan Penerimaan Borang Nyata (BN) yang merujuk kepada Program Memfail BN setiap tahun dan/atau Pekeliling Operasi Sistem e-Filing;
- Kaunter Perkhidmatan e-Filing (Dalam Premis LHDNM);
- Kaunter Perkhidmatan e-Filing (Luar Premis LHDNM);
- Taklimat Pendidikan Cukai (Dalam Premis LHDNM);
- Taklimat Pendidikan Cukai (Luar Premis LHDNM);
- Hebahan Kenyataan Media / Akhbar dan Temubual di Televisyen / Radio; dan
- Perkhidmatan Elektronik ezHASiL

#### 1.4.3 Penganjuran Bagi Menyampaikan Maklumat Terkini

##### Penganjuran Seminar Percukaian Kebangsaan

Penganjuran Seminar Percukaian Kebangsaan (SPK) ini merupakan program tahunan yang berprestij bagi LHDNM. Penganjuran bagi tahun 2020 telah dirasmikan pada 25 Ogos 2020 dengan tema *Navigating Tax Through Challenging Times* secara maya buat pertama kalinya melalui platform Webinar. SPK ini adalah kesinambungan daripada pembentangan Belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan

di Parlimen setiap tahun. Seminar penting dan bermanfaat ini telah dirasmikan oleh YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan. Turut hadir ke majlis perasmian SPK 2020 ialah YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin bin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM, Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Timbalan-timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Pegawai-pegawai Kanan LHDNM, Presiden Badan-badan Profesional dan wakil-wakil media. Kumpulan sasaran ialah ejen cukai, pengamal percukaian, ahli akademik, majikan serta orang awam. SPK ini merupakan salah satu daripada pelbagai program tahunan pendidikan cukai yang menyediakan platform untuk memberi pendedahan dan maklumat terkini tentang isu pindaan undang-undang percukaian yang diumumkan semasa pembentangan belanjawan 2021.

### 1.5 MEMASTIKAN KESERAGAMAN LAYANAN CUKAI

Jabatan Dasar Percukaian (JDP) sentiasa berusaha mencari solusi yang terbaik supaya undang-undang percukaian, arahan atau pekeliling yang dikeluarkan oleh LHDNM adalah jelas dan boleh difahami oleh orang awam. JDP juga komited dalam memberi penjelasan tentang undang-undang percukaian / duti serta memastikan supaya ada keseragaman dalam layanan cukai berkaitan akta berikut:

- i. Akta Cukai Pendapatan 1967;
- ii. Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976;
- iii. Akta Setem 1949;
- iv. Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967;
- v. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990;
- vi. Akta Penggalakan Pelaburan 1986; dan
- vii. Perundangan subsidiari yang berkaitan akta-akta di atas.

Selain itu JDP juga berjaya menerbitkan dan memuat naik sembilan (9) topik Ketetapan Umum (KU) dwibahasa ke dalam portal rasmi LHDNM bagi rujukan orang awam dan pegawai LHDNM. Usaha ini diikuti dengan penerbitan dan memuat naik tujuh (7) tajuk e-handbook dan dua (2) e-pemakaian kes undang-undang setahun ke dalam portal Hasilpedia, yakni portal dalaman yang menjadi panduan pegawai-pegawai LHDNM. JDP juga menetapkan pembikinan empat (4) *video conference* / taklimat / *e-learning* / Youtube setahun

kepada pegawai LHDNM dan orang awam bagi memudahkan proses rujukan yang lebih pantas dan mudah. Sebelum sesuatu topik Ketetapan Umum diterbitkan, sesi konsultasi awam akan diadakan bagi mendapatkan pandangan daripada pelbagai pihak berkepentingan. Berikutan itu, JDP berjaya mengadakan lima (5) konsultasi awam sepanjang tahun 2020.

Seterusnya JDP memastikan sekurang-kurangnya 70% memberi maklum balas terhadap khidmat nasihat dasar percukaian kepada pihak berkepentingan dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia melalui surat, e-mel, laporan eksekutif dan ulasan dibuat dalam tempoh 60 hari bekerja daripada tarikh dokumen lengkap diterima. Tindakan yang segera ini dibuat bagi memastikan sebarang perubahan dasar percukaian dapat disampaikan kepada orang awam oleh pegawai LHDNM dengan betul dan tepat pada masanya.



# TERAS STRATEGIK 2

## SISTEM DAN POSEDUR KERJA YANG CEKAP DAN BERKESAN - KECEMERLANGAN OPERASI

### 2.1 Projek Kolaborasi Cawangan Khas

LHDNM telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan projek kolaborasi Cawangan Khas berkaitan aktiviti kewangan. Cawangan Khas ini terdiri daripada gabungan Cawangan Pembayar Cukai Besar (CPCB), Cawangan Cukai Multinasional (CCM) dan Cawangan Industri Khas (CIK). Objektif projek ini ialah untuk memastikan aktiviti Perancangan Cukai Agresif dapat dijalankan dengan melakukan semakan menyeluruh melibatkan syarikat yang berkaitan. Kolaborasi ini melibatkan lapan jabatan iaitu Jabatan Dasar Percukaian, Jabatan Pematuhan Cukai, Jabatan Perisikan Dan Profiling, Jabatan Undang-Undang, Cawangan Pembayar Cukai Besar, Cawangan Cukai Multinasional, Cawangan Industri Khas dan Cawangan Tidak Bermastautin. Hasil daripada kolaborasi ini, beberapa aktiviti pengelakan cukai yang mencurigakan telah dikenal pasti. Antaranya ialah industri *pharmaceutical*, kes kerugian yang berpanjangan serta insentif yang berterusan, kes *Group Relief* yang melibatkan syarikat gergasi dan kes yang melibatkan entiti tidak bermastautin dan establismen tetap.

Cawangan Khas ini telah berjaya memungut cukai melepasi sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan walaupun dalam keadaan pandemik COVID-19. CIK yang terdiri daripada portfolio industri khas dan petroleum masing-masing telah berjaya melepasi sasaran yang ditetapkan

sebanyak 7.15% dan 33.72%. Manakala, CCM pula telah melepasi sasaran sebanyak 5.48%. Cawangan Khas ini menyumbang 47% daripada keseluruhan kutipan cukai LHDNM.

### 2.2 Memodenkan Sistem Aplikasi dan Infrastruktur ICT

Bagi kelancaran dan keselesaan pembayar cukai, Jabatan Operasi Cukai (JOC) telah berjaya menambah baik sistem sedia ada dengan melancarkan MyTax : Gerbang Baharu Informasi Percukaian. Sistem ini lebih mesra pengguna dan maklumat berkaitan percukaian boleh diperoleh lebih mudah, sistematik dan paparan berinfografik yang menarik. Aplikasi ini telah dilancarkan oleh YAB Menteri Kewangan pada 19 November 2020 bersempena Hari Inovasi dan Integriti dan telah dibuka untuk kegunaan orang awam. Penambahbaikan MyTax versi baharu ini bertujuan menjadikan ia salah satu produk kebanggaan LHDNM selain menyediakan medium penyampaian yang lebih berkesan kepada pengguna. MyTax baharu ini memberikan perkhidmatan secara:

- Paparan web yang lebih moden dalam konsep *responsive* bersesuaian dengan aplikasi teknologi terkini termasuk telefon pintar;
- Ia juga menggunakan konsep *Single Sign-On* (PKI) di mana Pembayar cukai hanya perlu log masuk satu ID untuk akses kepada pelbagai sistem; dan
- Ia juga memberikan paparan yang lebih ringkas dan padat serta membolehkan pembayar cukai mengemas kini maklumat dengan mudah.

Dengan pelancaran MyTax versi baharu yang lebih mesra pelanggan, kini mereka tidak perlu lagi ke kaunter cawangan LHDNM untuk mengetahui informasi percukaian mereka kerana segalanya boleh diakses di hujung jari yang lebih menjimatkan masa, kos dan pergerakan. LHDNM mengambil inisiatif penambahbaikan aplikasi ini tepat pada masanya terutama di saat penularan pandemik COVID-19. Pandemik ini telah mencetuskan kreativiti dan inovasi bagi LHDNM untuk menambah perkhidmatan LHDNM dalam talian yang sedia ada. Peningkatan pengguna MyTax jelas menunjukkan penerimaan masyarakat terutama golongan muda yang celik IT dan bersesuaian dengan perkembangan teknologi digital.

Selain itu, JOC juga menjalankan kajian data *scientist* dan sebanyak 24 kajian telah berjaya diselesaikan meliputi kajian pematuhan cukai dan bukan cukai. Kesemua penemuan kajian dimuat naik ke *Hasil Integrated Tax System* (HITS) pemilik proses yang berkaitan. Bagi pemerkasaan peranan JOC, sesi libat urus bersama kementerian dan agensi kerajaan telah diadakan supaya ada senergi dalam penyaluran maklumat. Tahun 2020 ini juga menyaksikan kejayaan JOC mengeluarkan *Dashboard Hasil Analytics* untuk Pengurusan Atasan dan Pengarah Jabatan/Negeri mengakses pelaporan statistik secara interaktif.

### 2.3 Prestasi Pengurusan Tunggakan Hasil (ABT)

Unit Pungutan Cawangan LHDNM telah berjaya menyelesaikan 95% kes tunggakan hasil iaitu sebanyak 654,457 kes dengan jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM26.594 bilion. Antara tindakan yang dilakukan adalah rundingan jadual ansuran bayaran, mengutip bayaran, mengeluarkan taksiran kurangan bagi rayuan pembayar cukai yang berjaya, tindakan *recovery* seperti pengeluaran perintah penahanan keluar negara, lantikan ejen

kutipan, kaveat hartanah dan tindakan sivil di Mahkamah. Tindakan lanjut yang akan dilakukan bagi kes tunggakan adalah tindakan kebangkrutan, penggulangan syarikat dan hapus kira cukai.

### 2.4 Memperkasakan dan Menaik Taraf STAMPS

Jabatan Operasi Setem dan CKHT (JOSC) memperkasakan dengan menambah baik dan menaik taraf Sistem Taksiran dan Pembayaran Duti Setem secara elektronik melalui internet atau *Stamp Assessment and Payment System* (STAMPS). Sistem telah mendapat Anugerah Inovasi CEO 2020 kerana mempunyai teknologi muat naik lampiran melalui fail berformat *based 64* dalam modul permohonan taksiran duti setem secara berkelompok. STAMPS ini menggantikan Sistem Frangki Digital (DFS 20) yang menggunakan Mesin Franking dan Setem Hasil. DFS 2.0 ini akan digantikan sepenuhnya mulai 1 Julai 2021 dengan cetakan resit/sijil setem yang dijana oleh STAMPS. Kebaikan pelaksanaan STAMPS ini:

- Mudah dicapai di mana sahaja dan pada setiap masa
- Menjimatkan masa memproses surat cara/dokumen
- Sistematis dan mempercepatkan proses
- Data selamat dan terjamin
- Mengurangkan kos
- Semakan status pada bila-bila masa

Dengan penambahan modul baharu STAMPS iaitu pembangunan permohonan penyeteman berkelompok secara dalam talian, bayaran melalui portal ByrHasil, petikan statistik pencapaian Piagam Pelanggan dan statistik pengguna sistem dalaman, menjadikan sistem ini lebih mesra pengguna, mempercepatkan proses kerja, menjimatkan masa, kos dan meningkatkan lagi kutipan hasil. Pelaksanaan pendaftaran, penghantaran penyata dan bayaran duti kompaun secara dalam talian telah berjaya direalisasikan. Selain itu, tahun 2020 juga menyaksikan JOSC menjalin kerjasama strategik

dengan agensi lain dalam penyaluran maklumat dengan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) melalui STAMPS dan *Valuation Information System* (VIS) yang berperanan menilai harta tanah dipindah milik. Penerima pindah milik dikehendaki membayar duti setem mengikut kadar yang ditetapkan oleh LHDNM seperti yang termaktub dalam Akta Setem 1949. Jalinan bersama saluran maklumat data STAMPS dan SPRM, penyeteman *Sales and Purchase Agreement* secara integrasi antara sistem Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan integrasi STAMPS dengan sistem Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) dalam menangani isu ketirisan hasil. Melalui kerjasama strategik ini dapat menyediakan maklumat yang tepat, komprehensif dan menepati masa.

Kutipan cukai keuntungan harta tanah mencatatkan kenaikan sebanyak 4.62% dengan jumlah RM1.687 bilion berbanding sasaran RM 1.613 bilion. Ini merupakan satu kejayaan yang membanggakan walaupun dalam situasi pandemik CONVID-19.

## 2.5 Mengharmonikan Prosedur Kerja

Jabatan Pematuhan Cukai (JPC) telah berjaya mengharmonikan prosedur kerja setara dengan pentadbiran cukai terbaik dunia dengan pelaksanaan :

- i. Pengeluaran tatacara pengauditan industri / isu tertentu dan Rangka Kerja Audit Cukai (RKAC) supaya pengendalian kes audit lebih mantap dan seragam dalam kalangan pegawai audit. JPC berjaya mengeluarkan enam (6) tatacara pengauditan dan satu (1) RKAC merangkumi:
  - a) Tatacara Pengauditan Pemborong Kelapa Sawit;
  - b) Tatacara Pengauditan Ekonomi Bayangan;
  - c) Tatacara Pengendalian Kes Audit Luar Bagi Pembayar Cukai Gagal Mengemukakan Maklumat / Dokumen;
  - d) Tatacara Pengauditan Kes *Youtuber*;
  - e) Tatacara Pengauditan Nombor Pendaftaran

Kenderaan;

- f) Tatacara Pengauditan Kes Operator *Homestay*; dan
  - g) Rangka Kerja Audit Cukai Insurans dan Kewangan 2020 versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- ii. Pemantapan proses dan prosedur kerja semakan audit secara holistik yang merangkumi aktiviti perniagaan, pemilik perniagaan dan majikan melalui pelaksanaan Audit Bersepadu. Tindakan bagi pelaksanaan Audit Bersepadu ialah:
    - a) Pengeluaran Garis Panduan Pelaksanaan Audit Bersepadu bagi kes Audit Luar Syarikat; dan
    - b) Melaksanakan pengauditan secara audit bersepadu bagi kes yang telah dikenal pasti.
  - iii. Pemerkasaan Stesen Kerja Jarak Jauh (SKJ) sebagai alternatif cara bekerja bagi mempercepatkan penyelesaian kes dan pelaksanaan kerja di luar pejabat. Penggunaan SKJ semua pegawai audit meja syarikat, audit luar syarikat, audit meja selain syarikat, audit luar selain syarikat dan audit majikan bagi memastikan pelaksanaan kerja audit lancar dan teratur.
  - iv. Penambahbaikan prosedur kerja CMS bagi memastikan tindakan audit selari dengan keadaan semasa. Penambahbaikan yang telah diambil ialah:
    - a) Pelaksanaan tindakan menutup kes di CMS. Tindakan ini diambil bagi beberapa kategori kes selaras dengan objektif untuk memberikan penumpuan ke atas kes bagi tahun semasa; dan
    - b) Pengawasan secara sistem ke atas aktiviti risikan, audit dan siasatan untuk mengelakkan pertindihan kes supaya setiap pembayar cukai hanya boleh diaudit /disiasat oleh satu aktiviti pematuhan dalam tahun kalendar yang sama. Selain itu, penambahbaikan yang diambil ini bagi

memastikan fail pembayar cukai yang sama dikendalikan oleh seorang pegawai audit sahaja. Ini bertujuan bagi mengurangkan gangguan serta rungutan oleh pembayar cukai.

- v. Penerapan dan Pembudayaan Konsep *Payment Thinking* dalam Aktiviti Audit. Bagi tujuan penerapan dan pembudayaan konsep ini, pengeluaran memo dan arahan yang lebih jelas dikeluarkan. Ini untuk memastikan kesinambungan pelaksanaan aktiviti audit serta kecekapan kutipan cukai dapat dipertingkatkan dalam situasi ekonomi semasa melalui:
  - a) Pengurusan cukai secara holistik merangkumi proses pemilihan kes, tindakan audit, penyelesaian kes dan tindakan pemungutan;
  - b) Penyertaan semua pihak bagi memastikan taksiran yang dibangkitkan berasas dan kukuh;
  - c) Pemeriksaan sumber maklumat bagi menyediakan indikator (*red flag*) untuk tindakan pemungutan; dan
  - d) Pemantauan secara *rigorous* untuk taksiran yang dibangkitkan bagi memastikan bayaran dibuat dalam tempoh yang ditetapkan atau tempoh ansuran yang telah dipersetujui.

## 2.6 Memperkasakan Sistem Dan Menyelesaikan Tunggakan Kes

Jabatan Undang-Undang (JUJ) telah memperkasakan sistem hebahan kes yang telah diputuskan oleh mahkamah melalui *ReveNews* di dalam laman web rasmi LHDNM dalam tempoh tujuh hari dari keputusan mahkamah. Satu *task force* telah dibentuk bagi menyelesaikan tunggakan kes yang melibatkan pelbagai kategori kesalahan diperoleh pada atau sebelum 31 Disember 2016 telah berjaya diselesaikan. Antaranya ialah kes penghakiman tertunggak sebanyak

12,768 berjumlah RM1,151,304,799.32, Notis Pemberitahuan Memulakan Tindakan Pendakwaan (PTP) 82,124 kes dan memfailkan kesalahan jenayah 14,617 kes. Selain itu, JUJ juga telah berusaha meningkatkan peratusan pengemukaan laporan dan analisis statistik kes sivil dan pendakwaan kepada Cawangan dan Pengarah Bahagian sebelum atau pada 15 hari bulan setiap bulan kepada 85%. Maklum balas meja bantuan berkaitan sistem sivil dan pendakwaan serta status pegangan dalam tempoh 5 hari bekerja daripada penerimaan isu juga telah berjaya ditingkatkan kepada 85%. Sepanjang tahun 2020, sebanyak 25 pekeliling dan arahan kerja berkaitan dengan sivil dan pendakwaan berjaya dihasil bagi mempercepatkan dan memudahkan proses kes tindakan sivil dan pendakwaan dilakukan.

## 2.7 Melaksanakan Transformasi Proses Kerja CMS Rayuan Borang Q

Seksyen 99 Akta Cukai Pendapatan 1967 memperuntukkan jika seseorang tidak berpuas hati dengan sesuatu takiran yang dibuat untuk mana-mana tahun taksiran oleh LHDNM, ia berhak merayu terhadap taksiran tersebut dengan menggunakan Borang Q. Proses kelulusan rayuan ini mengambil masa yang lama. Oleh itu, Jabatan Resolusi Pertikaian (JRP) telah menambah baik pengendalian rayuan borang Q secara dalam talian. Sistem ini mula diperkenalkan pada 1 Mac 2020 dan dapat menambah baik prosedur kerja, membantu pegawai audit serta pengendalian rayuan Borang Q yang lebih efektif dan efisien dengan keberhasilan seperti berikut :

- i. Perekodan dan pemantauan secara lebih sistematik,
- ii. Dokumen-dokumen penting disimpan secara elektronik, dan
- iii. Memudahkan pemantauan pergerakan kes secara berterusan.

## 2.8 Pengurusan Risiko Dalam Proses Kerja

### 2.8.1 Pelan Anti Rasuah

Pelan Antirasuah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (PeARL) 2019-2023 telah dilancarkan pada 1 November 2019 sempena sambutan Hari Inovasi dan Integriti LHDNM. Pelancaran PeARL telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Abu Kassim Mohamed, Ketua Pengarah, Pusat Govern Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC). Penilaian pelaksanaan bagi setiap pelaksana dikumpulkan dan dianalisis oleh Bahagian Integriti, Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko bagi memperoleh skala pencapaian secara tahunan melalui Sistem Penilaian Sendiri (SPS) untuk Laporan Pelaksanaan Inisiatif PeARL 2020.

Matlamat utama PeARL ini ialah meningkatkan tahap akauntabiliti & kredibiliti serta kecekapan dan responsif dalam melaksanakan prosedur kerja dan system penyampaian perkhidmatan LHDNM. Ini penting untuk mencapai visi supaya setiap Hasilian bebas rasuah dan salah laku. Seterusnya mencapai misi iaitu memperkukuhkan integriti dan jati diri Hasilian melalui pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa. Bagi mencapai visi, misi dan matlamat ini, PeARL menetapkan empat (4) bidang keutamaan seperti:

- i. Pentadbiran LHDNM
- ii. Perolehan LHDNM
- iii. Penguatkuasaan Undang-Undang, dan
- iv. Tadbir Urus Korporat

Selain bidang keutamaan, pencapaian ini juga berlandaskan empat (4) strategi seperti berikut:

- i. Memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan LHDNM
- ii. Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan LHDNM
- iii. Menginstitusikan kredibiliti agensi penguatkuasaan undang-undang, dan
- iv. Memupuk tadbir urus baik dalam pentadbiran percukaian dan pengurusan LHDNM

Penetapan objektif yang betul akan menjadi pandu arah dan sasaran dalam mencapai PeARL. Terdapat 11 Objektif Strategik PeARL yang telah diersetujui seperti berikut:

- i. Merekayasakan perkhidmatan LHDNM ke arah tadbir urus terbaik,
- ii. Menggalakkan ketelusan dan integriti dalam proses pengambilan, pemilihan dan pelantikan ke mana-mana jawatan,
- iii. Menambah baik keberkesanan pendidikan dan pembangunan profesional berterusan dalam kalangan pegawai LHDNM melalui program berdasarkan *human governance*,
- iv. Memperkukuhkan kerangka perolehan LHDNM,
- v. Meningkatkan ketelusan perolehan LHDNM, pengurangan risiko rasuah, penyelewengan pasaran dan anti persaingan,
- vi. Meningkatkan kecekapan dan pengamalan profesionalisme dalam penguatkuasaan undang-undang di LHDNM,
- vii. Keperluan penggunaan teknologi tinggi dalam penguatkuasaan undang-undang,
- viii. Memperkukuhkan penguatkuasaan undang-undang,
- ix. Memastikan pentadbiran dan pengurusan LHDNM yang lebih cekap dan komprehensif,
- x. Memastikan daya tahan terhadap ancaman rasuah dalam pentadbiran dan pengurusan LHDNM, dan
- xi. Menangani campur tangan pihak berpengaruh dalam pentadbiran dan pengurusan LHDNM.

LHDNM telah melaksanakan Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) peringkat LHDNM selaras dengan Arahan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pemerkasaan Mekanisme Pengurusan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Kebangsaan. Matlamat utama usaha pemantapan yang dilaksanakan oleh Kerajaan ini ialah untuk memastikan pengurusan pentadbiran bebas daripada perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

# TERAS STRATEGIK 3

## **LHDNM PENYUMBANG UTAMA KEMAKMURAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT - PEMATUHAN SUKARELA**

LHDNM adalah penyumbang utama hasil kerajaan bagi menjana pembangunan negara demi kesejahteraan rakyat. Kedudukan kewangan negara yang kukuh menjamin keupayaan kerajaan mengurus keperluan rakyat dengan baik. Taraf sosioekonomi rakyat yang meliputi kos sara hidup, peluang pekerjaan, kemudahan pendidikan, jaminan keselamatan dan perkhidmatan kesihatan dapat ditingkatkan. Di samping itu, kemudahan infrastruktur yang lebih berkualiti juga dapat disediakan. Justeru itu, kekayaan dan kemakmuran negara dapat dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat. LHDNM komited untuk merealisasikan hasrat kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat. Kesenambungan kutipan hasil yang memberangsangkan perlu dikekalkan melalui pelaksanaan objektif strategik yang telah dirancang iaitu meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela, mengurangkan ketirisan cukai, memantapkan pengurusan hutang cukai dan membesarkan asas cukai. Pematuhan cukai secara sukarela dimaksimumkan dengan program pematuhan yang seimbang dan fokus berasaskan risiko, ketelusan dan sikap pematuhan pembayar cukai. LHDNM mempelbagaikan usaha memudahkan urusan percukaian serta mengurangkan kos pematuhan bagi pembayar cukai yang sentiasa bersedia untuk mematuhi tanggungjawab percukaian mereka.

Dalam usaha menjamin pelaksanaan cukai yang adil kepada semua, tindakan penguatkuasaan yang tegas dikenakan ke atas pembayar cukai yang enggan mematuhi undang-undang percukaian. LHDNM merancang dan menyasarkan aktiviti pematuhan menggunakan pendekatan pengurusan risiko yang mengambil kira punca dan akibat ketidakpatuhan cukai. Pengurusan hutang cukai diperkemaskan dengan memberi tumpuan kepada pencegahan hutang, mengenal pasti punca yang boleh menyebabkan keberhutangan dan melaksanakan kaedah kutipan hutang yang cekap dan berkesan. Strategi memperluaskan asas cukai adalah penting demi memastikan kelangsungan kutipan hasil yang mampan. Oleh itu, LHDNM mengambil langkah meningkatkan kesedaran cukai melalui pemerkasaan aktiviti pendidikan cukai serta memantapkan perkongsian maklumat melalui jaringan kerjasama dengan agensi lain.

LHDNM berusaha gigih bagi mengurangkan ketirisan cukai dalam usaha menyalurkan hasil yang cukup kepada kerajaan supaya dapat diberikan kembali kepada rakyat.

### **3.1 Pematuhan Cukai Secara Sukarela**

#### **3.1.1 Rangka Kerja Audit Cukai (RKAC) dan Rangka Kerja Siasatan Cukai (RKSC)**

LHDNM sentiasa adil, saksama dan berintegriti kepada semua pembayar cukai serta bertindak berpanduan peruntukan undang-undang percukaian negara secara teratur dan profesional. Jabatan Pematuhan Cukai (JPC) telah menyediakan

beberapa mekanisme bagi menyelesaikan ketidakpatuhan dan memastikan segala tindakan yang diambil adalah berlandaskan akta percukaian yang berkuat kuasa serta berpandukan Rangka Kerja Audit Cukai (RKAC) dan Rangka Kerja Siasatan Cukai (RKSC) yang boleh diakses menerusi portal rasmi LHDNM.

1. Melaksanakan *Cooperative Compliance* (COC) bagi industri seperti syarikat minyak dan gas (industri hulu) dan pembayar cukai yang sesuai. Inisiatif bagi pelaksanaan COC ialah:
  - i) Taklimat Program COC oleh World Bank;
  - ii) Pelantikan Jawatankuasa COC; dan
  - iii) Mesyuarat bersama wakil daripada Shell Malaysia sebagai syarikat pertama untuk pelaksanaan COC dan Shell telah memberikan persetujuan secara lisan untuk menjayakan Program COC ini.
2. Memperkukuh Aktiviti Pematuhan Audit Majikan melalui:
  - i) Penambahbaikan Manual Prosedur dan Arahan Kerja Audit Majikan Seksyen 107 (PCB),
  - ii) Draf Rangka Kerja Audit Majikan (RKAM); dan
  - iii) Video Pembelajaran Kaedah pengauditan PCB (*e-auditing payroll*).
3. Penambahbaikan prosedur kerja dan sistem bagi tindakan pengeluaran Notis Terakhir (FN) dan / atau Pemberitahuan Memulakan Tindakan Pendakwaan (PTP) untuk penguatkuasaan peruntukan seksyen 77, 77(A) dan 82, ACP 1967. Tindakan penambahbaikan prosedur kerja dan sistem yang telah diambil ialah:
  - i) Pengeluaran Pekeliling Operasi Bil 4 Tahun 2020 - Prosedur kerja tindakan audit bagi kes kegagalan mengemukakan kod perniagaan atau kegagalan mengemukakan kod perniagaan yang tepat;
  - ii) Pembangunan dan penambahbaikan sistem

CMS bagi tujuan tindakan pengeluaran Notis Terakhir (FN) dan / atau Pemberitahuan Memulakan Tindakan Pendakwaan (PTP) untuk penguatkuasaan peruntukan seksyen 77, 77(A) dan 82 ACP 1967; dan

- iii) Pengeluaran tatacara pengendalian proses kerja sebelum tindakan pendakwaan bagi kes pembayar cukai yang gagal mengemukakan borang nyata di bawah ACP 1967.

### **3.1.2 Malaysian Income Tax Reporting System (MITRS)**

MITRS ialah platform penghantaran helaian kerja percukaian secara dalam talian menggunakan format XBRL. MITRS dibangunkan bagi memudahkan aktiviti pematuhan oleh pembayar cukai. Penyimpanan, perkongsian dan penggunaan data perniagaan menjadi lebih efektif dengan penggunaan XBRL ini. Helaian kerja percukaian terdiri daripada 3 kategori iaitu Helaian Kerja (HK), Maklumat Kewangan (HK-FIC) dan Maklumat Kewangan Perniagaan Milikan Tunggal (SPFI). Penghantaran helaian kerja percukaian akan dilaksanakan secara berperingkat di mana pembayar cukai Syarikat yang diaudit atau disiasat digalakkan menggunakan MITRS untuk menghantar maklumat percukaian yang diminta kerana ia mesra pengguna, menjimatkan masa dengan jaminan data dilindungi. Pelaksanaan MITRS dibuat secara berperingkat mulai 1 September 2020 bermula dengan pembayar cukai kategori syarikat yang diaudit atau disiasat. Syarikat tersebut akan diberi pilihan dan digalakkan untuk mengemukakan helaian kerja percukaian (HK) melalui MITRS.

## **3.2 Mengurangkan Ketirisan Hasil**

### **3.2.1 Mengurangkan risiko ketirisan cukai dan memperluaskan asas cukai**

Dalam usaha mengurangkan ketirisan cukai Jabatan Penyelidikan Percukaian telah menyediakan

beberapa kertas kajian untuk dikemukakan kepada Ahli Jawatankuasa Gubalan bagi meminda Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 supaya menambah baik peruntukan yang sedia ada. Antara kajian-kajian yang telah selesai dikemukakan untuk gubalan sepanjang tahun 2020 ialah:

- i. Kajian penyalahgunaan struktur percukaian di Labuan,
- ii. *Tax Incentives: Tax revenue forgone and issues from IRBM's perspective*,
- iii. Ketirisan cukai Subseksyen 44(6), ACP 1967,
- iv. Memperkenalkan *Alternative Minimum Tax* (AMT) bagi individu dan syarikat,
- v. Memperkenalkan cukai pegangan kepada penerima kontrak mastautin, dan
- vi. Memperkenalkan cukai keuntungan harta modal (*capital gains tax*).

### 3.2.2 Mengoptimumkan Siasatan Sivil, Jenayah dan AMLA

Jabatan Operasi Khas (JOK) telah melaksanakan beberapa strategi bagi mengoptimumkan ketiga-tiga jenis siasatan ini. Antaranya ialah mengoptimumkan jaringan kerjasama antara agensi dalam *National Financial Crime Centre* (NFCC) bagi memantapkan maklumat risikan dan memperkukuhkan asas penyelesaian kes. Ia juga turut meningkatkan kualiti kertas risikan dengan menggunakan perisian IT terkini. JOK juga telah membangunkan gudang data bagi mengenal pasti modus operandi, isu-isu dan sasaran baharu. Ini diikuti dengan tindakan menjalankan operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan lain di bawah NFCC tertakluk kepada kelulusan pengurusan tertinggi LHDNM. Selain menempatkan pegawai berkepakaran khusus bagi mengendalikan kes siasatan jenayah dan AMLA, pemilihan kes yang berkualiti dengan maklumat pelarian cukai yang spesifik juga diberikan perhatian khusus supaya tindakan pendakwaan jenayah dan AMLA boleh diambil.

Satu pelan tindakan telah dirangka dengan

memberikan tumpuan seperti berikut:

- i. Penumpuan siasatan diberikan kepada:
  - a. Aktiviti haram,
  - b. *"Unregulated" industry*, dan
  - c. Jenayah kewangan berskala besar;
    - i. Mengoptimumkan sumber maklumat risikan dalaman dan luaran dalam meningkatkan kualiti kertas risikan,
    - ii. Penyediaan modus operandi dan tindakan mengenal pasti isu dan sasaran baru diteruskan dari semasa ke semasa,
    - iii. Perniagaan berasaskan tunai yang berisiko tinggi untuk pengubahan wang haram, dan
    - iv. Individu yang mempunyai milikan aset yang luar biasa tanpa sumber yang sah.

Pelaksanaan pelan tindakan ini telah membantu LHDNM meningkatkan kutipan cukai sebanyak RM443,840,942.71 dan penyelesaian 239 kes dengan amaun RM1,090,064,491.00. Tahun 2020 JOK berjaya menjalankan dua (2) operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan yang lain dengan kebenaran khas daripada Ketua Pengarah LHDNM. Manakala tindakan siasatan secara siasatan jenayah dan siasatan AMLA tetap diteruskan tetapi penyelesaian dibuat secara sivil berdasarkan situasi semasa.

### 3.2.3 Jalinan Kerjasama Dan Tindakan Strategik

Jabatan Pematuhan Cukai (JPC) telah berusaha menjalinkan kerjasama dan tindakan strategik untuk pencegahan dan pembanterasan penipuan dan pengelakan cukai. Antara usaha yang berjaya dibentuk ialah:

- i. Mempertingkatkan kerjasama dua hala yang strategik dengan agensi luar / pihak ketiga yang berkaitan bagi tujuan pembesaran asas cukai. Sepanjang tahun 2020, sebanyak lima (5) agensi luar / pihak ketiga berjaya mendapat kerjasama ini, iaitu:

- a. Molpay Sdn. Bhd.,
- b. Richwork Sdn. Bhd.,
- c. Innfinity Corporation,
- d. Silvermouse Sdn. Bhd., dan
- e. Netbusiness Interaction Sdn. Bhd.

ii. Menangani isu ekonomi bayangan bagi mengelakkan kehilangan pendapatan negara dan menambah jumlah kutipan cukai. Inisiatif yang diambil bagi menangani isu ekonomi bayangan (*shadow economy*) ialah:

- a. Penubuhan Jawatankuasa Pemandu *Shadow Economy* di peringkat ibu pejabat dan jawatankuasa pelaksana di peringkat jabatan, pejabat negeri serta cawangan;
- b. Merangka strategi bagi memerangi ancaman ekonomi bayangan seperti:
  - Hasil Power Data,
  - Tax Identification Number,
  - Memfokuskan kepada kegiatan aktiviti haram,
  - Aktiviti e-dagang,
  - Warga tempatan dan asing yang menjalankan perniagaan secara tunai,
  - Pengeluaran wang keluar dari Malaysia oleh warga tempatan dan asing,
  - Penggunaan maklumat yang diperolehi melalui *Automatic Exchange of Information* (AEOI); dan
  - Pelaksanaan *Pilot Projek Shadow Economy*.

#### 3.2.4 Mengemas kini dasar percukaian antarabangsa

LHDNM melalui Jabatan Percukaian Antarabangsa sentiasa mengemas kini dasar percukaian antarabangsa supaya seiring dengan amalan terbaik dan mematuhi piawaian antarabangsa dengan mengguna pakai model OECD. Perjanjian Pengelakan Percukaian Dua Kali (PPPDK) sentiasa disemak semula dan diperkemaskan supaya selaras dengan perkembangan percukaian antarabangsa bagi tujuan mengurangkan ketirisan cukai. Modal

PPPDK Malaysia yang mengadaptasi *OECD Tax Convention and United Nations Model Double Tax Convention 2017, Multilateral Convention to Implement Tax Treaty Related Measure to Prevent Base Erosion and Profit Shifting* telah dibentangkan dalam Bengkel Pemantapan Perjanjian Pengelakan Percukaian Dua Kali anjuran Kementerian Kewangan.

Selain itu, beberapa langkah turut diambil bagi memantapkan proses pengumpulan data dan maklumat syarikat MNE serta pembayar cukai Malaysia. Pengumpulan data tersebut dibuat melalui Borang MNE dengan menjadikan Borang Syarikat Multinasional sebahagian daripada Borang C, menyediakan sistem portal CbCR yang mengandungi pendaftaran CbCR dan pengemukaan modul CbCR, sistem pertukaran maklumat *Exchange Tax Rulings* (ETR) yang mana *Hasil International Data Exchange Facility* (HiDEF) telah digunakan sepenuhnya mulai tahun 2019, menyediakan sistem yang boleh menggunakan maklumat pembayar cukai yang mempunyai akaun *offshore* melalui pembangunan sistem untuk pelaporan CRS dan FATCA dan pembangunan sistem CMS-EOI untuk mentadbir pertukaran maklumat.

Jabatan Dasar Percukaian giat mencari solusi bagi membendung ketirisan cukai dalam peruntukan undang-undang percukaian sedia ada. Kajian demi kajian dijalankan bagi mengenal pasti kelompangan dalam peruntukan undang-undang percukaian sedia ada dengan melaksanakan pelan perancangan melalui penyediaan kertas konsep dan laporan atau menghadiri kursus, bengkel, taklimat, perbincangan dan mesyuarat dengan pihak berkaitan. Tindakan pelaksanaan pelan perancangan ini telah mencapai sepenuhnya.

# TERAS STRATEGIK 4

## **ORGANISASI YANG DINAMIK - INSTITUSI MAMPAN**

LHDNM berhasrat menjadi majikan pilihan kepada individu yang berkaliber tinggi dan mempunyai kepakaran yang relevan seiring dengan persekitaran percukaian yang semakin dinamik. Dalam usaha mencapai matlamat ini, LHDNM memberi tumpuan kepada empat objektif strategik iaitu melaksanakan organisasi yang optimum, menyediakan persekitaran kerja yang kondusif, membangunkan sumber manusia yang kompeten dan professional dan memperkukuhkan kepimpinan. Tadbir urus sumber manusia diperkukuhkan melalui pelaksanaan organisasi yang mempunyai saiz perjawatan dan struktur yang optimum dengan meningkatkan tahap kecekapan di samping mengurangkan pembaziran sumber manusia. Pengambilan tenaga kerja baharu diperkemas dengan penekanan kriteria pemilihan yang khusus untuk memastikan hanya calon yang terbaik diterima sebagai Hasilian.

Jabatan Pengurusan Insan (JPI) LHDNM pada tahun 2020 memberi fokus kepada kecemerlangan LHDNM demi mencapai misi dan visi yang telah ditetapkan. JPI berperanan sebagai rakan strategik dalam menyediakan LHDNM dengan bakat-bakat yang kompeten untuk memastikan kecemerlangan tersebut. Justeru, dalam tahun 2020, seramai 262 orang Eksekutif Hasil pelantikan baharu dalam

pelbagai bidang telah ditempatkan di Jabatan dan Cawangan di seluruh Malaysia. Pegawai-pegawai ini telah dipilih ini telah melalui proses saringan yang ketat dan mempunyai gabungan latar belakang akademik yang cemerlang dan pengalaman yang luas dalam pelbagai bidang berkaitan.

Pegawai baharu ini telah diberi latihan dengan pelbagai kemahiran dan pengetahuan untuk menjadi pegawai percukaian yang cemerlang dan profesional. Pegawai juga telah melaksanakan tugas sama ada secara bekerja dari rumah (BDR) atau di pejabat mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Mereka merupakan kumpulan bakat baharu yang banyak berinteraksi secara maya atau dalam talian bagi melaksanakan tugas selari dengan norma baharu tanpa menjejaskan pelaksanaan tugas dan produktiviti yang telah ditentukan.

Seramai 11,008 orang pegawai LHDNM yang sedang berkhidmat di seluruh Malaysia. Daripada jumlah ini 326 orang (2.96%) terdiri dari kumpulan pengurusan, 4,017 orang (36.49%) kumpulan eksekutif dan 6,665 orang (60.54%) kumpulan bukan eksekutif. Taburan mengikut jantina dan kumpulan seperti di Jadual 1.

**Jadual 1: Taburan Pegawai LHDNM Mengikut Jantina dan Kumpulan**

| Kumpulan        | Lelaki       |              | Wanita       |              |
|-----------------|--------------|--------------|--------------|--------------|
|                 | 2020         | 2019         | 2020         | 2019         |
| Pengurusan      | 182          | 166          | 144          | 130          |
| Eksekutif       | 1,815        | 1,784        | 2,202        | 2,124        |
| Bukan Eksekutif | 2,860        | 2,950        | 3,805        | 3,969        |
| <b>Jumlah</b>   | <b>4,857</b> | <b>4,900</b> | <b>6,151</b> | <b>6,223</b> |

Justeru itu adalah relevan bagi LHDNM untuk mengetahui sejauh mana pegawai telah berpuas hati terhadap pengurusan, kemudahan dan tahap integriti serta lain-lain aspek yang berkaitan selaras dengan kedudukan LHDNM sebagai sebuah organisasi bertaraf dunia.

Persekitaran kerja mempunyai kesan yang tinggi ke atas komitmen pekerja. Komitmen pekerja yang rendah akan mempengaruhi prestasi kerja dan mendatangkan masalah seperti ketidakhadiran kerja, tekanan, kemalangan di tempat kerja dan seterusnya mengganggu kesejahteraan pekerja. Persekitaran kerja yang kondusif sebagai pemangkin kepada produktiviti pekerja. Ia dilihat dapat mewujudkan inovasi yang baik dalam sesebuah organisasi. Oleh itu perubahan aspek persekitaran kerja yang lebih terutama melibatkan aspek persekitaran fizikal seperti kecekapan pekerja, hubungan pekerjaan yang baik di tempat kerja, melaksanakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerja, wujudkan budaya kerja yang selamat, pasti akan menjamin komitmen pekerja. Persekitaran kerja yang baik, peningkatan prestasi dan kesejahteraan pekerja dapat mewujudkan inovasi dalam organisasi.

Dalam konteks ini, LHDNM secara konsisten telah melaksanakan kajian tahap kepuasan bekerja dua (2) kali setahun secara dalam talian melalui Sistem Pengurusan Insan (SPI). Tahap kepuasan ini diukur berdasarkan 13 komponen utama seperti di Jadual 2 yang dilihat sangat berkait rapat dengan pembentukan persekitaran dan budaya kerja yang positif dan kondusif dalam tempoh jangka panjang. Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa jumlah purata tahap kepuasan bekerja pegawai LHDNM pada tahun 2020 telah mencapai 97.13%. Berdasarkan pencapaian tersebut rata-rata pegawai berpuas hati dengan pengurusan serta persekitaran kerja di LHDNM walaupun dalam tempoh pandemik dan ia selari dengan nilai teras LHDNM iaitu *Happy, Teamwork, Professionalism, Integrity, dan Excellence* yang diterjemahkan dalam bentuk mantra iaitu Hasilian sentiasa ceria dan seronok bekerja dalam satu pasukan secara profesional berteraskan integriti untuk mencapai kecemerlangan.

**Jadual 2 : Peratusan Tahap Kepuasan Bekerja Mengikut Komponen**

| Bil. | Komponen                             | Peratusan Puas Hati % |       |
|------|--------------------------------------|-----------------------|-------|
|      |                                      | 2020                  | 2019  |
| 1    | Budaya Kerja                         | 96.73                 | 95.25 |
| 2    | Tugas Dan Tanggungjawab              | 97.78                 | 97.56 |
| 3    | Pengurusan Jab/Bhg/Ppn/Caw/Csi LHDNM | 95.85                 | 94.15 |
| 4    | Pengurusan Atasan LHDNM              | 97.90                 | 97.43 |
| 5    | Latihan                              | 93.68                 | 93.36 |
| 6    | Inovasi Dan Kreativiti               | 97.44                 | 96.92 |
| 7    | Sumber Maklumat/Informasi            | 97.93                 | 97.34 |
| 8    | Komunikasi                           | 97.24                 | 96.26 |
| 9    | Penilaian Prestasi                   | 94.86                 | 92.22 |
| 10   | Ganjaran Dan Kemudahan               | 96.94                 | 96.03 |
| 11   | Persekitaran Kerja                   | 95.70                 | 94.25 |
| 12   | Penghargaan                          | 96.44                 | 95.39 |
| 13   | Integriti                            | 98.99                 | 98.92 |

Pihak Pengurusan LHDNM amat menggalakkan pegawai mengamalkan gaya hidup sihat dan *work-life balance*. Setiap Jabatan, negeri dan cawangan digalakkan menganjurkan aktiviti yang bersesuaian bagi memastikan pegawai sentiasa sihat dari sudut fizikal dan emosi bagi menjamin peningkatan produktiviti dalam menjalankan tugas yang telah diamanahkan. Justeru, pelbagai inisiatif dilaksanakan bagi memastikan pegawai kekal sihat dan dapat mengimbangi antara keperluan bekerja dan tanggungjawab terhadap diri sendiri dan keluarga. Sepanjang tahun 2020, JPI telah berjaya melaksanakan 29 program kesedaran penjagaan kesihatan melebihi ekspektasi akibat penularan pandemik Covid-19 termasuk taklimat kesihatan berinfografik dan senaman secara *virtual*. Program seumpama ini penting kerana ia boleh membantu pegawai menangani cabaran norma baharu dalam era pendemik ini kekal positif dan produktif bagi menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

# ANUGERAH DAN PENCAPAIAN

## **12 Februari 2020 - PENSIJILAN SEMULA MS ISO 9001:2015**

Tahniah Hasilian atas kejayaan pensijilan semula MS ISO 9001:2015 dan pensijilan diteruskan sehingga 27 Februari 2023 bagi skop:

- Pelaksanaan Audit Luar Kes Syarikat;
- Proses Penyediaan Bayaran Balik Individu Penggajian Bagi Kes e-Filing/m-Filing;
- Prosedur Pelaksanaan Pelepasan Sementara & Pembatalan Sekatan Perjalanan Individu Selain Pengarah Syarikat; dan
- Pelaksanaan Penerimaan, Penyediaan & Pemfailan Writ Saman Dan Pernyataan Tuntutan (WSPT) Bagi Fail OG Untuk Kes Cukai Pendapatan.

## **12 Jun 2020 - UCAPAN PENGHARGAAN DARIPADA PERDANA MENTERI MALAYSIA**

- b) Dengan kadar pertumbuhan kutipan hasil yang tidak sejajar dengan kadar kenaikan perbelanjaan operasi dan modal LHDNM, rasionalisasi ke atas Anggaran Perbelanjaan Operasi dan Modal LHDNM perlu dilaksanakan bagi mengekalkan kelestarian LHDNM dalam menjalankan aktiviti dan programnya ke arah pencapaian sasaran KPI yang ditetapkan.
- c) Rasionalisasi ke atas perbelanjaan LHDNM tahun 2020 telah diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Bil. 4 Tahun 2020 dengan pindaan semula bajet operasi daripada bajet asal RM2.63 bilion kepada bajet akhir RM2.54 bilion, manakala bagi bajet modal pindaan daripada bajet asal RM229.23 juta kepada bajet akhir RM142.73 juta.

### ii) Justifikasi Ke Atas Varian Yang Signifikan

- a) Emolumen  
Pengurangan perbelanjaan emolumen adalah disebabkan oleh penangguhan sebahagian daripada pengambilan perjawatan, cadangan naik taraf perjawatan yang dilaksanakan secara berperingkat dan implikasi ke atas cadangan pelarasan gaji yang ditangguhkan pelaksanaannya pada tahun 2020 bagi mengimbangi impak penurunan kutipan cukai yang menjejaskan terimaan Fi Agensi LHDNM.
- b) Perkhidmatan Dan Bekalan  
Pengurangan perbelanjaan perjalanan dalam negeri dan luar negeri sejajar dengan langkah-langkah mengurangkan pergerakan dan pelaksanaan *stay at home* oleh Kerajaan bagi memutuskan rantai penularan wabak COVID -19. LHDNM menggalakkan pelaksanaan *video conferencing* bagi melaksanakan tugas rasmi seperti mesyuarat, taklimat, persidangan dan sebagainya.

Pengurangan perbelanjaan utiliti dengan melaksanakan langkah penjimatan terutamanya penggunaan elektrik, air dan seumpamanya.

Pengurangan perbelanjaan penyelenggaraan bangunan pejabat disebabkan oleh penangguhan pelaksanaan pengubahsuaian ruang pejabat. Penyelenggaraan dan penambahbaikan ruang pejabat terhad kepada penambahbaikan kecil yang bersifat mendesak dan kritikal sahaja.

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

Pengurangan perbelanjaan perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti yang melibatkan perbelanjaan penganjuran program/ majlis/ mesyuarat/ keraian pejabat. Selain itu, terdapat pengurangan ke atas perbelanjaan latihan dan kursus disebabkan oleh pelaksanaan latihan dan kursus secara atas talian.

Pengurangan ke atas bayaran premium insuran kesihatan kepada RM27.00 juta sahaja berbanding jadual bayaran berdasarkan kontrak perjanjian yang berjumlah RM34.00 juta.

c) Aset

Pengurangan ke atas perbelanjaan aset disebabkan oleh kelulusan perolehan aset dihadkan kepada perolehan yang bersifat mendesak, kritikal dan berisiko sekiranya tidak dilaksanakan sahaja.

d) Bayaran Lain

Penurunan ke atas perbelanjaan bayaran balik hutang disebabkan oleh penurunan kadar *Overnight Policy Rate* (OPR) kepada 2.00% berbanding unjuran asal 4.00%. Selain itu juga terdapat pengurangan ke atas perbelanjaan bayaran cukai termasuk Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) selaras dengan pengurangan perbelanjaan LHDNM tahun 2020.

e) Projek Bangunan Pejabat dan Projek Sistem Pengkomputeran

Perbelanjaan bagi projek bangunan pejabat dan projek sistem pengkomputeran telah diunjurkan semula berdasarkan kepada kemampuan kewangan LHDNM berikutan situasi semasa akibat penularan COVID -19 yang melanda negara dan dunia. Perbelanjaan adalah dibuat berdasarkan perkhidmatan dan bekalan yang telah diterima dengan sempurna sahaja.

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**  
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

**1. MAKLUMAT AM**

**1.1 Akta Berkaitan dan Fungsi**

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah ditubuhkan pada 1 Mac 1996 di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533).

LHDNM adalah ejen kepada Kerajaan yang memberi perkhidmatan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti harta pesaka, duti setem dan cukai-cukai lain.

Alamat Ibu Pejabat LHDNM adalah di Menara Hasil, Persiaran Rimba Permai, Cyber 8, 63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan.

**1.2 Pembentangan dan Pengesahan Penyata Kewangan**

Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 telah dibentangkan dan disahkan oleh Anggota Lembaga LHDNM pada 7 April 2021.

**2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA**

**2.1 Asas Penyediaan**

**i) Penyataan Pematuhan**

Penyediaan Penyata Kewangan LHDNM Kumpulan (termasuk YLHDNM) disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

Penyata Kewangan Yayasan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (YLHDNM) telah disediakan dengan mematuhi Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan Akta Syarikat 2016.

Ini merupakan tahun pertama Penyata Kewangan Kumpulan dan LHDNM disediakan menggunakan piawaian MPSAS. Sebelum ini, Penyata Kewangan Kumpulan dan LHDNM disediakan menggunakan piawaian-piawaian (MPERS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

## **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

### **ii) Asas Penyatuan**

Penyediaan penyatuan Penyata Kewangan bagi Kumpulan telah mengambilkira semua pelarasan MFRS dan IFRS kepada MPSAS.

Penyata Kewangan yang disatukan adalah merangkumi Penyata Kewangan LHDNM dan entiti yang dikawalanya apabila LHDNM mempunyai kawalan. Kawalan wujud apabila LHDNM mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar-dasar kewangan dan operasi sesebuah entiti untuk memperolehi manfaat daripada aktivitiinya.

Penyata Kewangan entiti dikawal disatukan bermula dari tarikh kawalan sehingga tarikh LHDNM berhenti mengawalanya. Sebarang perbezaan di antara perolehan daripada pelupusan entiti dikawal dan nilai bawaan pada tarikh kawalan hilang, adalah diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan disatukan sebagai keuntungan atau kerugian atas pelupusan entiti dikawal.

Semua transaksi dan baki sesama Kumpulan serta keuntungan atau kerugian yang tidak diiktiraf akan dihapuskira di dalam Penyata Kewangan disatukan.

Penyata Kewangan disatukan disediakan menggunakan dasar-dasar perakaunan yang seragam bagi urus niaga dan peristiwa dan syarat lain dalam keadaan yang sama.

### **iii) Asas Pengukuran**

Penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan dan LHDNM menerima pakai asas kelaziman kos sejarah kecuali dinyatakan sebaliknya di dalam dasar-dasar perakaunan yang penting. Manakala bagi penyediaan Penyata Kewangan LHDNM telah disediakan menggunakan asas kos kecuali instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama.

### **iv) Mata Wang Fungsian dan Pembentangan**

Penyata Kewangan Kumpulan dan LHDNM dilaporkan dalam Mata Wang Fungsian Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana Kumpulan dan LHDNM beroperasi. Semua maklumat kewangan yang dinyatakan, dibentangkan dalam RM dan dibundarkan kepada ringgit yang terhampir kecuali dinyatakan sebaliknya.

### **v) Perubahan Dalam Dasar Perakaunan**

Kumpulan dan LHDNM telah mengguna pakai semua piawaian yang telah berkuat kuasa. Semua perubahan di dalam dasar perakaunan disebabkan oleh penggunaan piawaian baru didedahkan di dalam Nota 2.25 kepada Penyata Kewangan.

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

### vi) Piawaian Yang Telah Dikeluarkan Tetapi Belum Berkuat Kuasa

Tiada piawaian perakaunan yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa dan diguna pakai awal oleh Kumpulan dan LHDNM di dalam penyediaan Penyata Kewangan ini.

## 2.2 Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, Loji dan Peralatan dengan kos pembelian RM2,000 seunit dan ke atas akan dipermodalkan. Walau bagaimanapun, peralatan seperti permaidani, langsir dan seumpamanya tanpa mengambil kira kos perolehan tidak akan dipermodalkan.

Sesuatu Hartanah, Loji dan Peralatan dengan kos di bawah RM2,000 dicaj kepada Penyata Prestasi Kewangan dalam tahun kewangan ianya dibelanjakan.

Hartanah, Loji dan Peralatan pada awalnya direkod pada kos dan ditolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul (jika ada).

Jika suatu aset diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan kepada nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut yang mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti terlebih dahulu sehingga syarat-syarat tersebut dipenuhi.

Kos selepas perolehan adalah termasuk dalam nilai buku bersih atau diiktiraf sebagai aset yang berasingan mengikut kesesuaian, sekiranya aset tersebut mempunyai manfaat ekonomi masa akan datang atau potensi perkhidmatan kepada Kumpulan dan LHDNM dan kos tersebut dapat diukur secara pasti.

Semua perbelanjaan baik pulih, dan penyelenggaraan dicaj kepada Penyata Prestasi Kewangan dalam tahun kewangan ianya berlaku. Untung atau rugi yang timbul daripada pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh urus niaga berlaku. Untung atau rugi ditentukan apabila terdapat perbezaan di antara penerimaan bersih dengan nilai dibawa.

Semua Hartanah, Loji dan Peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia penggunaan pada kadar berikut:

| Tanah Pajakan         | Berdasarkan Tempoh Pajakan |
|-----------------------|----------------------------|
| Bangunan              | 2%                         |
| Kenderaan             | 20%                        |
| Perabot dan Lengkapan | 20%                        |
| Komputer              | 33.33%                     |

Tanah Milik Bebas yang mempunyai nilai penggunaan tanpa had tidak disusut nilai. Kerja Dalam Kemajuan tidak disusut nilai memandangkan aset ini masih dalam tempoh pembangunan.

## **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, nilai baki bersih dan usia penggunaan aset akan disemak dan diselaraskan jika bersesuaian dan aset perlu disemak sama ada terdapat petunjuk rosot nilai.

### **2.3 Aset Tidak Ketara**

Aset Tidak Ketara diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Kumpulan dan LHDNM dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Aset Tidak Ketara yang dibeli secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, Aset Tak Ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan Aset Tak Ketara yang dijanakan secara dalaman diiktiraf sebagai perbelanjaan.

Sesuatu Aset Tidak Ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika Aset Tidak Ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosotnilai jika terdapat sebarang petunjuk.

Aset Tidak Ketara yang terdiri daripada lesen dan perisian akan dipermodalkan dan dilunaskan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran tempoh penggunaan yang dijangka pada kadar 33.33%. Nilai sisa aset dan tempoh usia akan dikaji semula serta pembetulan akan dibuat jika perlu, pada akhir tempoh pelaporan.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf Aset Tak Ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai buku bersih di mana perbezaannya akan diambilkira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

### **2.4 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan**

#### **i) Aset penajaan tunai**

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, Kumpulan dan LHDNM mengkaji semula nilai dibawa aset-asetnya bagi menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika wujud sebarang petunjuk, rosotnilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Nilai dalam penggunaan ditentukan dengan mendiskaunkan aliran tunai masa hadapan kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai

## **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya.

Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf dalam tempoh terdahulu bagi sesuatu aset hendaklah dibalikkan jika, dan hanya jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

### **ii) Aset penajaan bukan tunai**

Kumpulan dan LHDNM akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penajaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Kumpulan dan LHDNM akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila nilai aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Kumpulan dan LHDNM telah menggunakan pendekatan kos penggantian yang disusutnilai. Di dalam pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusutnilai. Kos penggantian yang disusutnilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susutnilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual yang mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Kumpulan dan LHDNM menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosotnilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Kumpulan dan LHDNM menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf

## **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

### **2.5 Pelaburan Entiti Dikawal**

Pelaburan Dalam Entiti Dikawal diukur dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada nilai kos setelah mengambil kira sebarang kerugian penjejasan nilai.

Nilai bawaan akan disemak dan diselaraskan sekiranya terdapat petunjuk penurunan nilai pada tahun berkenaan. Kerugian kemerosotan nilai akan dicaj kepada Penyata Prestasi Kewangan dalam tahun kewangan ianya berlaku.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf Pelaburan Entiti Dikawal adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai buku bersih di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

### **2.6 Aset Kewangan**

Aset Kewangan diiktiraf di dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila, dan hanya apabila Kumpulan dan LHDNM menjadi pihak kepada peruntukan berkontrak bagi instrumen kewangan tersebut. Selepas pengiktirafan asal, aset kewangan dinyatakan pada nilai saksama selepas ditambah kos transaksi yang berkaitan.

Aset kewangan Kumpulan dan LHDNM diklasifikasikan kepada lima kategori dan dasar perakaunan untuk setiap kategori adalah seperti berikut:

#### **i) Pinjaman Dan Belum Terima**

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif yang mempunyai pembayaran tetap atau pembayaran yang tidak tersiar harga di dalam pasaran aktif. Selepas pengiktirafan asal, pinjaman dan belum terima dinyatakan pada nilai kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan melalui proses pelunasan.

Pinjaman dan belum terima diklasifikasikan sebagai aset semasa kecuali pinjaman dan belum terima di mana tarikh matang adalah melebihi 12 bulan selepas tarikh laporan yang diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa.

## **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

Belum terima adalah dinyatakan pada kos setelah ditolak dengan elaun hutang ragu.

### **ii) Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Lebihan atau Kurangan**

Bagi mana-mana derivatif terbenam yang tidak boleh dinilai dengan yakin secara berasingan sama ada pada tarikh pengambilalihan atau pada tarikh akhir tempoh laporan yang berikutnya, keseluruhan instrumen tersebut ditetapkan pada Nilai Saksama Melalui Lebihan atau Kurangan. Walau bagaimanapun, jika keseluruhan instrumen tidak boleh dinilai dengan yakin, instrumen tersebut dinyatakan pada nilai kos selepas ditolak rosot nilai.

### **iii) Aset Kewangan Sedia Dijual**

Aset Kewangan Sedia Dijual adalah aset kewangan yang ditetapkan sebagai sedia untuk dijual atau tidak diklasifikasikan dalam mana-mana kategori aset kewangan lain. Selepas pengiktirafan asal, Aset Kewangan Sedia Dijual dinyatakan pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian daripada perubahan nilai saksama aset kewangan tersebut diiktiraf melalui Penyata Perubahan Aset Bersih, kecuali kerugian rosot nilai, kerugian dan keuntungan pertukaran mata wang asing atas instrumen kewangan dan faedah yang dikira di bawah kaedah faedah berkesan.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti di mana nilai saksama tidak boleh dinilai dengan yakin dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak kerugian rosot nilai.

### **iv) Pelaburan Dipegang Hingga Matang**

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap akan diklasifikasikan sebagai Dipegang Hingga Matang apabila Kumpulan dan LHDNM mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, pelaburan dipegang hingga matang diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambilkira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

### **v) Penyahiktirafan Aset Kewangan**

Kumpulan dan LHDNM akan menyahiktiraf aset kewangan atau, jika berkenaan, sebahagian daripada aset kewangan atau sebahagian daripada sekumpulan aset kewangan apabila:

- a) Hak untuk menerima aliran tunai daripada aset telah luput atau dikecualikan;

## **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

- b) Kumpulan dan LHDNM telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset atau telah menerima obligasi untuk membayar aliran tunai yang diterima secara penuh tanpa kelewatan material kepada pihak ketiga; dan sama ada: (i) Kumpulan dan LHDNM telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset; atau (ii) Kumpulan dan LHDNM tidak memindahkan atau mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset, tetapi telah memindahkan kawalan aset tersebut.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa aset kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan diterima adalah diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh penyahiktirafan. Bagi Aset Kewangan Sedia Dijual, semua keuntungan atau kerugian yang diiktiraf sebelum ini di dalam Penyata Perubahan Aset Bersih akan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

### **2.7 Rosot Nilai Aset Kewangan**

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan dan LHDNM akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosotnilai. Bukti objektif termasuklah: (i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam; (ii) pembayaran tertunggak; (iii) kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau (iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif yang ketara wujud bagi individu maka semua aset dalam Kumpulan dan LHDNM yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosotnilai.

Kerugian rosotnilai berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan. Jika dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosotnilai menurun, kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikan ini diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan dengan serta merta.

Bagi aset kewangan sedia untuk dijual, Kumpulan dan LHDNM pada setiap tarikh laporan akan mengkaji sama ada terdapat bukti objektif bahawa pelaburan atau sekumpulan pelaburan terjejas. Bukti objektif termasuk penurunan yang ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama pelaburan di bawah kosnya. 'Ketara' akan dinilai berdasarkan kepada kos asal pelaburan dan 'berpanjangan' pula dinilai berdasarkan tempoh di mana nilai saksama berada di bawah kos asalnya. Di mana terdapat bukti kemerosotan nilai,

## **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

kerugian terkumpul diukur sebagai perbezaan di antara kos pembelian dan nilai saksama semasa, ditolak apa-apa kerugian kemerosotan nilai atas pelaburan yang sebelum ini diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan dan dikeluarkan dari Penyata Perubahan Aset Bersih.

### **2.8 Liabiliti Kewangan**

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Kumpulan dan LHDNM menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam menerbitkan liabiliti kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan atau pinjaman dan belum bayar. Kumpulan dan LHDNM mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

#### **i) Pinjaman dan Pemiutang**

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan pemiutang adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosotnilai.

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

### **2.9 Tunai dan Kesetaraan Tunai**

Penyediaan Penyata Aliran Tunai adalah menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan Kesetaraan Tunai terdiri daripada tunai di tangan, tunai di bank dan deposit yang ditempatkan di institusi kewangan yang mempunyai kecairan yang tinggi yang tidak tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang ketara.

### **2.10 Manfaat Pekerja**

Liabiliti akan diiktiraf bagi amaun yang dijangka perlu dibayar sekiranya Kumpulan dan LHDNM mempunyai obligasi perundangan atau obligasi yang konstruktif untuk menyelesaikan liabiliti sebagai gantian kepada perkhidmatan lepas yang diberikan kepada pekerja dan tanggungan tersebut boleh diukur secara saksama.

## **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

Manfaat Pekerja terdiri daripada berikut:

### **i) Manfaat Jangka Pendek**

Gaji dan upah, elaun, imbuhan tahunan, caruman dibuat kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan faedah bukan kewangan seperti cuti rehat tahunan, cuti bersalin, cuti sakit dan sebagainya diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan bagi tempoh di mana perkhidmatan diberikan oleh pekerja Kumpulan dan LHDNM.

### **ii) Pelan Caruman Tetap**

Kumpulan dan LHDNM juga mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi pekerja yang tidak memilih Skim Saraan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia atau kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) bagi pekerja yang memilih Skim Saraan Malaysia.

Caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan bagi tahun di mana perkhidmatan diberikan oleh pekerja.

### **iii) Manfaat Pasca Pekerjaan**

Obligasi Kumpulan dan LHDNM berkenaan dengan Manfaat Pasca Pekerjaan dikira berasingan bagi setiap pelan dengan menganggar amaun manfaat masa hadapan yang diperoleh oleh pekerja sebagai balasan kepada perkhidmatan mereka dalam tempoh semasa dan tempoh terdahulu; manfaat tersebut didiskaunkan untuk menentukan nilai kininya. Sebarang kos perkhidmatan lampau yang tidak diiktiraf dan nilai kini pelan aset perlu ditolak. Kadar diskaun adalah kadar hasil bon pada tarikh pelaporan.

Pengiraan dilakukan oleh aktuari berkelayakan dengan menggunakan Kaedah Unjuran Unit Kredit. Apabila keputusan pengiraan menguntungkan Kumpulan dan LHDNM, aset yang diiktiraf dihadkan kepada jumlah kos perkhidmatan terdahulu yang tidak diiktiraf dan nilai kini manfaat ekonomi yang boleh didapati dalam bentuk pulangan daripada pelan atau pengurangan caruman kepada pelan di masa hadapan. Bagi mengira nilai kini manfaat ekonomi, pertimbangan diberikan kepada mana-mana keperluan pembiayaan minima yang terpakai kepada mana-mana pelan dalam Kumpulan dan LHDNM. Manfaat ekonomi adalah tersedia kepada Kumpulan dan jika ia boleh direalisasikan dalam tempoh hayat pelan tersebut, atau pada masa penyelesaian pelan liabiliti. Semua perubahan dalam liabiliti, kecuali untung atau rugi aktuari yang diiktiraf di dalam Penyata Perubahan Aset Bersih akan diiktiraf sepenuhnya dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh ia berlaku.

## **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

### **2.11 Pajakan Kewangan**

Pajakan yang mana LHDNM menanggung risiko dan menerima ganjaran atas pemilikan aset dikelaskan sebagai Pajakan Kewangan.

Hartanah, Loji dan Peralatan yang dimiliki melalui Pajakan Kewangan akan dipermodalkan, dinyatakan pada nilai setara dengan nilai terendah nilai saksama dan nilai semasa pembayaran pajakan minima pada permulaan pajakan, ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai. Obligasi sepadan berkaitan dengan bayaran prinsipal diakaunkan sebagai liabiliti dan caj pembiayaan dikenakan ke atas Penyata Prestasi Kewangan sepanjang tempoh pelan pajakan.

### **2.12 Peruntukan Liabiliti**

Peruntukan liabiliti diiktiraf apabila Kumpulan dan LHDNM mempunyai kewajipan kini hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan tersebut dan anggaran yang munasabah boleh dibuat bagi jumlah tersebut. Peruntukan akan dikaji semula pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah ketara, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka perlu untuk menjelaskan kewajipan tersebut.

### **2.13 Pengiktirafan Pendapatan**

Hasil diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

#### **Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran**

Hasil Urus Niaga Pertukaran Kumpulan dan LHDNM adalah seperti berikut:

- i) Hasil dari Fi Agensi diiktiraf apabila perkhidmatan telah diberikan berdasarkan kepada Perjanjian Agensi di antara LHDNM dan Kerajaan Malaysia.
- ii) Hasil dari pendapatan faedah diiktiraf menggunakan kaedah faedah berkesan. Kadar faedah berkesan mendiskaun dengan tepat anggaran terimaan tunai masa hadapan melalui usia guna aset kewangan kepada amaun bawaan bersih aset tersebut. Kadar ini digunakan untuk menentukan hasil faedah setiap tempoh daripada prinsipal yang tertunggak.
- iii) Hasil daripada pembekalan barangan seperti dokumen bercetak dan barangan stor diiktiraf apabila risiko dan ganjaran pemilikan telah dipindahkan kepada pembeli.

## **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

- iv) Hasil daripada dividen diiktiraf apabila pembayaran dividen telah diisytiharkan.
- v) Hasil daripada sewaan diiktiraf secara garis lurus mengikut kepada perjanjian.

### **Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran**

Urus Niaga Bukan Pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran Kumpulan dan LHDNM adalah seperti berikut:

- i) Geran kerajaan atau pemberian khas kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu akan diambilkira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Geran kerajaan atau pemberian khas yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu diiktiraf sebagai liabiliti dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.
- ii) Terimaan bukan tunai yang diperoleh dengan pertimbangan sifar atau nominal, nilai saksama bagi aset yang diterima tersebut hendaklah diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan.
- iii) Denda dan hukuman diiktiraf apabila hak penerimaannya telah dapat ditentukan.

### **2.14 Maklumat Bajet**

Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan Penyata Kewangan disediakan menggunakan asas akrual, maka suatu Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar dilaporkan secara berasingan. Penyata ini disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

### **2.15 Pertukaran Mata Wang Asing**

Urus niaga dalam mata wang asing pada awalnya ditukarkan pada kadar tukaran asing pada tarikh urus niaga. Untung dan rugi daripada urus niaga tersebut dan juga daripada terjemahan bagi aset dan liabiliti kewangan yang dinyatakan dalam mata wang asing menggunakan kadar tukaran asing akhir tahun hendaklah diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

## **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

### **2.16 Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Ketidakpastian dalam Sumber Utama Anggaran**

#### **i) Pertimbangan Perakaunan Kritikal**

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam Penyata Kewangan.

#### **ii) Ketidakpastian Dalam Sumber Utama Anggaran**

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

##### **a) Elaun hutang ragu bagi penghutang**

Kumpulan dan LHDNM menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif elaun hutang ragu, Kumpulan dan LHDNM menganggap faktor seperti ketidakmampuan penghutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tak mampu dibayar, jumlah dan masa aliran tunai masa hadapan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

##### **b) Perubahan anggaran jangka hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan dan Aset Tak Ketara**

Semua Hartanah, Loji Dan Peralatan dan Aset Tak Ketara disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susutnilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

##### **c) Pengukuran peruntukan**

Kumpulan dan LHDNM sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur suatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan suatu peruntukan.

## **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

### **d) Penentuan hartanah pelaburan**

Sebahagian daripada hartanah LHDNM adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya manakala sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka LHDNM akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

### **2.17 Kontra Instrumen Kewangan**

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya dikontra jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengkontrakannya dan terdapat tujuan menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

### **2.18 Pihak Berkaitan**

LHDNM menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas LHDNM, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada Anggota Lembaga.

### **2.19 Pajakan Operasi**

Pajakan harta di mana bahagian yang signifikan daripada risiko dan ganjaran pemilikan masih kekal di atas pemilik aset dikelaskan sebagai pajakan operasi. Bayaran yang dibuat bagi perbelanjaan ini dicajkan ke Penyata Prestasi Kewangan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

### **2.20 Liabiliti Luar Jangka**

Kumpulan dan LHDNM tidak mengiktiraf liabiliti luar jangka tetapi mendedahkannya di dalam Penyata Kewangan. Tanggungan luar jangka merupakan jangkaan obligasi disebabkan peristiwa lalu dan kewujudannya boleh disahkan. Ianya tidak dijangka akan menyebabkan aliran keluar sumber bagi menyelesaikan obligasi tersebut.

Liabiliti luar jangka wujud bagi kes-kes yang jarang berlaku di mana liabiliti tidak diiktiraf kerana ianya tidak dapat diukur secara munasabah.

## **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

### **2.21 Aset Luar Jangka**

Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa yang tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh Kumpulan dan LHDNM. Kumpulan dan LHDNM tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam Penyata Kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

### **2.22 Kerja Dalam Kemajuan**

Kerja Dalam Kemajuan adalah merujuk kepada kerja-kerja yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos-kos ini kemudiannya akan dipindahkan mengikut kategori yang sesuai setelah memperolehi Sijil Siap Kerja atau telah siap disempurnakan atau telah sedia untuk digunakan.

### **2.23 Kos Pinjaman**

Kos pinjaman terdiri daripada faedah yang ditanggung oleh Kumpulan dan LHDNM berhubung dengan dana yang dipinjam, dan diakru menggunakan kaedah faedah berkesan.

Kadar faedah berkesan mendiskaun dengan tepat anggaran bayaran tunai masa hadapan melalui jangka hayat liabiliti kewangan kepada amaun bawaan bersih liabiliti tersebut. Kadar ini digunakan untuk menentukan kos pinjaman bagi setiap tempoh daripada prinsipal yang tertunggak.

Kos pinjaman diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan di dalam tempoh ia tertanggung.

### **2.24 Nilai Saksama**

Nilai saksama aset atau liabiliti ditentukan sebagai harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urusan niaga yang teratur di antara pihak-pihak yang terlibat pada tarikh pengukuran. Pengukuran tersebut mengandaikan bahawa transaksi untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada di pasaran utama atau jika tiada pasaran utama, di pasaran yang paling menguntungkan.

Untuk aset bukan kewangan, pengukuran nilai saksama mengambil kira kemampuan pihak terlibat untuk menjana faedah ekonomi dengan menggunakan aset tersebut dalam penggunaan yang tertinggi dan terbaik atau menjualnya kepada pihak lain yang akan menggunakan aset tersebut dalam penggunaan tertinggi dan terbaik.

Semasa mengukur nilai saksama aset atau liabiliti, Kumpulan dan LHDNM menggunakan data pasaran yang sebaik-baiknya. Nilai saksama dikategorikan ke dalam tahap yang berbeza dalam hierarki nilai saksama berdasarkan input yang digunakan dalam teknik penilaian seperti berikut:

## **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

Tahap 1: Harga di pasaran aktif untuk aset atau liabiliti yang serupa

Tahap 2: Input selain daripada harga di pasaran aktif dalam Tahap 1 yang dapat diperhatikan secara langsung atau tidak

Tahap 3: Input yang tidak dapat diperhatikan

Tiada pertukaran antara tahap hierarki nilai saksama pada tarikh peristiwa atau perubahan keadaan yang menyebabkan pemindahan tersebut.

### **2.25 Kesan Pemakaian MPSAS**

Penyata Kewangan ini adalah merupakan Penyata Kewangan pertama Kumpulan dan LHDNM yang disediakan menggunakan rangka kerja perakaunan MPSAS. Di dalam tahun kewangan sebelum ini, LHDNM menggunakan rangka kerja perakaunan MPERS manakala entiti yang dikawalinya menggunakan rangka kerja perakaunan MFRS dan IFRS. Dasar-dasar perakaunan yang digunakan di dalam penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan dan LHDNM tahun kewangan ini adalah selaras dengan dasar-dasar perakaunan yang telah digunakan di dalam tahun kewangan sebelum ini selain yang dinyatakan seperti di bawah:

#### **i) Peruntukan Manfaat Pekerja**

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Kumpulan dan LHDNM hanya membuat peruntukan manfaat pekerja ke atas mana-mana pekerja yang akan bersara di dalam tempoh satu tahun yang akan datang. Pemakaian MPSAS di dalam tahun kewangan semasa menghendaki peruntukan manfaat pekerja dibuat ke atas pekerja-pekerja yang telah memenuhi syarat untuk menerima manfaat tersebut dengan menggunakan Kaedah Unjuran Unit Kredit. Pelarasan telah dibuat secara retrospektif bagi mengambilkira perubahan dasar perakaunan ini.

#### **ii) Pelunasan Kumpulan Wang Pembangunan**

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, terimaan khas pembangunan dilunaskan mengikut tempoh susutnilai aset yang berkaitan. Kumpulan dan LHDNM telah mengubah dasar perakaunan pelunasan geran pembangunan ini di mana geran yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan akan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat. Pelarasan telah dibuat secara retrospektif bagi mengambilkira perubahan dasar perakaunan ini.

#### **iii) Perlakuan Perakaunan Kumpulan Wang Amanah**

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, segala hasil dan belanja yang diperolehi dari Kumpulan Wang Amanah Akademi Percukaian Malaysia dan Tabung Ihsan LHDNM tidak direkodkan sebagai sebahagian daripada hasil dan belanja LHDNM secara keseluruhannya. Kumpulan

## **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

dan LHDNM telah mengubah dasar perakaunannya di mana hasil dan belanja daripada Kumpulan Wang Amanah Akademi Percukaian Malaysia dan Tabung Ihsan LHDNM telah direkodkan sebagai hasil dan belanja LHDNM kerana hasil dan belanja tersebut adalah memenuhi kepada kriteria pengiktirafan hasil dan belanja. Pelarasan telah dibuat secara retrospektif bagi mengambil kira perubahan dasar perakaunan ini.

### **iv) Perlakuan Perakaunan Pelaburan Sedia Dijual**

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, segala perubahan ke atas nilai saksama Pelaburan Sedia Dijual Kumpulan dan LHDNM telah direkodkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Pemakaian MPSAS menghendaki perubahan nilai saksama pelaburan sedia dijual yang dikategorikan sebagai aset kewangan sedia dijual hendaklah direkodkan di dalam Penyata Perubahan Aset Bersih. Pelarasan telah dibuat secara retrospektif bagi mengambil kira perubahan dasar perakaunan ini.

### **v) Perlakuan Perakaunan Bayaran Pendahuluan, Pembiayaan Pekerja dan Penghutang Pekerja**

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, LHDNM telah memberikan bayaran pendahuluan kepada kakitangannya di mana bayaran pendahuluan tersebut perlulah diselesaikan melebihi daripada tempoh satu tahun. LHDNM hanya merekodkan pembayaran yang diterima dan mengurangkan baki semasa Bayaran Pendahuluan tersebut. Pemakaian MPSAS menghendaki Bayaran Pendahuluan dinyatakan pada nilai saksama kerana terdapatnya perubahan di dalam nilai masa wang. Pelarasan telah dibuat secara retrospektif bagi mengambil kira perubahan dasar perakaunan ini.

Termasuk di dalam Pembiayaan Pekerja adalah Pinjaman Pengajian dan Pinjaman SPPLK di mana LHDNM telah memberi pinjaman kepada kakitangannya yang layak bagi melanjutkan pengajian mereka. Pinjaman ini perlulah dibayar semula oleh kakitangan terlibat di dalam tempoh melebihi daripada setahun. Di dalam tahun kewangan sebelum ini, LHDNM hanya merekodkan pinjaman pengajian yang diberi dan mengurangkan baki semasa pinjaman tersebut apabila telah menerima bayaran pinjaman. Pemakaian MPSAS menghendaki Pinjaman Pengajian tersebut dinyatakan pada nilai saksama kerana terdapatnya perubahan di dalam nilai masa wang. Pelarasan telah dibuat secara retrospektif bagi mengambil kira perubahan dasar perakaunan ini.

### **Peruntukan dan pengecualian yang tidak memberi kesan ketara ke atas Penyata Kewangan**

#### **i) Aset dan liabiliti kewangan yang telah dinyahiktiraf**

Aset dan liabiliti kewangan yang telah dinyahiktiraf sebelum ini menggunakan rangka kerja perakaunan terdahulu tidak akan

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

diiktiraf semula apabila menggunakan rangka kerja MPSAS. Jika suatu aset atau liabiliti kewangan yang mungkin akan dinyahiktiraf di bawah MPERS, maka Kumpulan dan LHDNM memilih untuk mengiktiraf terus aset dan liabiliti kewangan tersebut sehingga ia dilupuskan atau diselesaikan.

Kesan pemakaian MPSAS ke atas Penyata Kewangan Kumpulan dan LHDNM adalah seperti berikut:

|                                                                              | Nota | Seperti yang<br>Dinyatakan<br>Terdahulu<br>RM | Kesan<br>Pemakaian<br>MPSAS<br>RM | Seperti yang<br>Dinyatakan<br>Semula<br>RM |
|------------------------------------------------------------------------------|------|-----------------------------------------------|-----------------------------------|--------------------------------------------|
| <b>KUMPULAN</b>                                                              |      |                                               |                                   |                                            |
| <b><i>Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019</i></b> |      |                                               |                                   |                                            |
| Manfaat Pekerja                                                              | i    | (139,550,787)                                 | (1,864,372,306)                   | (2,003,923,093)                            |
| Kumpulan Wang Pembangunan                                                    | ii   | (800,939,468)                                 | 582,951,668                       | (217,987,800)                              |
| Kumpulan Wang Amanah                                                         | iii  | (5,284,717)                                   | -                                 | (5,284,717)                                |
| Pelaburan Sedia Dijual                                                       | iv   | -                                             | (1,820,227)                       | (1,820,227)                                |
| Bayaran Pendahuluan                                                          | v    | 1,042,614                                     | (6,800)                           | 1,035,814                                  |
| Penghutang Pekerja                                                           | v    | 74,750                                        | (6,824)                           | 67,926                                     |
| Pembiayaan Pekerja                                                           | v    | 2,173,110                                     | (729)                             | 2,172,381                                  |
| Kumpulan Wang Pelaburan                                                      |      | (19,341,795)                                  | (20,711)                          | (19,362,506)                               |
| Kumpulan Wang Pinjaman                                                       |      | (18,000,000)                                  | (78,188)                          | (18,078,188)                               |
| Hartanah, Loji dan Peralatan                                                 |      | 1,693,808,957                                 | 8,203                             | 1,693,817,160                              |
|                    | <u>264,056,300</u> | <u>38,950,208</u> | <u>32,140,041</u> | <u>29,824,450</u> | <u>1,859,954,673</u> | <u>2,224,925,672</u> |

**LHDNM**

**31.12.2020**

|                    |                    |                   |                   |                   |                      |                      |
|--------------------|--------------------|-------------------|-------------------|-------------------|----------------------|----------------------|
| Pinjaman Berjangka | 20,392,610         | 34,921,399        | 30,975,471        | 28,686,457        | -                    | 114,975,937          |
| Manfaat Pekerja    | 146,935,221        | -                 | -                 | -                 | 1,888,319,921        | 2,035,255,142        |
| Pelbagai Pemiutang | 43,640,057         | -                 | -                 | -                 | -                    | 43,640,057           |
|                    | <u>210,967,888</u> | <u>34,921,399</u> | <u>30,975,471</u> | <u>28,686,457</u> | <u>1,888,319,921</u> | <u>2,193,871,136</u> |

**31.12.2019**

|                    |                    |                   |                   |                   |                      |                      |
|--------------------|--------------------|-------------------|-------------------|-------------------|----------------------|----------------------|
| Pinjaman Berjangka | 21,084,210         | 38,950,208        | 32,140,041        | 29,824,450        | 14,061,238           | 136,060,147          |
| Manfaat Pekerja    | 158,029,658        | -                 | -                 | -                 | 1,845,893,435        | 2,003,923,093        |
| Pelbagai Pemiutang | 82,801,016         | -                 | -                 | -                 | -                    | 82,801,016           |
|                    | <u>261,914,884</u> | <u>38,950,208</u> | <u>32,140,041</u> | <u>29,824,450</u> | <u>1,859,954,673</u> | <u>2,222,784,256</u> |

**32.2 Risiko Kadar Faedah**

Kumpulan dan LHDNM terdedah kepada risiko kadar faedah kerana Kumpulan dan LHDNM meminjam pada kadar faedah tetap dan terapung. Risiko ini diuruskan mengikut objektif modal dan dasar pengurusan risiko. Objektif dan dasar ini termasuk mengekalkan gabungan yang sesuai antara pinjaman kadar tetap dan kadar terapung. Kadar faedah purata wajaran pada instrumen kewangan pada 31 Disember 2020 dan 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

| <b>KUMPULAN</b>            | <b>Kadar Faedah<br/>Purata<br/>Berwajaran<br/>%</b> | <b>2020<br/>RM</b> | <b>2019<br/>RM</b> |
|----------------------------|-----------------------------------------------------|--------------------|--------------------|
| <b>Aset Kewangan</b>       |                                                     |                    |                    |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai | 3%                                                  | 991,754,379        | 1,085,929,165      |
| <b>Liabiliti Kewangan</b>  |                                                     |                    |                    |
| Pinjaman Berjangka         | 4%                                                  | 100,674,337        | 117,218,656        |

*Analisa Kepekaan Kadar Faedah*

Sekiranya kadar faedah purata berwajaran pada 31 Disember 2020 dan 31 Disember 2019 adalah 100 mata asas lebih tinggi atau lebih rendah, lebihan tahun semasa akan terjejas seperti berikut:

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

| KUMPULAN                   | Peningkatan/<br>(Pengurangan)<br>Mata Asas          | Peningkatan/(Pengurangan)<br>Lebih Dalam Tahun |                    |
|----------------------------|-----------------------------------------------------|------------------------------------------------|--------------------|
| 31.12.2020                 | %                                                   | RM                                             | RM                 |
| <b>Aset Kewangan</b>       |                                                     |                                                |                    |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai | +100/-100                                           | 39,670,175                                     | (39,670,175)       |
| <b>Liabiliti Kewangan</b>  |                                                     |                                                |                    |
| Pinjaman Berjangka         | +100/-100                                           | (5,033,717)                                    | 5,033,717          |
| <b>31.12.2019</b>          |                                                     |                                                |                    |
| <b>Aset Kewangan</b>       |                                                     |                                                |                    |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai | +100/-100                                           | 43,437,167                                     | (43,437,167)       |
| <b>Liabiliti Kewangan</b>  |                                                     |                                                |                    |
| Pinjaman Berjangka         | +100/-100                                           | (5,860,933)                                    | 5,860,933          |
| <b>LHDNM</b>               | <b>Kadar Faedah<br/>Purata<br/>Berwajaran<br/>%</b> | <b>2020<br/>RM</b>                             | <b>2019<br/>RM</b> |
| <b>Aset Kewangan</b>       |                                                     |                                                |                    |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai | 3%                                                  | 875,241,717                                    | 1,056,843,062      |
| <b>Liabiliti Kewangan</b>  |                                                     |                                                |                    |
| Pinjaman Berjangka         | 4%                                                  | 100,674,337                                    | 117,218,656        |

### *Analisa Kepekaan Kadar Faedah*

Sekiranya kadar faedah purata berwajaran pada 31 Disember 2020 dan 31 Disember 2019 adalah 100 mata asas lebih tinggi atau lebih rendah, lebihan tahun semasa akan terjejas seperti berikut:

| LHDNM                      | Peningkatan/<br>(Pengurangan)<br>Mata Asas | Peningkatan/(Pengurangan)<br>Lebih Dalam Tahun |              |
|----------------------------|--------------------------------------------|------------------------------------------------|--------------|
| 31.12.2020                 | %                                          | RM                                             | RM           |
| <b>Aset Kewangan</b>       |                                            |                                                |              |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai | +100/-100                                  | 35,009,669                                     | (35,009,669) |
| <b>Liabiliti Kewangan</b>  |                                            |                                                |              |
| Pinjaman Berjangka         | +100/-100                                  | (5,033,717)                                    | 5,033,717    |

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**  
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

**31.12.2019**

**Aset Kewangan**

|                            |           |            |              |
|----------------------------|-----------|------------|--------------|
| Tunai dan Kesetaraan Tunai | +100/-100 | 42,273,722 | (42,273,722) |
|----------------------------|-----------|------------|--------------|

**Liabiliti Kewangan**

|                    |           |             |           |
|--------------------|-----------|-------------|-----------|
| Pinjaman Berjangka | +100/-100 | (5,860,933) | 5,860,933 |
|--------------------|-----------|-------------|-----------|

**32.3 Risiko Kredit**

Risiko kredit merujuk kepada risiko pihak yang akan mungkir pada obligasi kontraknya menyebabkan kerugian kewangan kepada Kumpulan dan LHDNM. Amaun bawaan aset kewangan bersamaan dengan pendedahan maksimum kepada risiko kredit pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Risiko kredit diuruskan mengikut objektif modal dan dasar pengurusan risiko.

*Pembiayaan Kepada Entiti Dikawal*

LHDNM membiayai operasi entiti dikawalnya berjumlah RM100,000,000. LHDNM sentiasa memantau keupayaan entiti dikawalnya untuk membayar semula pembiayaan yang telah diberikan. Pada tarikh pelaporan, pendedahan maksimum kepada risiko kredit adalah mewakili amaun bawaan aset kewangan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

*Tunai dan Kesetaraan Tunai serta Pelaburan*

Kumpulan menghadkan pendedahannya kepada risiko kredit dengan melaburkan wang tunai dan kesetaraan tunainya serta pelaburan dengan institusi kewangan yang diluluskan sahaja serta mengikut garis panduan khusus yang ditetapkan oleh Kumpulan dan LHDNM. Oleh itu, Kumpulan dan LHDNM tidak menganggap terdapat pendedahan yang signifikan terhadap risiko kredit.

**32.4 Risiko Harga Pasaran**

Pelaburan dalam dana ekuiti adalah terdedah kepada risiko harga pasaran disebabkan ketidaktentuan nilai masa hadapan tersebut. Pengurusan risiko harga pasaran adalah melalui pemantauan ke atas prestasi pencapaian pulangan yang diperoleh oleh setiap Pengurus Dana.

**32.5 Risiko Tukaran Mata Wang Asing**

Risiko tukaran mata wang asing ialah risiko yang melibatkan perubahan ke atas nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen kewangan disebabkan oleh perubahan dalam kadar tukaran mata wang asing. Risiko tukaran mata wang asing adalah minimum kerana transaksi di dalam mata wang asing adalah sedikit.

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

### 32.6 Nilai Saksama

Nilai bawaan bagi semua aset kewangan dan liabiliti kewangan Kumpulan dan LHDNM pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan adalah dianggarkan pada nilai saksama. Kaedah dan andaian digunakan bagi menentukan nilai saksama adalah seperti berikut:

- Tunai dan kesetaraan tunai, penghutang dan liabiliti semasa bersamaan dengan nilai dibawahnya kerana ia mempunyai tempoh matang yang pendek.
- Aset atau liabiliti jangka panjang pada kadar tetap dan kadar berubah dinilai oleh Kumpulan dan LHDNM berdasarkan kepada parameter tertentu seperti kadar faedah. Berdasarkan penilaian ini, peruntukan diambilkira untuk kerugian yang timbul dari penghutang ini dan kadar faedah yang berkaitan dengan pasaran. Pada 31 Disember 2020 dan 2019 masing-masing, jumlah dibawa penghutang tersebut tidak berbeza secara material daripada nilai saksama yang dikira.
- Nilai saksama pelaburan sedia dijual ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran.

Aset dan liabiliti kewangan yang dinyatakan pada nilai saksama adalah seperti berikut:

| KUMPULAN                  | Tahap 1<br>RM | Tahap 2<br>RM | Tahap 3<br>RM | Jumlah<br>RM  |
|---------------------------|---------------|---------------|---------------|---------------|
| <b>31.12.2020</b>         |               |               |               |               |
| <b>Aset Kewangan</b>      |               |               |               |               |
| Pembiayaan Pekerja        | -             | 1,795,295     | -             | 1,795,295     |
| Bayaran Pendahuluan       | -             | 2,839,582     | -             | 2,839,582     |
| Penghutang Pekerja        | -             | 90,916        | -             | 90,916        |
| <b>Liabiliti Kewangan</b> |               |               |               |               |
| Manfaat Pekerja           | -             | 2,035,255,142 | -             | 2,035,255,142 |
| <b>31.12.2019</b>         |               |               |               |               |
| <b>Aset Kewangan</b>      |               |               |               |               |
| Pelaburan Sedia Dijual    | -             | 72,822,729    | -             | 72,822,729    |
| Pembiayaan Pekerja        | -             | 2,162,440     | -             | 2,162,440     |
| Bayaran Pendahuluan       | -             | 1,035,814     | -             | 1,035,814     |
| Penghutang Pekerja        | -             | 67,926        | -             | 67,926        |

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

### Liabiliti Kewangan

|                 |   |               |   |               |
|-----------------|---|---------------|---|---------------|
| Manfaat Pekerja | - | 2,003,923,093 | - | 2,003,923,093 |
|-----------------|---|---------------|---|---------------|

| LHDNM | Tahap 1<br>RM | Tahap 2<br>RM | Tahap 3<br>RM | Jumlah<br>RM |
|-------|---------------|---------------|---------------|--------------|
|-------|---------------|---------------|---------------|--------------|

**31.12.2020**

### Aset Kewangan

|                                  |   |            |   |            |
|----------------------------------|---|------------|---|------------|
| Pembiayaan Kepada Entiti Dikawal | - | 31,909,984 | - | 31,909,984 |
| Pembiayaan Pekerja               | - | 1,795,295  | - | 1,795,295  |
| Bayaran Pendahuluan              | - | 2,839,582  | - | 2,839,582  |
| Penghutang Pekerja               | - | 90,916     | - | 90,916     |

### Liabiliti Kewangan

|                 |   |               |   |               |
|-----------------|---|---------------|---|---------------|
| Manfaat Pekerja | - | 2,035,255,142 | - | 2,035,255,142 |
|-----------------|---|---------------|---|---------------|

|  | Tahap 1<br>RM | Tahap 2<br>RM | Tahap 3<br>RM | Jumlah<br>RM |
|--|---------------|---------------|---------------|--------------|
|--|---------------|---------------|---------------|--------------|

**31.12.2019**

### Aset Kewangan

|                                  |   |            |   |            |
|----------------------------------|---|------------|---|------------|
| Pembiayaan Kepada Entiti Dikawal | - | 29,836,357 | - | 29,836,357 |
| Pembiayaan Pekerja               | - | 2,162,440  | - | 2,162,440  |
| Bayaran Pendahuluan              | - | 1,035,814  | - | 1,035,814  |
| Penghutang Pekerja               | - | 67,926     | - | 67,926     |

### Liabiliti Kewangan

|                 |   |               |   |               |
|-----------------|---|---------------|---|---------------|
| Manfaat Pekerja | - | 2,003,923,093 | - | 2,003,923,093 |
|-----------------|---|---------------|---|---------------|

Tiada pertukaran antara tahap hierarki nilai saksama pada tarikh peristiwa atau perubahan keadaan yang menyebabkan pemindahan tersebut.

### 32.7 Pengurusan Risiko Modal

Objektif utama pengurusan modal Kumpulan dan LHDNM adalah untuk memastikan terdapat tunai yang mencukupi untuk menyokong keperluan pembiayaan Kumpulan dan LHDNM, termasuk perbelanjaan modal, untuk memastikan bahawa Kumpulan dan LHDNM kekal kukuh dari segi kewangan. Kumpulan dan LHDNM sentiasa memantau aliran tunainya bagi memastikan setiap komitmen Kumpulan dan LHDNM dapat dipenuhi.

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

### 33. CUKAI PENDAPATAN

Merujuk kepada kuasa Menteri pada Seksyen 127 (3) (b) Akta Cukai Pendapatan 1967, LHDNM telah diberikan pengecualian daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan semua pendapatan (kecuali pendapatan dividen) bagi tempoh mulai tahun taksiran 1997 sehingga ke tahun-tahun taksiran berikutnya. Perintah pengecualian ini adalah merujuk kepada P.U.(A) 171/2000 [Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (Bil. 20) 2000].

Bagi pendapatan dividen, LHDNM turut dikecualikan cukai berdasarkan pendapatan dividen di bawah sistem satu peringkat [perenggan 21B, Jadual 6 Pengecualian Cukai, Akta Cukai Pendapatan 1967].

Aktiviti YLHDNM adalah tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.

| KUMPULAN                | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|-------------------------|------------|------------|
| Peruntukan cukai semasa | 690,200    | -          |

Perbezaan yang ketara di antara perbelanjaan cukai dan lebihan perakaunan didarab dengan kadar cukai berkanun adalah disebabkan oleh kesan cukai yang timbul daripada perkara berikut:

|                                                  | 2020<br>RM   | 2019<br>RM   |
|--------------------------------------------------|--------------|--------------|
| Lebihan Sebelum Cukai                            | 72,257,257   | 311,940,331  |
| Kadar cukai berkanun 24% (2019: 24%)             | 17,341,742   | 74,865,679   |
| Pendapatan tidak dibenarkan dari pengiraan cukai | (13,734,808) | (74,865,679) |
| Penggunaan kerugian sebelum yang tidak diserap   | (2,912,676)  | -            |
| Lain-lain                                        | (4,058)      | -            |
|                                                  | 690,200      | -            |

Tertakluk kepada persetujuan oleh LHDNM, YLHDNM tidak mempunyai elaun modal tidak digunakan dan mempunyai kerugian yang tidak diserap yang boleh ditolak daripada pendapatan bercukai di masa hadapan seperti berikut:

|                             | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|-----------------------------|------------|------------|
| Kerugian yang tidak diserap | -          | 10,062,522 |

Menurut Akta Kewangan 2018, kerugian yang tidak diserap dalam tahun penilaian hanya boleh dibawa ke hadapan bagi tempoh maksimum tujuh (7) tahun berturutan bermula tahun penilaian. Kerugian yang tidak diserap akan tamat tempoh pada tahun 2025, atau apabila terdapat perubahan dalam pegangan saham (50% atau lebih), antara satu yang lebih awal, menurut undang-undang cukai semasa. Jika tiada sebarang perubahan di dalam pegangan saham, kerugian yang tidak diserap yang

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

telah dinyatakan di atas tidak boleh digunakan oleh YLHDNM. Aset cukai tertunda tidak diiktiraf berkaitan perkara ini berikutan tiada keuntungan boleh cukai yang membolehkan penggunaan aset cukai tertunda tersebut.

### 34. KAKITANGAN PENTING PIHAK PENGURUSAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab dalam perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti Kumpulan dan LHDNM samada secara langsung dan tidak langsung. Semua Anggota Lembaga adalah kakitangan penting pihak pengurusan.

Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2015 (Akta 533) menetapkan Anggota Lembaga hendaklah terdiri daripada Sembilan (9) individu termasuk Pengerusi (Ketua Setiausaha Perbendaharaan) dan Ketua Pegawai Eksekutif. Jumlah manfaat Anggota Lembaga sepanjang tahun kewangan seperti berikut:

|                                       | KUMPULAN   |            | LHDNM      |            |
|---------------------------------------|------------|------------|------------|------------|
|                                       | 2020<br>RM | 2019<br>RM | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
| Jumlah Elaun/ Manfaat<br>Ahli Lembaga | 1,218,049  | 1,105,106  | 1,213,249  | 1,101,206  |

### 35. TRANSAKSI ANTARA PIHAK BERKAITAN

| LHDNM                  | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|------------------------|------------|------------|
| Faedah dari pembiayaan | 2,073,627  | 1,938,875  |

Bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan ini, sesuatu entiti itu dianggap sebagai berkaitan jika LHDNM mempunyai kuasa samada secara langsung atau tidak langsung di dalam mengawal atau mempunyai pengaruh yang ketara ke atas pembuatan keputusan operasi dan kewangan sesuatu entiti itu atau sebaliknya.

### 36. NOTA KEPADA PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet LHDNM telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh kewangan 1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2020. Jumlah bajet ini telah dibentangkan dan diluluskan oleh Anggota Lembaga pada 5 Disember 2019.

Bajet dan Penyata Kewangan LHDNM disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada Penyata Kewangan. Penyata Kewangan disediakan dengan asas akrual menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, manakala bajet disediakan dengan asas tunai.

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

Jumlah sebenar di dalam Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar telah dinyatakan semula pada asas tunai mengikut klasifikasi berdasarkan kepada butiran bajet.

LHDNM melalui Jabatan Operasi Cukai (JOC) adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan permohonan kelulusan peruntukan berkaitan Anggaran Perbelanjaan Pelaksanaan Program Bantuan Sara Hidup Rakyat pada setiap tahun kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MoF).

Butiran penyesuaian di antara jumlah sebenar di dalam Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar dan jumlah sebenar di dalam Penyata Aliran Tunai adalah seperti berikut:

|                                                                | Nota | Operasi<br>RM        | Pelaburan<br>RM     | Pembiayaan<br>RM  | Jumlah<br>RM         |
|----------------------------------------------------------------|------|----------------------|---------------------|-------------------|----------------------|
| Jumlah sebenar di dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar |      | 22,762,466           | 44,306,442          | 11,897,549        | 78,966,457           |
| Perbezaan asas                                                 | (a)  | -                    | -                   | -                 | -                    |
| Perbezaan masa                                                 | (b)  | (224,116,106)        | (68,445,258)        | 31,993,562        | (260,567,802)        |
| Perbezaan entiti                                               | (c)  | -                    | -                   | -                 | -                    |
| Jumlah sebenar di dalam Penyata Aliran Tunai                   |      | <b>(201,353,640)</b> | <b>(24,138,816)</b> | <b>43,891,111</b> | <b>(181,601,345)</b> |

### Nota (a)

Perbezaan asas berlaku apabila bajet yang diluluskan disediakan pada asas selain daripada asas tunai.

### Nota (b)

Perbezaan masa berlaku apabila tempoh bajet berbeza daripada tempoh pelaporan yang ditunjukkan dalam Penyata Kewangan.

### Nota (c)

Perbezaan entiti berlaku apabila bajet tidak mengambilkira sesuatu program.

## 37. PERISTIWA SELEPAS TARIKH PELAPORAN

### Pinjaman Kepada Yayasan

Pada tahun 2017, LHDNM telah memberikan pinjaman tanpa faedah sebanyak RM100,000,000 kepada YLHDNM dan dijangka akan dibayar balik pada akhir tahun ke-20.

Walau bagaimanapun, YLHDNM telah memutuskan untuk membuat penyelesaian awal pinjaman tersebut pada 5 Mac 2021 berserta faedah keuntungan pelaburan yang dijana selepas mengambil kira sebarang obligasi yang perlu ditanggung YLHDNM sehingga 31 Disember 2021.

## **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

### **38. KESAN COVID-19 DI DALAM PENYATA KEWANGAN TAHUN SEMASA**

Pada 16 Mac 2020 yang lalu, Kerajaan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan ("PKP") bermula daripada 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 bagi mengekang penularan wabak COVID-19. Tempoh PKP ini kemudiannya telah dilanjutkan sehingga 31 Ogos 2020. Sepanjang tempoh PKP ini, Kumpulan dan LHDNM telah menutup premisnya bagi segala urusan dengan orang awam. Semua urusan hanya dilakukan dalam talian sahaja. Kumpulan dan LHDNM hanya membuka semula operasinya kepada orang awam pada 12 Mei 2020.

Mendepani cabaran pandemik COVID -19 ini, aktiviti dan operasi LHDNM turut sama terjejas terutamanya berkaitan jumlah kutipan hasil cukai yang telah terkesan yang memberi impak kepada jumlah terimaan Fi Agensi LHDNM. Ini adalah kerana terimaan fi adalah berdasarkan kepada Kutipan Sebenar Cukai Langsung Kasar tahun 2020 di mana jika berlaku penurunan jumlah kutipan cukai langsung kasar sebenar, terimaan fi agensi akan turut terjejas dan mengalami penurunan.

Antara strategi yang telah dilaksanakan oleh LHDNM adalah dengan pelaksanaan Rasionalisasi Perbelanjaan pada tahun 2020 yang bertujuan untuk memastikan keupayaan LHDNM menampung kos operasi. Bagi mengimbangi kesan pengurangan Fi Agensi dan memastikan kelastrian kedudukan kewangan LHDNM maka beberapa perbelanjaan telah diunjurkan semula dengan penilaian kepada keperluan dan keutamaan.

LHDNM masih berupaya untuk melaksanakan fungsi Lembaga sebagai agensi yang bertanggungjawab memungut dan mentadbir cukai langsung negara walaupun berdepan dengan kesan pandemik COVID-19 ini serta keadaan ekonomi semasa yang terjejas dan tidak menentu.

# LAPORAN PRESTASI KEWANGAN 2020





## PENDAPATAN

Jumlah Pendapatan LHDNM bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah berjumlah RM2,461.83 juta sepertimana berikut:

**JADUAL 1: KOMPONEN PENDAPATAN**

| Komponen Pendapatan | 2020<br>RM Juta | 2019<br>RM Juta | Beza<br>RM Juta | %              |
|---------------------|-----------------|-----------------|-----------------|----------------|
| Fi Agensi           | 2,277.42        | 2,684.38        | (406.96)        | (15.16)        |
| Pemberian Kerajaan  | 119.52          | 40.22           | 79.30           | 197.17         |
| Pendapatan Lain     | 64.89           | 42.84           | 22.05           | 51.47          |
| <b>Jumlah</b>       | <b>2,461.83</b> | <b>2,767.44</b> | <b>(305.61)</b> | <b>(11.04)</b> |

### Fi Agensi

Hasil utama LHDNM adalah Fi Agensi yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan atas perkhidmatannya seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 10 Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995. Pengiraan Fi Agensi adalah berdasarkan kepada jumlah sebenar kutipan kasar hasil cukai yang diperolehi dalam sesuatu tahun. Jumlah Fi Agensi yang diterima dalam tahun 2020 berjumlah RM2,277.42 juta (2019: RM2,684.38 juta). Terimaan fi adalah sebanyak 92.51% daripada keseluruhan pendapatan LHDNM.


### Pemberian Kerajaan

Dalam tahun semasa, LHDNM telah menerima geran pemberian kerajaan sebanyak RM64.04 juta (2019: RM40.00 juta) yang meliputi Pemberian Khas Kerajaan bagi operasi Bantuan Sara Hidup (BSH) tahun 2020, Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dan Geran Khas Prihatin (GKP). Geran yang dilunaskan pada tahun 2020 adalah sebanyak RM55.48 juta (2019: RM0.22 juta) iaitu bagi Pemberian Peruntukan Pembangunan.

### Pendapatan Lain

Selain daripada Fi Agensi dan pemberian kerajaan, pendapatan LHDNM turut disumbangkan oleh sumber pendapatan lain seperti faedah pelaburan dan pinjaman RM49.37 juta (2019: RM22.36 juta) dan pendapatan lain seperti sewaan, bayaran balik tahun-tahun lalu, denda dan hukuman serta untung rugi jualan aset yang berjumlah RM15.52 juta (2019: RM20.48 juta).

Secara keseluruhannya, pendapatan LHDNM menurun sebanyak 11.04% berbanding RM2,789.25 juta pada tahun 2019. Penurunan ini adalah disebabkan oleh penurunan dalam jumlah kutipan cukai langsung kasar sebenar sehingga 31 Disember 2020.

**CARTA 1: PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020****PERBELANJAAN**

Jumlah Keseluruhan Perbelanjaan LHDNM bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah berjumlah RM2,404.04 juta (2019: RM2,457.94 juta). Kos pekerja merupakan komponen perbelanjaan terbesar LHDNM iaitu sebanyak RM1,652.58 juta (2019: RM1,644.10 juta) diikuti oleh perbelanjaan operasi yang lain sebanyak RM670.16 juta (2019: RM733.18). Selain itu, kos susut nilai/rosot nilai hartanah, loji dan peralatan serta aset tak ketara adalah sebanyak RM77.70 juta (2019: RM75.47 juta) manakala komponen kos kewangan berjumlah RM3.30 juta (2019: RM5.19 juta). Komponen perbelanjaan adalah sepertimana berikut;

**JADUAL 2: KOMPONEN PERBELANJAAN**

| Komponen Perbelanjaan                                 | 2020<br>RM Juta | 2019<br>RM Juta | Beza<br>RM Juta | %             |
|-------------------------------------------------------|-----------------|-----------------|-----------------|---------------|
| Kos Pekerja                                           | 1,652.58        | 1,644.10        | 8.48            | 0.52          |
| Perbelanjaan Operasi Lain                             | 670.16          | 733.18          | (63.02)         | (8.60)        |
| Kos Kewangan                                          | 3.60            | 5.19            | (1.59)          | (30.64)       |
| Susut Nilai/ Rosot Nilai Hartanah, Loji Dan Peralatan | 62.15           | 70.84           | (8.69)          | (12.27)       |
| Susut Nilai/ Rosot Nilai Aset Tak Ketara              | 15.55           | 4.63            | 10.92           | 235.85        |
| <b>Jumlah</b>                                         | <b>2,404.04</b> | <b>2,457.94</b> | <b>(53.90)</b>  | <b>(2.19)</b> |

**CARTA 2: PERBELANJAAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020****Analisa Perbelanjaan**

LHDNM membelanjakan 68.74% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan bagi membiayai kos pekerja tetap, kontrak dan sambilan yang merupakan aset sumber manusia terpenting kepada pencapaian prestasi KPI LHDNM. Secara keseluruhan kos pekerja menunjukkan peningkatan sebanyak RM8.48 juta (0.52%) berbanding tahun 2020 kesan daripada kenaikan gaji tahunan 2021. Komponen terbesar dalam Perbelanjaan Operasi Lain adalah Peruntukan Manfaat Pekerja, Perbelanjaan Sistem Pengkomputeran, Perkhidmatan dan Hospitaliti, Sewaan, Penyenggaraan dan Pembaikan dan Perbelanjaan lain.

**JADUAL 3: PERBANDINGAN PERBELANJAAN LHDNM BAGI TAHUN 2020 DAN TAHUN 2019**

| Jenis Perbelanjaan                    | 2020            | 2019            | Beza           | %             |
|---------------------------------------|-----------------|-----------------|----------------|---------------|
|                                       | RM Juta         | RM Juta         | RM Juta        |               |
| Kos Pekerja                           | 1,652.58        | 1,644.10        | 8.48           | 0.52          |
| Peruntukan Manfaat Pekerja            | 189.36          | 176.33          | 13.03          | 7.39          |
| Perbelanjaan Sistem Pengkomputeran    | 180.00          | 168.86          | 11.14          | 6.60          |
| Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti | 58.01           | 62.85           | (4.84)         | (7.70)        |
| Pemberian dan Kenaan Tetap            | 3.14            | 20.31           | (17.17)        | (84.54)       |
| Sewaan                                | 56.98           | 61.66           | (4.68)         | (7.59)        |
| Perhubungan dan Utiliti               | 43.89           | 50.49           | (6.60)         | (13.07)       |
| Penyenggaraan dan Pembaikan           | 51.88           | 57.37           | (5.49)         | (9.57)        |
| Susut Nilai/Rosot Nilai               | 77.70           | 75.47           | 2.23           | 2.95          |
| Perbelanjaan Lain                     | 57.31           | 94.62           | (37.31)        | (39.43)       |
| Perjalanan dan Sara Hidup             | 7.95            | 22.62           | (14.67)        | (64.85)       |
| Perbelanjaan Tunai Dilunaskan         | 2.81            | 3.67            | (0.86)         | (23.43)       |
| Bekalan dan Bahan-bahan Lain          | 21.49           | 18.45           | 3.04           | 16.48         |
| Pengangkutan Barang-barang            | 0.94            | 1.14            | (0.20)         | (17.54)       |
| <b>Jumlah</b>                         | <b>2,404.04</b> | <b>2,457.94</b> | <b>(53.90)</b> | <b>(2.19)</b> |

## Perbandingan Perbelanjaan

Secara keseluruhan, perbelanjaan LHDNM telah berkurang sebanyak RM53.90 juta (2.19%) berbanding pada tahun sebelum. Penyumbang terbesar kepada penurunan perbelanjaan ini adalah pengurangan perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Tetap (84.54%), Perjalanan dan Sara Hidup (64.85%), Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti (7.70%) dan Perbelanjaan Lain (39.43%).

Penurunan Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup ini adalah disebabkan oleh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula daripada 18 Mac 2020 sehingga Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) berakhir pada 31 Disember 2020 berikutan daripada penularan wabak Covid-19 di mana operasi pejabat dihentikan atau dilaksanakan secara minimum.

Perbelanjaan Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti juga mengalami penurunan sebanyak RM4.84 juta (7.70%) pada Disember 2020 berbanding Disember 2019. Faktor penurunan ini adalah turut disebabkan pelaksanaan PKP di mana semua program latihan telah dijadualkan semula atau dilakukan secara atas talian.


Perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sehingga 31 Disember 2020 telah menurun sebanyak RM17.17 juta (84.54%). Komponen perbelanjaan ini terdiri daripada Biasiswa dan Dermasiswa, Pemberian Dalam Negeri dan Manfaat Pekerja.

Perbelanjaan Lain mencatatkan penurunan perbelanjaan sebanyak RM37.31 juta (39.43%) disebabkan oleh pengurangan dalam perbelanjaan SST dalam tahun 2020.

**JADUAL 4 : PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2020**

| Perangkaan Kewangan Yang Penting | 2017     | 2018     | 2019     | 2020     |
|----------------------------------|----------|----------|----------|----------|
|                                  | RM JUTA  | RM JUTA  | RM JUTA  | RM JUTA  |
| Pendapatan                       | 2,550.54 | 2,487.77 | 2,767.44 | 2,461.83 |
| Perbelanjaan                     | 2,455.55 | 2,377.85 | 2,457.94 | 2,404.04 |
| Lebihan/(Kurangan) Pendapatan    | 94.99    | 109.92   | 309.50   | 57.79    |
| Lebihan Terkumpul                | 1,159.80 | 1,269.72 | 356.65   | 413.86   |
| Aset Bukan Semasa                | 1,769.80 | 1,794.90 | 1,760.16 | 1,736.67 |
| Aset Semasa                      | 459.35   | 441.64   | 1,065.40 | 1,149.10 |
| Liabiliti Bukan Semasa           | 989.72   | 854.09   | 1,946.57 | 1,972.45 |
| Liabiliti Semasa                 | 37.69    | 70.26    | 479.62   | 456.14   |

**CARTA 3 : PRESTASI KOMPONEN PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN  
BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2020**



### RUMUSAN KOMPONEN LEMBARAN IMBANGAN LHDNM


Penurunan komponen Aset Bukan Semasa sebanyak RM23.49 juta (1.33%) adalah disebabkan oleh penurunan dalam Hartanah, Loji dan Peralatan (HLP) disebabkan aset yang telah disusut nilai sepenuhnya

Peningkatan komponen Aset Semasa sebanyak RM83.70 juta (7.86%) adalah disebabkan oleh baki Fi Agensi tahun 2020 selepas pelarasan yang belum diterima dan dijangka akan diterima pada suku tahun pertama tahun 2021.

Liabiliti Bukan Semasa mencatatkan peningkatan sebanyak RM25.88 juta (1.33%) disebabkan peningkatan peruntukan Manfaat Pekerja jangka panjang yang perlu diiktiraf selaras dengan pemakaian MPSAS bagi tahun 2020.

Manakala penurunan dalam komponen Liabiliti Semasa pula RM23.48 juta (4.90%) adalah disebabkan penurunan dalam peruntukan Manfaat Pekerja jangka pendek yang perlu diiktiraf selaras dengan pemakaian MPSAS bagi tahun 2020. Pelbagai Pemiutang turut mencatatkan penurunan kerana penurunan bagi pemiutang operasi dan bekalan berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Kumpulan Wang Pembangunan juga menurun disebabkan oleh baki peruntukan projek ICT yang diterima pada tahun 2019 telah digunakan pada tahun 2020.

**CARTA 4: PRESTASI KOMPONEN PENYATA KESELURUHAN PENDAPATAN  
BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2020**



## RUMUSAN KOMPONEN PENYATA PENDAPATAN LHDNM

Pendapatan LHDNM memainkan peranan yang penting dalam merancang perbelanjaan semasa dan bukan semasa LHDNM. Pendapatan LHDNM merupakan Pembolehubah Tidak Bersandar (*Independent Variable*) di mana terimaan hasil akan mempengaruhi corak perbelanjaan semasa dan perancangan perbelanjaan jangka panjang LHDNM. Penurunan perbelanjaan sebanyak 2.19% bagi tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya adalah selaras dengan penurunan pendapatan bagi tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya iaitu 11.04%.

## PRESTASI PERBELANJAAN OPERASI MENGIKUT PROGRAM DAN AKTIVITI


Peruntukan LHDNM diagih dan dibelanjakan mengikut 6 program utama yang mengandungi 8 aktiviti. Program di peringkat Ibu Pejabat adalah Perkhidmatan Percukaian, Dasar, Operasi Percukaian, Pematuhan dan Pengurusan manakala Program Negeri meliputi aktiviti di peringkat cawangan di seluruh Malaysia. Statistik perbelanjaan mengikut program adalah seperti di bawah.

**JADUAL 5: PERBELANJAAN MENGIKUT PROGRAM BAGI TAHUN 2020 DAN TAHUN 2019**

| Program                      | 2020            | 2019            | Beza           | (% )          |
|------------------------------|-----------------|-----------------|----------------|---------------|
|                              | RM Juta         | RM Juta         | RM Juta        |               |
| P1 - Perkhidmatan Percukaian | 71.12           | 73.61           | (2.49)         | (3.38)        |
| P2 - Dasar                   | 86.38           | 89.08           | (2.70)         | 3.03          |
| P3 - Operasi Percukaian      | 293.12          | 288.65          | 4.47           | 1.55          |
| P4 - Pematuhan               | 103.30          | 102.30          | 1.00           | 0.98          |
| P5 - Pengurusan              | 444.81          | 435.56          | 9.25           | 2.12          |
| P6 - Negeri                  | 1,283.72        | 1,307.53        | (23.81)        | (1.82)        |
| <b>Jumlah</b>                | <b>2,282.45</b> | <b>2,296.73</b> | <b>(14.28)</b> | <b>(0.62)</b> |

\* Perbelanjaan di Jadual 5 adalah tidak termasuk perbelanjaan Susutnilai/Rosotnilai Hartanah, Loji dan Peralatan dan perbelanjaan Bantuan Sara Hidup Rakyat

**CARTA 5: PRESTASI PERBELANJAAN LHDNM MENGIKUT PROGRAM BAGI TAHUN 2020**



## Program Perkhidmatan Percukaian

Perbelanjaan di bawah Program Perkhidmatan Percukaian menunjukkan penurunan sebanyak 3.38% berbanding tahun sebelumnya adalah disebabkan perubahan dan semakan semula portfolio program bagi memperkemas fungsi aktiviti sedia ada bagi memenuhi *Key Result Area* (KRA) dan *Key Performance Indicator* (KPI) LHDNM. Aktiviti dalam program ini hanya melibatkan aktiviti komunikasi, sekretariat dan pengauditan dalaman. Manakala aktiviti-aktiviti perisikan, operasi khas dan tindakan khas diubah kepada program pematuhan yang lebih bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan.

## Program Dasar

Program Dasar merangkumi aktiviti penggubalan dasar bagi operasi percukaian dalam negara dan antarabangsa. Program ini turut merangkumi fungsi undang-undang seperti pengendalian kes-kes mahkamah dan bertindak sebagai penasihat undang-undang kepada LHDNM. Sebahagian besar daripada kos adalah melibatkan kos pekerja, perjalanan dan sara hidup serta kos mahkamah. Perbelanjaan di bawah program ini berkurang sebanyak 3.03% pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya.

## Program Operasi Percukaian

Program Operasi Percukaian merupakan komponen terpenting dalam memastikan kecekapan proses kutipan cukai di LHDNM. Aktiviti di bawah program ini merangkumi aktiviti operasi percukaian, pungutan hasil, khidmat korporat serta pengurusan teknologi maklumat. Selain daripada kos pekerja, perbelanjaan berkaitan penyelenggaraan sistem percukaian, pangkalan data, bayaran sistem rangkaian, bayaran lesen perisian sistem komputer dan perbelanjaan ICT yang lain telah menjadi penyumbang utama. Perbelanjaan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kecekapan LHDNM terutamanya dalam sistem penyampaian kepada pelanggan. Perbelanjaan di bawah program ini meningkat sebanyak 1.55% pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya.

## Program Pematuhan

Perbelanjaan di bawah Program Pematuhan adalah merangkumi semua perbelanjaan aktiviti-aktiviti berkaitan pematuhan cukai, siasatan, perisikan dan profiling, pengauditan cukai korporat dan cukai bagi syarikat multinasional serta industri khas. Perbelanjaan di bawah program ini menunjukkan peningkatan sebanyak 0.98% berbanding tahun 2020.

## Program Pengurusan

Program Pengurusan terdiri daripada aktiviti yang melibatkan pengurusan kewangan, pembangunan organisasi, pengurusan sumber manusia, pengendalian kursus dan latihan serta pengurusan aset termasuk bangunan pejabat LHDNM. Program Pengurusan telah memberi penekanan kepada inisiatif-inisiatif LHDNM ke arah memantapkan pengurusan kewangan, struktur organisasi LHDNM dan melahirkan pegawai-pegawai yang berkompetensi bagi menjamin pencapaian KPI dan seterusnya kelestarian organisasi. Pada tahun 2020, perbelanjaan program pengurusan telah meningkat sebanyak 2.12% berbanding tahun sebelumnya hasil daripada penambahbaikan kepada proses kerja dan transformasi yang telah dilaksanakan.

## Program Negeri

Program Negeri merupakan program yang menyumbang kepada perbelanjaan terbesar di LHDNM iaitu 56.24% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan. Aktiviti di bawah program Negeri adalah seperti aktiviti pentadbiran di Negeri, audit cukai, pungutan, duti setem, siasatan, pengesanan, perundangan dan khidmat pelanggan. Perbelanjaan ini juga meliputi kos pengoperasian Pusat Khidmat Hasil yang berada di Negeri.

## **PRESTASI PERBELANJAAN MODAL LHDNM BAGI TAHUN 2021**

Pada tahun 2020, perbelanjaan modal adalah sebanyak RM89.37 juta iaitu RM84.52 juta bagi perbelanjaan Projek Sistem Pengkomputeran dan RM4.85 juta bagi perbelanjaan Projek Bangunan Pejabat.

Projek Sistem Pengkomputeran yang diluluskan adalah untuk mewujudkan satu sistem pengurusan percukaian yang cekap dan efisien selari dengan perkembangan teknologi terkini. Ianya dirancang secara atas talian bagi memudahkan urusan pembayar cukai dan secara tidak langsung memberi impak positif terhadap peningkatan kutipan cukai.

Projek Bangunan Pejabat yang diluluskan adalah untuk menyediakan kemudahan dan bangunan pejabat sendiri yang lebih selesa serta mesra pengguna sama ada bagi pegawai-pegawai LHDNM mahupun pembayar cukai.

## **PENCAPAIAN KESELURUHAN**

Secara keseluruhannya, pengurusan kewangan LHDNM berada dalam kedudukan yang baik dan dilaksanakan secara berhemah dengan menerapkan kaedah penilaian tahap kecekapan kos (cost efficiency) serta kaedah pengurusan nilai (value management) bagi menjamin risiko kelestarian (sustainability) kewangan LHDNM sentiasa terkawal.

Semua perbelanjaan yang dibuat adalah membolehkan ianya memberi impak positif kepada fungsi utama LHDNM iaitu mengutip hasil cukai bagi pendapatan Negara. Penurunan kos sebanyak 2.19% iaitu RM2,404.04 juta pada tahun 2020 berbanding RM2,457.94 juta tahun 2019, memberi petunjuk yang baik terhadap pengurusan kewangan di LHDNM dan ianya selaras dengan pencapaian melebihi sasaran LHDNM dalam semua petunjuk prestasi utama (KPI) percukaian yang ditetapkan seperti kutipan hasil, pembesaran asas cukai, auditan pembayar cukai, penyelesaian kes-kes siasatan, mengurangkan tunggakan hasil dan lain-lain KPI (bukan percukaian) yang telah ditetapkan kepada LHDNM.





Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Menara Hasil, Persiaran Rimba Permai, Cyber 8, 63000 Cyberjaya Selangor.

Hasil Care line: 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara)